



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## K A N D U N G A N

<b>MENGANGKAT SUMPANH:</b>	
- Yang Berhormat Dato' Chor Chee Heung	(Halaman 1)
<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:</b>	
- Mengalu-alukan Ahli Baru	(Halaman 1)
- Titah Ucapan Diraja	(Halaman 1)
- Melantik Ketua Pembangkang	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 2)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 19)
<b>USUL:</b>	
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.	
- <i>Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)</i>	(Halaman 20)

### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob (Sipitang) – UMNO

### **MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. " Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) - MCA.
19. " Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop
20. " Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) - UMNO
21. " Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) - SUPP
23. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) - UMNO
25. " Menteri Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
30. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Mulia Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO

26. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin: (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

#### **SETIAUSAHA PARLIMEN**

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB

10. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) – GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) – UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Silam) – UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Vigneswaran a/l M. Sanasee (Kota Raja) - MIC

#### **AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. (B) Datuk Seri Abd. Hamid Ngah @ Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Abdul Fatah bin Harun (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Abdul Halim bin Abdul Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titawangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO

14. Yang Berhormat Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Yang Berhormat Tuan Bernard S. Maraat (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Abdul Rahman (Kuala Nerus) - UMNO
19. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
20. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
21. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
22. “ Tuan Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
23. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) - MCA
26. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) - UPKO
27. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
28. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
29. “ Dato' Firdaus Muhammad Rom bin Harun (Rembau) - UMNO
30. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
31. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
32. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
33. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
34. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
35. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
36. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
37. “ Ir. Hasni bin Mohamad (Pontian) - UMNO
38. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
39. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
40. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
41. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
42. “ Tuan Ismail bin Abd. Mutalib (Maran) - UMNO
43. “ Tuan Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
45. “ Tuan Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
46. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
47. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
48. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
49. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
50. “ Tuan Jimmy Donald Lim (Sri Aman) - PBDS
51. “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
52. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
53. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO



54. Yang Berhormat Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
55. “ Tan Sri Dato’ K.S. Nijhar (Subang) - MIC
56. “ Puan Kalthom binti Othman (Pasir Puteh) - PAS
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan Karpal Singh a/l Ram Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ Datuk Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K, B.K.M, P.J.K, J.P (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Tuan Ling Ban San (Tebrau) - MCA
65. “ Tuan Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
66. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
67. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
68. “ Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat) - DAP
69. “ Datuk Dr. Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
70. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
71. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
72. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
73. “ Datuk Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
74. “ Tuan Muhamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
75. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat (Kuala Krai) - UMNO
76. “ Datuk Mohd Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
77. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
78. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
79. “ Tuan Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
80. “ Dato’ Mohd. Sarit Yusoh (Temerloh) - UMNO
81. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
82. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
83. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
84. “ Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
85. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
86. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
87. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) – UMNO
88. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ismaill (Kuala Terengganu) – UMNO
90. “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
91. “ Tuan Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO

92. Yang Berhormat Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
93. “ Puan Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
94. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
95. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
96. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
97. “ Tuan Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
98. “ Datuk Shahrir bin Abd. Samad (Johor Bahru) – UMNO
99. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
100. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
101. “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
102. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
103. “ Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
104. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
105. “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
106. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
107. “ Puan Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Datuk Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Wai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

#### **MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha**  
Roosme binti Hamzah  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**Pegawai Undang-undang**  
Muzalni bin Soid

**Penolong Setiausaha**  
Muhd Sujairi bin Abdullah  
Lavinia a/p Vyveganathan  
Bazlinda binti Bahrin

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Samsiah binti Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mat Thani  
Zaiton binti Yaacob  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Hairan bin Mohtar  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah binti Mohd. Azir  
Mohd. Izhar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS  
UNIT CETAK**

Kamaruddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan bin Sarif  
Alias bin Mohd. Nor

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed

**BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah  
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Hindun binti Wahari  
Rozaimah binti Mohamad Ariffin  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Ropiah binti Tambi  
Suhairi bin Othman



**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
Rabu, 19 Mei 2004**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

- Yang Berhormat Dato' Chor Chee Heung.

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang Mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat dapat memberi sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya, dan semoga dapat berkhidmat dengan cemerlang.

**TITAH UCAPAN DIRAJA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis iaitu pada 18 Mei 2004 Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

*[Teks Titah Ucapan Diraja adalah seperti di lampiran]*

**MELANTIK KETUA PEMBANGKANG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 4A(3) saya suka hendak memaklumkan iaitu mengikut maklum balas yang saya terima, saya berpuas hati bahawa Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli Parlimen kawasan Ipoh Timor telah mendapat sokongan majoriti dari kalangan ahli-ahli pembangkang di Parlimen untuk dilantik sebagai Ketua Pembangkang *[Tepuk]* Oleh itu, saya dengan ini mengisytiharkan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli Parlimen kawasan Ipoh Timor sebagai Ketua Pembangkang dan diberi kemudahan-kemudahan di bawah Seksyen Kecil 2, Seksyen 3, Akta Ahli-ahli Parlimen (Saraan) 1980, mulai pada hari ini.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tahniah Tun dan Timbalan Speaker dan juga Menteri Kabinet. Soalan yang pertama.

1. **Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) perubahan dasar atau pendekatan yang bakal dipelopori untuk membangunkan politik, sosial dan ekonomi negara seterusnya; dan
- (b) dalam konteks "*first world infrastructure with third world mentality*" apakah rancangan dan strategi untuk menukar minda masyarakat Malaysia supaya pembangunan mental setanding dengan pembangunan fizikal negara.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharom]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan berpegang teguh kepada Wawasan 2020 iaitu membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara maju mengikut acuan kita sendiri. Dalam melaksanakan dasar-dasar yang ada, kerajaan peka dan sedia mengubah pendekatan sekiranya perlu mengikut keadaan dan keperluan semasa. Justeru itu, beberapa pembaharuan telah dilaksanakan bagi memperkukuhkan lagi pembangunan negara.

Dari segi politik kerajaan telah menyusun beberapa langkah untuk memantapkan sistem perwakilan rakyat dalam negara.

Pertama, kerajaan telah memperkenalkan kod etika dan laporan prestasi bagi wakil-wakil rakyat dari parti Barisan Nasional untuk memastikan mereka sentiasa berintegriti, mesra rakyat dan memenuhi kehendak rakyat.

Kedua, kerajaan akan mengesyorkan langkah-langkah tertentu untuk membaiki lagi keberkesanan institusi Parlimen untuk memudahkan dan memperluaskan Jawatankuasa-jawatankuasa Khas Parlimen, *Parliamentary Select Committee*, dengan izin, yang bertanggungjawab menyelidik isu-isu tertentu. Dari segi sosial, kerajaan akan meneruskan, menekan pembangunan yang seimbang di mana kemakmuran negara dapat dikecap dan dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat.

Justeru itu, usaha membasmi kemiskinan terutamanya kemiskinan tegar, kemiskinan bandar, kemiskinan luar bandar serta mengurangkan jurang digital, dengan izin, *digital divide* akan diperhebat. Seajar dengan objektif menyusun semula masyarakat, kerajaan akan terus membantu membangunkan kaum bumiputera melalui dasar-dasar yang bertujuan menaikkan daya saing kaum tersebut tanpa menjejaskan taraf ekonomi kaum lain.

Pada keseluruhannya, bantuan dari segi infrastruktur kewangan dan peluang-peluang untuk meningkatkan kualiti hidup akan terus diberi oleh kerajaan kepada mana-mana golongan yang memerlukannya. Selain daripada itu, kerajaan akan meningkatkan usaha untuk mengurangkan masalah jenayah dan gejala sosial di dalam negara. Pihak Polis Diraja Malaysia akan diperkasakan untuk menangani kejadian jenayah di Malaysia. Sementara gejala sosial akan ditangani melalui pelaksanaan Dasar Sosial Negara yang jitu di bawah kelolaan Majlis Sosial Negara.

Dari segi ekonomi kerajaan akan meneruskan hala tuju yang telah ditetapkan iaitu:

- (i) untuk menjadikan negara lebih berdaya saing dan meningkatkan tahap tambah nilai dalam aktiviti negara yang sedia ada;

- (ii) menerokai sumber-sumber ekonomi baru;
- (iii) untuk mempertingkatkan daya inovasi negara; dan
- (iv) untuk menurunkan kos perniagaan di Malaysia, *cost of trade business*, dengan izin.

Bagi mencapai matlamat tersebut, kerajaan telah mengambil beberapa pendekatan baru. Pertama, kerajaan akan berusaha untuk mencapai dengan menerapkan nilai budaya prestasi tinggi, *high performance culture*, dengan izin, ke dalam sektor awam dan sektor swasta.

Bagi sektor awam, kerajaan bertekad untuk menguruskan kewangan negara secara berhemah, terutamanya *priority system* penyampaian perkhidmatan awam. Bagi sektor swasta, kerajaan akan menyusun langkah-langkah untuk meningkatkan prestasi sektor ini sebagai menerajui ekonomi negara.

Umpamanya prestasi syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan, *government link companies*, dengan izin, akan ditingkatkan melalui penggunaan indeks prestasi utama *e-common indicators*, dengan izin, di syarikat-syarikat tersebut. Langkah-langkah yang diambil tersebut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan untuk membangunkan negara Malaysia dengan mapan dan seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, demi mencapai pembangunan negara yang bermakna, pembangunan budaya dan mentaliti masyarakat Malaysia mestilah setanding dengan pembangunan fizikal dan infrastruktur negara. Berbanding dengan pembangunan fizikal, pembangunan budaya dan nilai-nilai adalah jauh lebih rumit dan mengambil masa yang panjang, namun kerajaan telah mengambil beberapa langkah permulaan untuk merangsang pembangunan budaya dan nilai-nilai positif di kalangan masyarakat Malaysia.

Umpamanya, kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan budaya prestasi tinggi dalam sektor awam dan sektor swasta negara. Kerajaan juga komited untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang bermaruah tinggi, beretika, berintegriti serta mengutamakan urus tadbir berhemah *good governance*, dengan izin.

Baru-baru ini kerajaan telah memperkenalkan Pelan Integrasi Nasional (PIN) dan menubuhkan Institut Integrasi Malaysia (IIM). Objektif utama program-program yang bakal dilancarkan di bawah PIN adalah untuk meningkatkan lagi kesedaran masyarakat tentang keburukan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa, keperluan untuk meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi dan kepentingan integriti dalam kehidupan seharian.

Kerajaan telah memulakan langkah untuk mendidik semua golongan muda untuk menghayati dan membudayakan nilai etika dan moral yang tinggi di bangku sekolah lagi termasuk dengan memperkenalkan tidak lama lagi satu mata pelajaran Sivik dan Etika sebagai mata pelajaran yang wajib bagi semua sekolah.

Bagi melahirkan generasi muda yang berkeyakinan diri, dinamik, berwibawa serta berkebolehan, kerajaan telah memperkenalkan program-program seperti Khidmat Negara dan Rakan Muda serta memberi tumpuan kepada aktiviti kokurikulum di samping mata pelajaran akademik.

Kepekaan *gender* juga merupakan salah satu dari pengukur masyarakat yang majmuk. Justeru itu kerajaan bertekad untuk mempertingkatkan kepekaan *gender* di kalangan masyarakat dengan memperbanyakkan kursus kepekaan *gender* bagi penjawat sektor awam dan korporat. Dengan langkah-langkah tersebut, kerajaan yakin dapat menggubal dan meningkatkan lagi budaya sikap mentaliti nilai-nilai murni di kalangan rakyat Malaysia dan membawa pembangunan yang lebih bermakna dan menyeluruh kepada negara. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengalu-alukan tindakan kerajaan terutama sekali untuk mengadakan kod etika untuk masyarakat Malaysia, dan kod etika ini hendaklah diserapkan dalam satu pengajian di sekolah-sekolah terutamanya di peringkat *kindergarten* dan rendah. Saya cukup yakin bahawa guru-guru di kolej ataupun guru-guru akan juga diajar supaya guru-guru ini boleh menjadi pemangkin kepada kemajuan etika Malaysia, tetapi untuk

keadaan yang sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah tindakan khusus kita ambil supaya etika-etika yang kita cadangkan ini diperkenalkan untuk diikuti ramai, umpamanya kalau kita naik *train*, dalam LRT kita akan lihat tempat-tempat khas orang tua, orang-orang mengandung dan sebagainya duduk, tetapi kebanyakannya yang duduk di sana ialah anak-anak muda, orang yang macam saya tidak ada *chance* duduk, kerana ia .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ya, ya.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, jadi saya hendak bertanya, yang kedua kita lihat orang Malaysia ini masih banyak yang pengotor ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu soalan sahaja, Yang Berhormat, satu soalan sahaja.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, tidak, tidak, ini satu soalan sahaja, tetapi contohnya yang panjang. Jadi, apakah tindakan khusus supaya kerajaan dan agensi-agensi kerajaan supaya orang Malaysia boleh mengikutnya garis *discipline* - kalau tidak dapat dilenturkan dengan lembut, kita gunakan kekerasan sedikit untuk membentuk peribadi masyarakat Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Santubong, tadi berkenaan dengan menerapkan nilai-nilai murni seperti mana yang saya katakan tadi, kita akan mengambil masa yang agak panjang juga terutama sekali dengan memperkenalkan pendidikan Sivik dan Etika ke dalam mata pelajaran dan selain dari itu, program-program seperti yang telah saya sebutkan tadi, iaitu Program Khidmat Masyarakat, Program Rakan Muda dan saya rasa dengan cara itulah, kita akan dapat mewujudkan satu masyarakat Malaysia seperti yang kita kehendaki.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk mengubah minda masyarakat Malaysia, adakah pihak kerajaan berhasrat rela untuk memberi sokongan yang penuh supaya Parlimen boleh menjadi '*first world Parliament*' dan bukan sahaja daripada segi prasarana dan pembangunan, tetapi dalam semua aspek, *mindset*, budaya, amalan dan dengan satu program reformasi Parlimen dan modenisasi yang menyeluruh dan untuk memastikan bahawa kita ada satu '*first world infrastructure*' dan '*first world mentality*' memastikan bahawa kerajaan akan mempelopori program ini dengan Jemaah Menteri memberi teladan, bukan semacam hari ini contoh yang buruk, semua kosong, tiga blok semuanya kosong ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ....

**Tuan Lim Kit Siang:** ....memberi satu contoh yang sangat buruk, sungguhpun kita tahu bahawa ada Mesyuarat Jemaah Menteri....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** .... sungguhpun kita tahu ada sidang Jemaah Menteri pagi ini di Putrajaya, bukankah masa sudah sampai untuk meminda masyarakat ini bahawa kita menjemput Jemaah Menteri bersidang dalam Bangunan Parlimen. Apabila Parlimen bersidang ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** .... apabila Jemaah Menteri boleh bersidang di Langkawi dan di tempat-tempat yang lain, itulah meminda masyarakat Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** '*First world infrastructure*', '*first world mentality*'. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ....

**Beberapa Ahli:** [*Sorak*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Nampaknya tidak ada soalan Yang Berhormat, ya.



**Tuan Lim Kit Siang:** Ada soalan! Untuk memberi pengajaran – makna Parlimen, reformasi, Kabinet mahu memberi contoh, harap dia boleh, tidak perlu semakan beliau.

**Seorang Ahli:** Duduk, duduk.

**Seorang Ahli:** Soalan tambahan. Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup!

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Auw, mahu beri semakan, itu bukan minda masyarakat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat! Yang Berhormat Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah Tuan Yang di-Pertua kerana telah dilantik semula sebagai Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Timbalan-timbalan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan R. Karpal Singh:** *Point of Order.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, *Point of Order.*

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini yang kedua, tahniah dan sebagainya. Apabila hari itu Ketua Pembangkang memberi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]* tidak diterima. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 24(1).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Membelek helaian Buku Peraturan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Tuan R. Karpal Singh:** Apabila nama seseorang ada disebut untuk tanya satu soalan, ini apa yang harus dibuat dan ini ada dalam peraturan ini. *Alright*, "...berdiri pada tempatnya dan mengeluarkan pertanyaan itu dengan menyebutkan bilangan pertanyaannya dalam Aturan Urusan Mesyuarat...". Itu sahaja. Apa ini, tahniah dan sebagainya?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa] [Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Larut, sila teruskan pertanyaan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun] [Memegang Buku Peraturan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Ya, Peraturan Mesyuarat, sekejap, sekejap, sekejap.

**Tuan Lim Kit Siang:** 99 mengenai keputusan Tuan Yang di-Pertua yang muktamad, saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh kaji keputusan tadi bahawa soalan saya yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, saya percaya bukan soalan. Adalah dua soalan yang sangat tepat mana boleh tiada soalan. Soalan sama ada kerajaan akan sokong usaha Parlimen menjadi *first world Parliament* dan yang kedua, Kabinet menjadi teladan – *first world infrastructure, first world mentality*. Bagaimana boleh kata tidak ada soalan? Saya harap biar beliau boleh jawab itu mengikut Peraturan Mesyuarat, tidak perlu diselamatkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan beliau.... bukan sahaja membenarkan beliau, tetapi mengarahkan beliau jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengarahkan beliau jawab!

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah memutuskan Yang Berhormat, saya mendengar pertanyaan daripada Yang Berhormat, saya tidak dengar pertanyaan pun, hanya ucapan. [Sorak] Oleh yang demikian saya meminta Yang Berhormat bagi Larut teruskan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Ipoh Timor dan Bukit Gelugor dalam Parlimen. Soalan nombor dua, Tuan Yang di-Pertua.

2. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak kementerian bagi memastikan setiap individu tenaga mahir warga asing (*expatriate*) yang berkhidmat dengan syarikat-syarikat tempatan membayar ataupun menjelaskan cukai pendapatan mereka kepada kerajaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan setiap individu tenaga mahir warga asing ataupun *expatriate* yang berkhidmat dengan syarikat tempatan membayar cukai pendapatan kepada kerajaan, Kementerian Kewangan telah mengambil langkah yang telah ditetapkan seperti berikut:-

- (i) *Expatriate* yang tiba di Malaysia dalam sesuatu tahun taksiran dan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun tersebut pada tahun taksiran berikutan tahun tersebut, dikehendaki dalam masa dua bulan dari ketibaannya memberi notis kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri bahawa ia layak dikenakan cukai. Ketetapan ini adalah di bawah Seksyen 77(3) Akta Cukai Pendapatan Tahun 1967. Kegagalan berbuat demikian boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM200 dan tidak melebihi RM2000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 112(1) Akta Cukai Pendapatan 1967; dan
- (ii) majikan yang menggaji *expatriate* yang boleh dikenakan cukai dikehendaki memberi notis secara bertulis kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak lewat daripada satu bulan selepas menggaji *expatriate* tersebut dengan menyatakan nama dan alamat penuh *expatriate* dan terma serta tarikh mula penggajian. Ketetapan ini adalah di bawah Seksyen 83(2) Akta Cukai Pendapatan 1967. Kegagalan majikan berbuat demikian boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM200 dan tidak melebihi RM2000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 120(1)(C) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Selain daripada langkah berdasarkan peruntukan perundangan tersebut, Lembaga Hasil Dalam Negeri juga mendapatkan maklumat mengenai *expatriate* daripada Jabatan Imigresen kerana setiap *expatriate* yang hendak berkhidmat di Malaysia perlu memohon pas kerja (*work pass*). Melalui maklumat yang diperolehi daripada *expatriate* yang menghantar notis kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri daripada majikan serta Jabatan Imigresen, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mendaftarkan fail dan seterusnya mengeluarkan penyata untuk *expatriate* tersebut melaporkan pendapatan tahunannya.

Majikan juga dikehendaki membuat potongan cukai daripada gaji *expatriate* yang layak dikenakan cukai setiap bulan ataupun Potongan Cukai Berjadual dan meremitkan bayaran tersebut kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ia dibuat sebaik sahaja *expatriate* mula bekerja dan menerima gaji. Jumlah potongan bergantung kepada pendapatan, taraf perkahwinan dan juga bilangan anak *expatriate* tersebut. Lembaga Hasil Dalam Negeri membuat audit ke atas rekod-rekod syarikat dan majikan.

Sekiranya didapati individu ataupun *expatriate* yang layak dikenakan cukai tetapi tiada notis pemberitahuan, mengikut peruntukan tersebut diberikan kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri, maka tindakan akan diambil terhadap majikan

dan juga individu *expatriate* tersebut. Selain dari itu, pemberitahuan mengenai tanggungjawab majikan dan individu dan *expatriate* dimaklumkan dari masa ke semasa melalui program pembelajaran seperti taklimat, kursus yang diberikan kepada majikan dan juga individu *expatriate*.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan kehadiran isteri-isteri anggota tentera Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin tahu mengenai berapakah bilangan *expatriate* yang berkhidmat atau bekerja di negara kita ini dan juga nyatakan bilangan mengikut negara asal mereka yang berada dalam negara kita ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya rasa itu terkeluar.

**Dato' Badruddin bin Amiruddin:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Jerai.

**Dato' Badruddin bin Amiruddin:** Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa *expatriates* ini dapat dikesan melalui Jabatan Imigresen dan sebagainya, tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita mesti ingat juga pendatang-pendatang yang datang ke negara kita ini kadang-kadang pendapatan mereka melebihi beribu-ribu ringgit dan apakah kesan atau tindakan yang boleh diambil oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk memastikan mereka juga membayar cukai kerana kita di Malaysia setiap rakyat membayar cukai. Kerani sekalipun dia kena isi borang cukai dan sebagainya. Jadi apakah Lembaga Hasil Dalam Negeri juga akan bertindak untuk kita mengutip pendapatan cukai pendatang, daripada pendatang-pendatang yang bekerja di negara kita dan mendapat hasil yang begitu lumayan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya *expatriate* yang dimaksudkan dalam jawapan saya tadi ialah pegawai dagang ataupun pakar-pakar yang bekerja di Malaysia ini tidak termasuk buruh-buruh ataupun pembantu rumah yang datang masuk ke Malaysia. Jadi perangkaan yang ada cuma berkenaan dengan *expatriate* ataupun pegawai dagang sahaja Tuan Yang di-Pertua. Jadi dalam hal ini saya tidak boleh memberi jawapan yang tepat kepada soalan yang telah dibangkitkan oleh Jerai dan pendatang-pendatang yang buruh dan juga pembantu rumah dan sebagainya.

3. **Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor)** minta Perdana Menteri menyatakan rancangan mewujudkan Suruhanjaya Pilihan Raya bebas dan profesional yang mendapat keyakinan umum terhadap kebolehannya mengadakan pilihan raya yang bebas, adil, bersih dan sama ada Suruhanjaya Siasatan Diraja akan ditubuhkan mengenai Pilihan Raya 2004 yang paling tidak adil, memalukan, kelam-kabut dan tidak profesional.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang menjadi Ketua Pembangkang di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan Suruhanjaya Pilihan Raya yang lain kerana percaya Suruhanjaya Pilihan Raya yang diwujudkan sekarang adalah bebas di bawah Perlembagaan dan mampu untuk melaksanakan fungsi-fungsi termasuk menjalankan pilihan raya secara bebas dan profesional.

Seperti Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sedia maklum, SPR yang ada pada hari ini telah begitu berpengalaman dalam menjalankan pilihan raya untuk negara ini. Sejak dari pelaksanaan pilihan raya umum yang pertama pada tahun 1959 sehingga pilihan raya umum kesebelas pada tahun ini, SPR telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh beramanah, bebas dan adil.

Melalui setiap pilihan raya yang dijalankan, rakyat telah bebas untuk memilih wakil-wakilnya untuk menubuhkan kerajaan. Semua pilihan raya yang dijalankan, ia telah berjalan lancar dan berjaya tanpa apa-apa masalah yang besar dan keputusan pilihan raya telah diperolehi dengan cepat dan tepat.

Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah faham dan sedar bahawa menjalankan sesuatu pilihan raya umum dalam sebuah negara yang berbilang kaum, budaya dan agama seperti Malaysia bukanlah satu perkara yang mudah. SPR telah menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang. Jika timbul sedikit keadaan kelam-kabut pada hari pengundian seperti yang berlaku sebelah pagi di beberapa tempat mengundi di Selangor, itu merupakan perkara yang tidak disengajakan dan ia terbatas di beberapa tempat di negeri Selangor sahaja.

Kesesakan di sebelah pagi pada hari pengundian adalah perkara biasa yang berlaku di semua tempat mengundi di kawasan bandar tetapi waktu pengundian ialah dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Oleh yang demikian, para pengundi boleh datang pada bila-bila masa. SPR telah menjalankan tanggungjawab dengan baik dan berjaya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Taiping oleh kerana dipilih sebagai Ahli Parlimen dan menjadi Timbalan Menteri. Belum jadi menteri, sungguhpun beliau dipaksa untuk membuat satu kenyataan, beliau sendiri tidak percaya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat,....

**Tuan Lim Kit Siang:** .... bahawa inilah ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, tidak bersangkut Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** .... *elective commission* ialah ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, tidak bersangkut Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan saya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Hem.

**Tuan Lim Kit Siang:** .... soalan saya ialah adakah Suruhanjaya Pilihan Raya bertindak sebagai suatu jabatan kerajaan perlu bertanggungjawab kepada Jabatan Perdana Menteri? Dan kalau tidak, kenapa satu laporan mengenai apa yang berlaku dalam Selangor dan sebenarnya apa yang berlaku dalam pilihan raya besar baru-baru ini mengenai kelam-kabut yang bukan sahaja terhad kepada Selangor tetapi di seluruh Malaysia diserahkan kepada Jabatan Perdana Menteri dan bukan kepada Parlimen dan bukan kepada orang ramai.

Bukankah ini menunjukkan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya, sikap mereka ialah mereka satu jabatan kecil di bawah Jabatan Perdana Menteri, adakah laporan itu akan dibentangkan di Parlimen untuk orang ramai dan adakah kerajaan rela mengadakan satu perbincangan yang sepenuhnya mengenai apa yang berlaku dalam pilihan raya besar tahun 2004 yang terkandung dalam Usul saya supaya ada satu perbincangan yang mendalam perlu diadakan. Sekian, terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Inilah Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, kita menghadapi masalah bukan sahaja apabila pembangkang meminta *first world mentality* untuk Parlimen dan kerajaan, kita masih belum ada *first world* pembangkang lagi. Oleh sebab itu kita dapat. [Tepuk]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Ketawa]

**Datuk M. Kayveas:** Kita dapat soalan macam ini, apabila kita jawab, dia kata kita terpaksa jawab. Mestilah kita ada tanggungjawab untuk menjawab soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila-sila teruskan.

**Datuk M. Kayveas:** Jawapan kepada Yang Berhormat ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk M. Kayveas:** .... SPR ini di bawah Jabatan Perdana Menteri. Oleh sebab di bawah Jabatan Perdana Menteri, perlulah apa-apa laporan perlu dibagi kepada Jabatan Perdana Menteri. Lepas itu apabila pembangkang meminta soalan kepada Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri akan memberi jawapan kepada pembangkang.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Liow Tiong Lai:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, Yang Berhormat yang di belakang sana, ya.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apabila ditanya tentang tanggungjawab, perlu jawab. Bukan diketepikan. *First world parliament* bukan *Third World Deputy Minister*.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Cukuplah. Cukup. Yang Berhormat sila, sila.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Loh Seng Kok:** *[Bangun]*

**Tuan Liow Tiong Lai:** Kita ucapkan tahniah dan syabas kepada Suruhanjaya Pilihan Raya ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

**Tuan Liow Tiong Lai:** .... kerana telah dapat menjalankan pilihan raya umum yang kesebelas....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Amat Berhormat, cukuplah Yang Berhormat, ya. *[Dewan riuh]*

**Tuan Liow Tiong Lai:** .... ini soalan tambahan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] (Dewan riuh)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, Yang Berhormat saya betul. Betul saya mengatakan. Tetapi saya meminta Yang Berhormat yang berucap, yang bertanya jawab dah. Boleh, boleh, boleh.

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, saya boleh mengubahkan fikir saya dalam perkara ini. *[Dewan riuh]*. Sila, sila teruskan.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Ya, semua sedia maklum....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila, sila, sila.

**Tuan R. Karpal Singh:** *Point of order ....*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** *Point of order ....*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Saya akan Point of order.

**Tuan R. Karpal Singh:** *Point of order .....*

**Tuan Liow Tiong Lai:** Tunggu sekejap, bahawa dalam pilihan raya ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Hem. Nanti sekejap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Temerloh, ya. Sekejap. *Point of order* apa itu?

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu saya kira. Apa yang perlu, adalah satu keperluan. [*Dewan riuh*] Satu orang *Speaker*, Tuan Yang di-Pertua tidak boleh tukar fikiran. Sudah ambil keputusan, pegang terus dengan keputusan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, ya, ya. Cukuplah. Cukuplah. Ya, sila teruskan Yang Berhormat. [*Dewan riuh*] Sila, sila teruskan.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Ya, kita semua sedia maklum bahawa dalam pilihan raya kali ini kita menghadapi sedikit kelemahan dan adakah kementerian ataupun Suruhanjaya Pilihan Raya mengambil keputusan untuk memberi latihan-latihan kepada pekerja-pekerja Suruhanjaya Pilihan Raya sepanjang tahun. Janganlah sehingga selalunya berlaku apabila dekat dengan pilihan raya baru hendak mengadakan latihan bagi pekerja-pekerja Suruhanjaya Pilihan Raya. Ini menimbulkan banyak masalah apabila kita menghadapi pilihan raya dan ini tidak akan memberi apa-apa bantuan untuk memastikan pilihan raya berjalan dengan lancar.

Adakah SPR boleh menggaji lebih ramai lagi kakitangan SPR dan juga memberi latihan yang lebih ramai kepada semua kakitangan pejabat-pejabat daerah. Sekian, terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih, Yang Berhormat. SPR sebelum pilihan raya telah memberi latihan sepanjang masa tetapi pada kali ini kita dapati dengan izin *mismatch between master electoral roll* dengan *electoral roll* yang digunakan dalam *polling station*. Oleh sebab itu, kita ada sedikit masalah komputer dan teknikal.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana mengambil perhatian bahawa kita boleh memberitahu SPR untuk memberi *training* seluruh masa bukan sahaja kita tunggu pilihan raya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukup.

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang pertama, saya tanya sama ada laporan SPR kepada kerajaan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** .... mengenai kekecohan di Selangor akan dibentangkan di dalam Parlimen. Dia tidak jawab. Kalau tidak mahu jawab, kenapa duduk dalam Dewan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Hem.

**Puan Chong Eng:** Adakah pihak SPR sendiri .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Harap dia boleh jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ya.

4. **Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah kerajaan merancang untuk menggalakkan semula industri biji timah memandangkan harga komoditi ini yang cukup baik sekarang ini; dan
- (b) berapakah bilangan lombong-lombong bijih yang masih beroperasi di negara ini dan sejauh manakah kadar guna tenaga dalam industri ini.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan S.G. Sothinathan]:**  
Tuan Yang di-Pertua;

- (a) pada dasarnya Kerajaan Persekutuan memang menggalakkan pembangunan industri mineral termasuk industri bijih timah. Mineral boleh dihasilkan sebagai satu sumber kekayaan negara.

Harga bijih timah sekarang ialah lebih kurang USD9,000 setan ataupun RM34 sekilogram sememangnya amat menarik kepada pelombong sedia ada untuk meningkatkan pengeluaran dan juga bakal pelabur untuk melabur. Walaupun hasrat Kerajaan Persekutuan menggalakkan perlombongan termasuk perlombongan bijih timah dijalankan secara mapan, tetapi keputusan terakhir untuk membenarkan aktiviti perlombongan tersebut dilakukan adalah di pihak kerajaan negeri.

- (b) Jumlah lombong bijih timah yang masih beroperasi di negara ini adalah sebanyak 25 unit dan menggaji seramai 655 pekerja. Negeri Selangor mempunyai bilangan 12 unit lombong dengan diikuti oleh negeri Perak dengan 10 unit lombong, Pahang – 2 dan Johor – 1.

Dari segi guna tenaga pula, Perak menggaji seramai 357 pekerja, manakala Selangor mempunyai 234 pekerja, Pahang – 50 dan Johor pula hanya 14 pekerja. Aktiviti pemprosesan mineral di kilang amang mempunyai hubungan rapat aktiviti perlombongan bijih timah. Amang yang diperoleh daripada aktiviti perlombongan bijih timah ini diproses untuk menghasilkan bijih timah serta mineral sampingan seperti '*zircon, eliminate*' dan '*mosaic*'.

Terdapat 26 unit kilang amang. Di Perak ada 21 dan di Selangor ada 5, menggaji seramai 487 pekerja. Seramai 437 pekerja di Perak dan 50 orang lagi bekerja di kilang amang di Selangor.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Timbalan Menteri kerana menjawab soalan ini. Saya sedar bahawa keputusan untuk menjalankan industri ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri tetapi saya kira kerajaan harus *coordinate*, dengan izin, kerana pasaran bijih ini ada sekarang. Harga pun baik di peringkat antarabangsa dan kita bercakap untuk meningkatkan pendapatan negara, mendapatkan *export earning*, dengan izin, dan saya kira mesti dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menggalakkan kerajaan-kerajaan negeri. Saya kira banyak negeri. Di negeri Pahang ada satu, banyak lombong yang boleh diusahakan, di Selangor dan di Perak. Keadaan harga yang begitu baik sekarang ini boleh membantu untuk meningkatkan pendapatan negara. Saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya lombong bijih yang kita ada, *alluvial tin* yang masih terdapat di kawasan hutan simpanan di Perak dan juga sisa-sisa yang ada dari lombong-lombong yang lain di negeri Perak tetapi di negeri Selangor walaupun terdapat deposit mineral timah, tetapi kerana kadar pembangunan yang pesat ini memang memberi jalan buntu kepada perlombongan bijih timah kerana nilai ekonominya untuk pembangunan, tanah-tanah yang terhad itu memang tidak menggalakkan perlombongan timah di negeri Selangor.

Di samping itu juga kita mempunyai *hard rock tin*, dengan izin, yang terdapat di Sungai Lembing dan juga di kawasan-kawasan banjaran, *main range*, dengan izin, di Semenanjung Malaysia tetapi ianya agak mahal untuk dilombong. Walau bagaimanapun, kerajaan dengan adanya Dasar Mineral Negara kita, memang kita menggalakkan sistem perlombongan bijih timah dan juga lain-lain mineral secara mapan supaya kita memastikan bahawa tanah itu dapat dipelihara dan selepas itu ianya boleh digunakan untuk aktiviti-aktiviti pembangunan yang lain.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Tuan Speaker. Apakah pandangan kerajaan mengenai harga pasaran bijih timah untuk jangka masa pendek dan panjang dan harga yang diberi dikatakan 9 ribu tan itu, adakah *in the long term* boleh *bring net benefit to the country* dan juga *stockpile*, adakah kita ada *stockpile* untuk kontrol mekanisme harga di negara kita berbanding dengan negara Amerika Syarikat.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita tahu bahawa kalau kita bandingkan harga timah pada tahun 1990, ianya cuma RM16.45 walaupun pada masa itu aktiviti perlombongan masih aktif lagi, tetapi kita tidak dapat berbuat apa-apa untuk mengawal harga. Begitu juga harganya telah turun sehingga lebih kurang RM12.50 di mana banyak lombong bijih timah perlu ditutup tetapi pada masa ini, oleh kerana pengeluaran bijih timah yang berkurangan, maka harganya telah meningkat. Ini adalah *question of demand and supply*, dengan izin. Jadi, Malaysia sebagai satu pengeluar yang kecil, kita tidak mempunyai kuasa ataupun kawalan terhadap harga di dalam pasaran dunia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan M. Kulasegaran:** *Stockpile, stockpile!*

**Tuan Yang di-Pertua:** ....Tuan Shim Paw Fatt.

5. **Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan kes-kes rogol dan bunuh yang melibatkan mangsa-mangsa muda yang semakin bertambah selain daripada cadangan untuk menjatuhkan hukuman berat terhadap perogol, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengelakkan kejadian ini berlaku.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa yang bertarikh 7 Jun 2004 memandangkan perkara tersebut adalah berhubung perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, statistik bagi kes-kes rogol dan bunuh yang melibatkan mangsa-mangsa yang muda iaitu yang berumur 16 tahun ke bawah adalah seperti berikut:-

- bagi tahun 2000, terdapat seramai tiga orang mangsa iaitu seorang di Selangor dan dua orang di Sabah;
- bagi tahun 2001, terdapat seramai dua orang mangsa iaitu seorang di Melaka dan seorang di Sabah;
- bagi tahun 2002, terdapat seramai dua orang mangsa iaitu seorang di Kedah dan seorang di Selangor;
- bagi tahun 2003, terdapat seorang mangsa iaitu di Terengganu; dan
- bagi Januari hingga 12 Mei 2004, terdapat seramai tiga orang mangsa iaitu seorang di Melaka, seorang di Johor dan seorang lagi di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Polis Diraja Malaysia untuk mengelakkan keadaan ini dari berlaku adalah menerusi program-program pencegahan seperti berikut:-

- (i) menugaskan anggota 24 jam iaitu anggota-anggota polis lengkap beruniform membuat rondaan berjalan kaki di kawasan-kawasan pusat membeli-belah dan kawasan-kawasan kunjungan orang ramai, rondaan motosikal dan juga kereta peronda untuk pemantauan di kawasan-kawasan yang ditetapkan. Selain daripada itu, anggota-anggota berpakaian preman juga turut membuat pemantauan di kawasan yang ditentukan;
- (ii) melaksanakan operasi-operasi bersepadu iaitu dengan menggabungkan bahagian narkotik, jenayah dan lain-lain bahagian bagi mencegah dan menurunkan kadar jenayah;
- (iii) mengadakan operasi-operasi khusus di kawasan-kawasan zon yang kerap berlaku jenayah; dan



- (iv) jalinan kerjasama dengan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia ke arah memberi kesedaran kepada masyarakat dan khidmat nasihat PDRM kepada masyarakat melalui media massa untuk meningkatkan kesedaran dan keprihatinan masyarakat dalam pencegahan dan membasmi jenayah, contohnya di dalam rancangan *Polis dan Anda* di Radio Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selain memberi cadangan untuk menjatuhkan hukuman yang lebih berat terhadap perogol, kerajaan kini sedang mengkaji undang-undang yang sedia ada khususnya Kanun Keseksaan dan Kanun Tata Cara Jenayah dan pindaan-pindaan ke atas Kanun Tata Cara Jenayah termasuk memberikan definisi yang lebih luas ke atas jenayah rogol. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita memang mengalu-alukanlah langkah kerajaan untuk memastikan kejadian-kejadian seumpama ini tidak berleluasa. Soalan saya ialah kita melihat bahawa belum cukup lagi usaha yang diterapkan oleh kerajaan sehingga dari tahun ke tahun berlaku kes rogol terhadap kanak-kanak di bawah umur 16 tahun dan ini sudah pasti ada puncanya iaitu perogol didapati terdiri daripada mereka yang menagih dadah. Justeru itu, saya meminta kalau boleh kerajaan bekerjasama dengan guru-guru sebab kes rogol yang berlaku ini, Tuan Yang di-Pertua, biasanya mangsa yang berjalan kaki. Jadi, ada semak-semak di jalan dia. Perogol ini akan menunggu di semak-semak itu. Mintalah supaya kesemua usaha ini....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** ....diterapkan....

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Sabar, sabar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan, soalnya Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Supaya kerajaan menitikberatkan kesemua aspek untuk memastikan bahawa perogol-perogol tidak ada peluang langsung untuk merogol mereka di bawah 16 tahun ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Di mana kita sedia maklum bahawa kerajaan memandang serius mengenai kes rogol. Sebab itu baru-baru ini kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Undang-undang untuk kita mengkaji mengenai Kanun Keseksaan terutamanya mengenai definisi rogol dan mungkin juga dipertimbangkan hukuman yang lebih berat. Dengan itu, kita mengalu-alukan segenap lapisan masyarakat sama ada daripada NGO termasuk dari pembangkang kalau ada apa-apa pandangan boleh dikemukakan kepada jawatankuasa ini untuk kita sama-sama mengatasi masalah rogol ini.

Mengenai tuduhan Yang Berhormat yang mengatakan rogol ini mungkin dilakukan di dalam semak atau oleh orang yang tidak dikenali, saya kira itu kurang tepat kerana mengikut perangkaan yang ada pada polis ini, Tuan Yang di-Pertua, ada dua kumpulan sebenarnya yang ramai melakukan rogol ini. Yang pertama iaitu kenalan rapat dan yang kedua ialah teman lelaki.

Sebagai contoh, kenalan. Pada tahun 2001, daripada 1,386 kes, 446 kes dilakukan oleh kenalan dan 272 kes pula dilakukan teman lelaki. Tahun 2002, daripada 1,431 kes, 493 kes dilakukan oleh kenalan dan 252 kes dilakukan oleh teman lelaki.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kenalan-kenalan jugalah itu.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Semua kenalan. Jadi, ini menunjukkan bahawa kes rogol ini kebanyakannya dilakukan oleh kenalan dan juga teman lelaki.

**Tuan Yang di-Pertua:** [Ketawa]

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Mereka yang tidak dikenali, kalau kita lihat hanya dalam golongan yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Shim Paw Fatt:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri merancang bersama dengan Kementerian Pendidikan untuk mengadakan kursus supaya pelajar-pelajar mudah dapat dididik dalam perkara-perkara mengenai seksual supaya lebih berpengetahuan dan mengenal pasti pendekatan seksual atau *sexual approach*. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita memang sentiasa mengadakan kerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan dan juga di sekolah-sekolah. Kita juga melalui Yayasan Pencegah Jenayah Malaysia mengadakan program-program kesedaran kepada pelajar-pelajar. Ini juga termasuklah undang-undang kes rogol, di mana kita dapati ramai juga pelajar-pelajar yang tidak tahu bahawa rogol wanita ataupun perempuan di bawah umur 18 tahun ini, walaupun suka sama suka tetapi masih lagi dikategorikan sebagai kes rogol.

Jadi, perkara-perkara seperti ini apabila kita terangkan kepada pelajar-pelajar, supaya mereka tahu bahawa suka sama suka pun, bawah 18 tahun masih lagi dianggap rogol. Kita akan mempertingkatkan kerjasama ini, di antara polis dan juga Kementerian Pendidikan untuk kita masuk ke sekolah-sekolah dan kita akan menubuhkan kelab anti jenayah dan juga anti keganasan. Terima kasih.

6. **Dato' Haji Mat Yasir bin Ikhsan [Sabak Bernam]** minta Menteri Pelancongan menyatakan:-

- (a) usaha khusus yang dilaksanakan untuk membangunkan destinasi pelancongan di kawasan luar bandar; dan
- (b) negeri manakah yang paling banyak menarik pelancong domestik dan luar negeri dan perkara utama yang menjadi daya tarikan pelancongan tempatan dan luar negeri.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, kawasan luar bandar memang dijadikan di antara destinasi pelancongan. Bukan sahaja bagi mempelbagaikan produk pelancongan tetapi juga sebagai salah satu langkah bagi membuka peluang kepada penduduk-penduduk luar bandar menceburkan diri dalam aktiviti-aktiviti ekonomi pelancongan yang menambahkan pendapatan isi keluarga.

Sehubungan dengan itu, kerajaan sedang giat melaksanakan Program *Homestay*, yang menawarkan peluang kepada para pelancong untuk mengalami suasana kehidupan di perkampungan Malaysia. Setakat ini seramai 948 penduduk luar bandar, daripada 65 buah perkampungan di Malaysia sedang menyertai program ini sebagai pengusaha *Homestay*.

Pada masa yang sama, kerajaan juga sedang mengenal pasti kawasan-kawasan luar bandar serta produk-produk pelancongan yang mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan desa. Ini termasuk pembangunan perkampungan warisan dan budaya, pembangunan satu produk satu daerah, pembangunan eko dan agro pelancongan dan sebagainya.

Bagi pengusaha-pengusaha persendirian, kerajaan menyediakan kursus-kursus yang berkaitan dengan pengurusan pelancongan, khususnya pengurusan *Homestay* dan pemberian pinjaman mudah melalui Skim Pinjaman Ekonomi Desa, disediakan juga bagi penduduk-penduduk desa yang berminat dan berhajat untuk berkecimpung dalam industri pelancongan.

Berdasarkan kepada statistik bilangan pelawat yang menginap di hotel-hotel pada tahun 2003, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menarik paling ramai pelancong domestik, iaitu seramai 2.8 juta orang dan pelancong asing seramai 4.2 juta orang, berbanding dengan negeri-negeri lain. Ini memandangkan, Kuala Lumpur merupakan ibu kota dan pintu masuk utama melalui KLIA ke Malaysia.

Selain daripada Wilayah Persekutuan, negeri-negeri lain yang menjadi tumpuan utama pelancong domestik ialah:

Negeri	Bilangan
Pahang	2.4 juta
Kedah	1.7 juta
Pulau Pinang	1.4 juta

Selain daripada Wilayah Persekutuan, negeri-negeri lain yang menjadi tumpuan pelancong-pelancong asing adalah:

Negeri	Bilangan
Pulau Pinang	2.2 juta
Selangor	1.5 juta
Pahang	1.3 juta

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Kepong. Saya tidak berapa ....

**Dato' Haji Mat Yasir bin Ikhsan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya minta Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam baru sahaja, kita maafkan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan semua pelancong ini adalah selamat di kawasan-kawasan terutamanya yang masuk ke Kuala Lumpur. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bilangan yang ditipu, disamun dan sebagainya di Kuala Lumpur dan juga kawasan-kawasan luar bandar.

Yang keduanya, mengenai ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah. Yang pertama sudah cukup. Satu soalan sahaja, Yang Berhormat. Cukuplah. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak. Saya hendak tolong dia sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong. Cukup, cukuplah, soalan pertama ya.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Dahulu memang biasa Yang Berhormat bagi Kepong ini, beri betis hendak peha, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk keselamatan pelancong-pelancong, pihak polis telah memberikan kerjasama kepada Kementerian Pelancongan bagi menyediakan polis-polis pelancongan di Wilayah Persekutuan. Kes-kes yang terdapat setakat ini, di awal tahun ini sehingga bulan Mac ialah seramai 1,144 kejadian meragut beg-beg pelancong telah berlaku dan pihak Dewan Bandaraya melalui penguat kuasanya telah melantik polis-polis pelancongan yang tidak beruniform untuk menyamar sebagai orang biasa, tetapi menangkap penyamun-penyamun dan mereka yang melakukan jenayah demikian.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Ikhsan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya, Tuan Yang di-Pertua dan wakil Menteri, di daerah Sabak Bernam, kerajaan negeri telah memperkenalkan satu konsep destinasi pelancongan kecil, yang di antaranya ialah disebut atas nama desa buaya, desa kupang, desa monyet, desa kerang, desa siput sedut, desa rusa, desa tempe, desa kerepek. Jadi, tempat-tempat ini berpotensi untuk dibangunkan.

Pada kira-kira dua tahun yang lepas, desa monyet ini telah ditinjau oleh pihak kementerian. Saya ingin bertanya, mewakili rakyat Sabak Bernam, bilakah agaknya konsep-konsep ini hendak dibantu, dibangunkan oleh pihak kementerian? Terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam cukup menarik. Perkara ini pertama kali saya dengar

ada desa buaya dan desa monyet, tetapi yang ada sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua ialah desa klip-klip di Kuala Selangor. Mungkin kita akan minta kerjasama daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengan produk-produk pelancongan *eco-tourism* ini untuk kita laksanakan.

Walau bagaimanapun, kita akan jadikan tempat-tempat yang ada potensi untuk dijadikan sebagai produk pelancongan ini sebagai tempat-tempat yang akan dipromosikan di peringkat antarabangsa. Jika, Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan sahaja Sabak Bernam tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, mungkin ada lain-lain produk pelancongan yang berkaitan bagi menarik pelancong-pelancong asing untuk datang, umpamanya, Kinabatangan, ia mempunyai desa buaya. Saya difahamkan banyak buaya yang dibela oleh beliau dan ramai pelancong daripada Jerman datang ke tempat beliau. Jadi, tempat-tempat itu saya harap akan diketuai oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

7. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengelak daripada berlakunya masalah kekurangan dan kelebihan guru di negeri-negeri seperti yang terjadi baru-baru ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran menyedari terdapatnya kekurangan dan lebihan guru di sekolah rendah dan sekolah menengah. Sehingga 31 Januari 2004, bagi sekolah rendah, terdapat kekurangan guru di enam buah negeri, iaitu Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Pahang dan Sarawak.

Kekurangan guru mengikut *option* adalah bagi mata pelajaran Pengajian Inggeris, Pengajian Cina, Pengajian Tamil, Matematik dan Sains. Bagi sekolah menengah pula, 11 negeri mengalami lebihan guru dan hanya 4 negeri mengalami kekurangan guru, iaitu Pulau Pinang, Selangor, Pahang dan Sarawak. Subjek-subjek yang mengalami kekurangan guru ialah Kemahiran Hidup, Pendidikan Seni, Bahasa Inggeris, Pendidikan Jasmani dan Sains Tambahan.

Bagi mengatasi masalah kekurangan guru, langkah-langkah berikut sedang diambil:-

- (i) menempatkan seramai 2,235 orang guru siswazah Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) di sekolah rendah;
- (ii) melantik dan mengekalkan khidmat guru-guru lepasan ijazah melalui Program Pendidikan Jarak Jauh atau PJJ di sekolah rendah seramai 4,628 orang;
- (iii) meningkatkan tempoh perkhidmatan sehingga 31 Disember 2004 bagi guru-guru yang akan bersara di sepanjang tahun 2004;
- (iv) menempatkan seramai 532 orang guru Kursus Sijil Perguruan Khas ke sekolah-sekolah pada tahun 2004;
- (v) menempatkan seramai 554 orang guru lepasan Kursus Diploma Perguruan Malaysia atau KDPM bagi pengajian Cina pada Jun 2004;
- (vi) mengambil semula Guru Sandaran Tidak Terlatih atau GSTT yang telah tamat perkhidmatan untuk menyambung perkhidmatan mereka pada tahun 2004;
- (vii) Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah memperkenalkan Program Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah atau LPBS, Program KDPM, Program KPLI sepenuh masa dan Program *Bachelor of Education* - KDPM; dan
- (viii) menawarkan kursus persediaan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan untuk sekolah rendah.

Bagi mengatasi lebihan guru pula, kementerian mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) pertukaran masuk dibekukan sementara kerana tiada kekosongan jawatan iaitu bagi negeri-negeri yang menghadapi lebih guru; dan
- (ii) membenarkan permohonan guru bukan siswazah dari sekolah menengah bertukar ke sekolah rendah.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Padang Serai.

**Puan Lim Bee Kau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Dato' Timbalan Menteri yang telah memberikan satu jawapan yang begitu lengkap, tetapi untuk makluman Yang Berhormat, kita dapati masalah kekurangan guru itu masih agak ketara dan masih agak serius. Kita dapati, terutama sekali saya difahamkan di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil kekurangan begitu serius sekali. Di kawasan saya sendiri pun di sekolah Tamil 'BMR' sehingga sekarang tidak ada guru besar. Jadi ini memberikan banyak masalah.

Soalan saya ialah sama ada selain daripada langkah-langkah yang diambil, kementerian mempunyai *blueprint* yang *overall* yang mempunyai satu *time frame* bilakah masalah kekurangan guru ini dapat diselesaikan. Sebab masalah ini telah wujud begitu lama sekali. Saya berharap kementerian mempunyai satu *time frame* di mana sekali gus kita boleh menyelesaikan masalah kekurangan guru ini. Terima kasih.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih Yang Berhormat yang begitu prihatin terhadap kekurangan guru di sekolah-sekolah kita. Untuk makluman Dewan yang mulia ini:

- (i) kekurangan guru khususnya di sekolah rendah berlaku disebabkan penambahan jawatan luar normal, khususnya pada tahun 2003, iaitu guru besar sekolah-sekolah yang kurang murid-murid dikategorikan dalam jawatan luar normal;
- (iii) wujud tiga jawatan Guru Penolong Kanan atau PK di sekolah gred 'A' iaitu PK Pentadbiran, PK Hal Ehwal Murid, PK Kokurikulum; dan
- (iv) Guru Bimbingan Kaunseling dipertanggungjawabkan satu guru bagi 500 orang murid.

Kita menganggap masalah ini merupakan masalah yang sementara walaupun seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ada sekolah-sekolah yang berkenaan memang sudah lama menghadapi masalah kekurangan guru, tetapi sejak beberapa tahun kebelakangan ini Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah yang saya sebutkan tadi Program KPLI, Program Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah dan juga pada dua tiga tahun yang lepas satu program latihan guru iaitu Kursus Dalam Cuti pun telah diperkenalkan. Jadi, kita berharap dengan cara-cara ini dapat kita menangani masalah ini. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah yang pada tahun ini kita akan mengunjurkan pengambilan adalah lebih kurang 5,000 orang guru.

Bagi Januari 2005, seramai 4,000 guru Kursus Perguruan Lepas Ijazah akan ditempatkan di sekolah rendah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah selesai.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat ya, Yang Berhormat bagi Cheras.

**Tuan Tan Kok Wai:** Peraturan Mesyuarat 23(1)(c). Tuan Yang di-Pertua, pada hari kelmarin dan pagi ini juga, kita semua mengangkat sumpah di sini, berjanji untuk menunaikan kewajipan kami dan salah satu tugas kita di sini adalah untuk mendapatkan dan mempertahankan kebenaran, tetapi pagi tadi saya menerima

sepucuk surat daripada Setiausaha bagi Parlimen memaklumkan kepada saya satu soalan saya yang membina telah pun ditolak. Soalan ini yang menyatakan, "meminta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah beliau boleh memastikan apa yang benar sahaja dimaklumkan kepada beliau sedangkan kebebasan bersuara dan penerbitan media disekat selama ini".

Tuan Yang di-Pertua, kalau Dewan yang mulia ini tidak boleh mendapatkan kebenaran, saya ingin tahu di mana pula yang kita boleh? Soalan ini memang satu soalan yang tepat pada maksudnya dan adalah hasrat yang kita ketahui oleh semua rakyat Malaysia bahawa Perdana Menteri cuma ingin mendapatkan apa yang sebenarnya sahaja. Maka soalan ini adalah satu soalan yang harus dijawab secara menyeluruh ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** ... dengan ikhlas dan jujur. Tidak harus ditolak. Saya memohon Tuan Yang di-Pertua supaya soalan saya ini tidak ditolak langsung, dibenarkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Keputusan yang dibuat berkenaan dengan penerimaan atau penolakan kepada soalan-soalan ini dibuat oleh Speaker iaitu kuasa dia. Kalau sekiranya ahli-ahli tidak bersetuju kepada keputusan yang dibuatnya, dia boleh mengambil tindakan di bawah Peraturan Mesyuarat 43, tidak bolehlah dia bangun berucap dalam perkara ini dan mengeluarkan satu usul mengatakan ini adalah *Point of Order*, yang sebenarnya itu bukanlah satu *Point of Order*. Ya, ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Peraturan Mesyuarat 43 yang ada disebut oleh Tuan Yang di-Pertua tetapi ini tidak boleh digunakan oleh kerana tidak pernah satu usul dibahas, dikemukakan dan apa Yang Berhormat bagi Cheras perkatakan tadi adalah benar dan saya pun ada tiga soalan kepada Perdana Menteri juga ditolak. Mengenai slogan 'Cemerlang, Gemilang, Terbilang' bukan temberang. [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai apa yang mahu didengar apa yang benar....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh Timor, cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** .... dia perlu ada satu susunan di mana perkara semacam ini boleh dilakukan dengan *transparent* dan adil bukan Peraturan Mesyuarat 43. Peraturan Mesyuarat 43 ada tetapi tidak boleh digunakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Peraturan 23.

**Puan Chong Eng:** Peraturan.

**Puan Fong Po Kuan:** [*Menyampuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah. Ya Yang Berhormat Peraturan 43. Ya, rang undang-undang untuk bacaan kali yang kedua.

**Tuan Tan Kok Wai:** Semua Peraturan Mesyuarat boleh dirujuk ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup, cukup. Yang Berhormat .

**Tuan Tan Kok Wai:** ....yang melibatkan Peraturan Mesyuarat dan hujah-hujah yang kami timbulkan. Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak bersetuju boleh menolak tetapi dengarlah hujah kami di sini dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak jalan ....

**Tuan Tan Kok Wai:** 23(i)(f) ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau sekiranya Yang Berhormat ada pertanyaan-pertanyaan yang lain dan jikalau sekiranya Yang Berhormat ....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** [*Bangun*]

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Meneruskan ucapan tanpa pembesar suara]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Keputusan muktamad Tuan Yang di-Pertua – Peraturan Mesyuarat 43(1). Jadi Yang Berhormat kena akur kepada keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum lagi. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat lebih arif dalam perkara ini. Saya minta Yang Berhormat hormati Dewan dan duduk. *[Ahli-Ahli Barisan Nasional bertepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Berkenaan dengan rang undang-undang untuk bacaan kali yang pertama.

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) (PINDAAN) 2004**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG INSURANS LUAR PESISIR (PINDAAN) 2004**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA (PINDAAN) 2004**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Komunikasi dan Multimedia 1998; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PINDAAN) 2004**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 dan untuk mengesahkan pemungutan ses berkenaan dengan minyak sawit dari Januari 1979 (iaitu tarikh mula berkuat kuasa Perintah Minyak Kelapa Sawit (Ses) 1978); dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**Puan Chong Eng:** Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Dewan ini diberitahu berapakah jumlah soalan yang telah ditolak di bawah Peraturan Mesyuarat 23(1)(c)?

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara itu tidak bersangkutan Yang Berhormat. Tidak ada di dalam Peraturan Mesyuarat yang hendak bertanya berkenaan perkara sedemikian. Kalau sekiranya hendak bertanya, tanyalah kepada pejabat Parlimen.

### USUL

#### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**11.05 pagi.**

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmatNya jua maka dapat kita bersidang dan meneruskan tugas dan tanggungjawab kita semua di Dewan yang mulia ini pada hari ini dan memberikan saya kesempatan untuk membawa usul ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh, Ahli Parlimen bagi kawasan Temerloh, memohon untuk mencadangkan Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putera Jamalullail kerana sudi berangkat menyampaikan Titah Ucapan di Persidangan Penggal Pertama Parlimen Kesebelas pada hari semalam, 18 Mei 2004. Usul saya adalah seperti berikut:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat, mengucapkan berbilang-bilang syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Kesebelas”.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah dipilih semula sebagai Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua telah menjalankan tugas dan tanggungjawab yang cemerlang pada penggal-penggal yang lalu. Ketika Dewan yang mulia ini mempunyai jumlah ahli pembangkang yang paling ramai dalam sejarahnya pun, Tuan Yang di-Pertua cemerlang. Maka saya yakin dan percaya dalam Dewan yang mulia pada kali ini yang jumlah ahli kerajaannya pula yang paling ramai dalam sejarah Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua akan lebih cemerlang lagi.

Untuk rekod, pada tahun ini genaplah 22 tahun Tuan Yang di-Pertua memimpin Dewan yang mulia ini. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Timbalan-timbalan Yang di-Pertua yang telah dilantik baru-baru ini. [Tepuk] Saya juga mengucapkan syabas bangunan Parlimen telah berubah wajah, kita lebih selesa untuk bersidang pada persidangan kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi atas kejayaannya membentuk kerajaan dengan majoriti yang amat besar. Buat pertama kali dalam sejarah, Barisan Nasional memenangi 90 peratus, iaitu 198 daripada 219 kerusi Dewan yang mulia ini. [Tepuk] Di peringkat Dewan Undangan Negeri pula ....

**Tuan R. Karpal Singh:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.



**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** .... Barisan Nasional memenangi 451 ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Yang Berhormat, saya baru 'intro' sahaja Yang Berhormat. Saya akan beri jalan, tidak ada masalah. Biar saya selesaikan dahulu....

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya akan beri nanti, saya akan kepada semua, semua akan saya beri.

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Boleh saya habiskan dahulu sedikit? Nanti saya beri peluang kepada Yang Berhormat bercakap. Saya bercadang hendak berucap empat hari Yang Berhormat untuk ucapan ini. *Don't worry*, dengan izin. [*Disampuk*] Ha, lapan hari.

Di peringkat Dewan Undangan Negeri pula, Barisan Nasional memenangi 451 daripada 505 kerusi yang dipertandingkan. Gelombang kemenangan Barisan Nasional kali ini terlalu besar. Ia ibarat gelombang Laut China Selatan yang tidak dapat dihalang oleh 'dua pohon kelapa' di Pantai Timur. Ini menyebabkan satu dari 'pohon' tersebut iaitu Terengganu tumbang – Barisan Nasional berjaya mengambilnya semula. [*Ahli-ahli Barisan Nasional bertepuk*] Yang tinggal ....

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Tidak. Nantilah Yang Berhormat. Saya akan beri. Saya beri Yang Berhormat dahulu. Dengan izin, *you'll be the first*, saya akan beri peluang nanti. Nanti saya habiskan dahulu, saya sedang hendak mendapat tempo ni .... tolong Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya tidak benarkan dahulu, saya tidak benarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Nantilah.

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Masih bercakap tanpa pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini terpulang kepada Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Tidak, saya akan beri kemudian nanti, saya akan beri nanti, Yang Berhormat. Saya hendak habiskan sedikit lagi.

**Tuan R. Karpal Singh:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya akan beri. Yang Berhormat boleh beri tahu saya apa pun selepas ini. Saya akan beri nanti, ya. Yang tinggal hanya sepohon sahaja lagi. Itu pun ia sudah mulai condong kerana Barisan Nasional berjaya mengurangkan majoriti PAS di Dewan Undangan Negeri Kelantan. [*Tepuk*]

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** [*Bangun*]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya juga ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Nanti, nanti, saya beri. Biar saya habis dahulu. Saya beri, tidak usah bimbang, saya beri, saya beri semua nanti. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada bekas Ketua Pembangkang sebelum ini, iaitu Ahli Parlimen bagi Marang dan mengucapkan tahniah kepada beliau. Saya kira rakan-rakan saya daripada Barisan Nasional semuanya bersetuju bahawa kita ucapkan

tahniah kepada beliau kerana dipilih sekarang ini sebagai Ketua Pembangkang di Dewan Undangan Negeri Terengganu sahaja. Saya juga mengucapkan tahniah dan selamat datang semula ke Dewan yang mulia ini saya tujukan kepada Ketua Pembangkang bagi Ipoh Timor. Selamat kembali ke Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, adat dalam politik bila bertanding ada yang menang dan ada yang kalah. Yang menang mesti memberikan khidmat yang terbaik, yang kalah mesti menerimanya juga dengan baik. Jangan apabila menang kita berlagak sebagai jaguh tetapi apabila kalah semua pihak kita tuduh dengan tuduhan yang bukan-bukan.

Jangan tuduh pengundi mudah dibeli. Pengundi kini cerdik dan tahu memilih antara yang buruk dan yang baik. Kita yang sedia untuk bertanding, sedia menanggung risikonya. Kata orang, "*Kalau takut dipukul ombak, jangan berumah di tepi pantai*". Saya mengucapkan penghargaan yang paling tinggi dan terima kasih dari lubuk hati kepada rakyat yang telah mendaftar dan seterusnya keluar mengundi dalam pilihan raya umum baru-baru ini ....

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusof:** Boleh? Saya tinggal satu para lagi. Saya bagi selepas saya bagi Yang Berhormat bagi Jelutong.

**Seorang Ahli:** Bukan Jelutong, Bukit Gelugor.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Gelugor.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya hendak berumah di tepian pantai ini.

**Tuan R. Karpal Singh:** [Bangun]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Nanti, pasal ramai sangat yang baru, saya kena tengok Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor ya, selepas itu saudara Yang Berhormat. Nanti, saya habis sekejap lagi.

Barisan Nasional mencatatkan undi popular sebanyak 63.68% dalam pilihan raya umum kali ini iaitu meningkat 7.15% berbanding 56.53% yang diterima dalam Pilihan Raya Umum 1999. Ini adalah undi popular yang kedua tertinggi dalam sejarah pilihan raya umum sejak tahun 1999. Undi popular Barisan Nasional pada Pilihan Raya Umum 1995 ialah sebanyak 64.96%.

Kepada pengundi, kepada mereka, saya ingin katakan bahawa Barisan Nasional amat menghargai mandat dan kepercayaan mereka ini. Barisan Nasional tidak akan mensia-siakan mereka. Barisan Nasional tidak akan melupakan mereka, sebaliknya Barisan Nasional akan terus memberikan khidmat yang terbaik kepada mereka. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, sila.

**Tuan R. Karpal Singh:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Temerloh. Walaupun Barisan Nasional menang kuat, menang besar tetapi adakah ini diakibatkan oleh apa yang terjadi dalam kempen pilihan raya? Peranan *Election Commission* dengan izin, yang mengakui kepada umum bahawa, 67,000, bukan 67 atau 670, 67,000 undi pos hilang dan beberapa *irregularity* yang wujud dalam perjalanan pilihan raya oleh *Election Commission* itu.

Oleh itu, Barisan Nasional menang kuat bukan kerana Barisan Nasional ada diterima oleh rakyat dengan ikhlas. Adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju apa yang dijalankan oleh *Election Commission* itu tidak teratur? Adakah Kerajaan Barisan Nasional bersedia untuk membubarkan Parlimen ini dan Dewan-dewan Undangan Negeri di Semenanjung dan Sabah untuk membolehkan satu pilihan raya umum semula, untuk menunjukkan Barisan Nasional adalah satu parti yang boleh menang besar dalam satu pilihan raya yang bersih dan adil?

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya ingat Yang Berhormat hendak ambil alih tanggungjawab saya membawa usul tadi. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat

tanya saya sama ada setuju atau tidak setuju kita adakan pilihan raya semula, kononnya pilihan raya baru ini penuh dengan masalah. Jawapan saya, saya tidak setuju.

Yang Berhormat, kita bukan menang, Barisan Nasional bukan menang satu, dua, tiga undi Yang Berhormat. Kalau boleh, saya bacakan, Perdana Menteri menang dengan majoriti 18,122 undi. Timbalan Perdana Menteri menang dengan majoriti 22,922 undi. Rakan Yang Berhormat, wakil bagi Ipoh Timor, majoriti 9,000. Yang paling tinggi, rakan saya Yang Berhormat hadapan ini, Johor Baharu ini, wakil dari Johor Bahru Yang Berhormat, majoriti 46,000 undi. Saya sendiri Yang Berhormat, pilihan raya yang lepas, 214 undi sahaja majoriti. Kali ini, hampir 13,000 Yang Berhormat. *Now*, cuba Yang Berhormat tanya hati kecil Yang Berhormat, *your conscious* Yang Berhormat dengan izin. Kalau pilihan raya ini tidak adil, mana boleh kita dapat keputusan seperti ini?

Betul kita ada masalah. Kita sendiri pun, bukan Yang Berhormat sahaja, bukan sahaja daripada pembangkang. Kita daripada Barisan Nasional pun, akui ada masalah dengan Suruhanjaya Pilihan Raya iaitu SPR tetapi satu hakikat Yang Berhormat, dengan izin, *we never questioned*. Kita tidak pernah mempertikaikan kotak undi hitam itu. Undi di dalam kotak itu, kita tidak pernah mempertikaikan, dan ini keputusan. Saya hendak tegaskan Yang Berhormat, pilihan raya yang lepas, yang terbaik dan kerajaan yang ada pada hari ini dipilih oleh majoriti rakyat Malaysia.... [Tepuk] Okey?

**Tuan Ronald Kiandee:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Beluran bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sila.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Banyak faktor yang menyebabkan kemenangan besar Barisan Nasional selain daripada *feel good economy*, *feel good* pendekatan yang dibawa oleh Perdana Menteri, ekonomi yang begitu baik, masyarakat luar bandar dapat menilai peranan yang dibawa oleh kerajaan baik di peringkat *backbencher* dan juga menteri, Kabinet pada keseluruhannya tetapi yang jelas pada pilihan raya ini, nampak sekali bahawa pembangkang terutama di kawasan luar bandar dilihat sebagai tidak memberi peranan yang kuat sebagai alternatif kepada Kerajaan Barisan Nasional yang ada. Ini secara langsung menampakkan ketidakrelevanan pembangkang itu terutamanya di luar bandar. Apakah Yang Berhormat bagi Temerloh juga melihat ini sebagai faktor kemenangan besar Barisan Nasional pada pilihan raya yang lalu?

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih rakan saya, Yang Berhormat bagi Beluran. Betul, memang banyak faktor. Kita jalankan kerja dengan baik, kita pastikan bahawa rakyat yang hidup di luar bandar terbela dan pembangkang dia bergaduh sesama dia, hadapi pilihan raya dan tidak menang, tuduh bukan-bukan kepada SPR dan sebagainya. Saya setuju sekali dengan pandangan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua ....

**Tuan Haji Abdul Fatah Haji Harun:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Rantau Panjang.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sila.

**Tuan Haji Abdul Fatah Haji Harun:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Pertamanya, saya hendak bangkit oleh kerana Yang Berhormat menyebutkan tentang bertambahnya majoriti Yang Berhormat dan majoriti pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di peringkat atasan dalam pilihan raya baru-baru ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya mengatakan bahawasanya kemenangan besar Barisan Nasional hanya di kawasan-kawasan luar bandar, iaitu kawasan-kawasannya kalau kita lihat, kawasan-kawasan yang rakyatnya masih mundur, rakyatnya kurang berpendidikan, yang boleh ditekan, yang boleh diugut, yang boleh dibeli oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional....

**Beberapa Ahli:** Bantahan!!

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Bantah!! 36(6).... [Menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya Yang Berhormat, saya hendak sebut perkataan ini pun, tidak sedap juga. Ini *bad losers* ini, kita tidak usahlah jadi macam itu. Ini, sokongan rakyat ini bukan di kawasan luar bandar, bukan di kampung. Pilihan raya kali ini Yang Berhormat, sokongan rakyat seluruh negara, seluruh negara!... [Tepuk] Yang Berhormat sendiri sedar, dahulu begitu ramai rakan Yang Berhormat ada di situ itu, berbaris-baris dahulu itu. Hari ini tinggal berapa, tujuh orang sahaja kerana apa?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ...

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** .... kerana rakyat memberikan kepercayaan kepada Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kinabatangan. Kinabatangan bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sila, sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya ingin meminta penjelasan, apakah Yang Berhormat berhasrat pada hari ini mencadangkan kepada parti-parti pembangkang, mereka harus menerima fakta dan kenyataan bahawa rakyat telah menolak pembangkang sebab rakyat tidak mahu pembangkang yang tidak relevan. Rakyat berkehendakkan pembangkang yang mempunyai minda yang boleh membantu kerajaan untuk menyahut cabaran negara maju. Jadi, apakah Yang Berhormat hari ini bersetuju mengatakan kepada pembangkang, bahawa menerima hakikat dan pembangkang telah ditolak oleh rakyat. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya setuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya ingat itulah seharusnya semangat dan sikap yang harus diambil oleh pembangkang. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ingat, kita selepas tewas banyak di pilihan raya yang lepas, kita kalah di Terengganu, kita kalah di Kelantan, pembangkang begitu ramai di Parlimen. Kita, UMNO Barisan Nasional kita bermusyawarah. Kita cari kelemahan kita, mengapa rakyat tolak kita? Mengapa kita kalah di Terengganu? Mengapa kita tewas di Kelantan, kita kaji. Selepas kita kaji, kita buat rumusan. Selepas itu, kita bekerja. Kita bekerja menjaga hati rakyat, membela rakyat dan akhirnya, pada pilihan raya kali ini, kita berjaya dengan besar.

Ini, saya baca surat khabar tadi dan semalam, PAS hendak buat muktamar ini di Kelantan. Bukannya hendak mengkaji, menilai kelemahan sendiri tetapi hendak salahkan Suruhanjaya Pilihan raya. Hendak minta supaya diadakan pilihan raya semula. SPR tidak adil, kerajaan tidak adil, ada beli undi, ada macam-macam lain. Ini *bad losers attitude* ini, dengan izin.... [Tepuk] Tuan Yang di-Pertua, tidak usah kita amalkan.... [Tepuk] *It is not good.* Negara kita negara demokrasi. Kalau kita tidak bersikap adil, tidak mungkin Malaysia akan jadi seperti apa yang ada pada hari ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Sungai Petani bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Mana? Sungai Petani? Sila.

**Dato' Mahathir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Temerloh. Pertama sekali saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat. Keduanya tadi ada soalan daripada Bukit Gelugor yang menyatakan bahawa kemenangan Barisan Nasional ini seolah-olah dibantu oleh pihak SPR maka dengan itu rakyat dipaksa untuk menyokong Barisan Nasional. Tidakkah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau saya katakan di sini bahawa Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tadi seolah-olah menuduh bahawa SPR ini tidak berlaku adil ataupun sebagai institusi yang berkecuali dan senantiasa akan menuduh kalau mereka menang mereka tidak akan tuduh SPR, mereka kata SPR bagus, kalau mereka kalah selalu kata SPR itu membantu pihak kita. Tidakkah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan kenyataan seperti ini seolah-olah memperbodohkan semua pengundi tadi, betul atau tidak?

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Betul, saya setuju sangat Yang Berhormat bagi Sungai Petani, seolah-olah pembangkang ini tidak .... sebab itu saya sebut tadi kata, pengundi bukan lagi bodoh, bukan lagi boleh dibeli dan bukan lagi boleh kita kata dipaksa dan sebagainya. Ini tidak boleh diugut, jadi seolah-olah pembangkang hendak tuduh di mana rakyat dan penghuni di Malaysia ini bodoh sangat, tidak tahu sangat hendak mengundi. Jadi saya setuju sekali dengan pandangan Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk kepada bab yang pertama dalam ucapan saya ini iaitu politik. Yang pertama....

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** [Bangun]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Okey, sila.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya berdiri pada pagi ini untuk menyatakan bahawa kita mahu sebuah negara Malaysia yang demokratik ini dipertahankan. Bukan masalahnya kami tidak mahu menerima ataupun kita menolak sebarang kekalahan ataupun kemenangan, itu adat kita bertanding. Tetapi yang penting ialah biarlah kemenangan itu atau kekalahan itu di atas suatu fakta ataupun gambaran yang boleh dipertanggungjawabkan. Saya mengatakan di sini dengan mengambil satu dua contoh....

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Floor saya tu, floor saya ....

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Ya, saya tahu. Sebagai contoh bagaimana SPR melanjutkan di Selangor, satu pilihan raya yang jelas dilanjutkan hingga jam 7.00 petang. Ini mana punya undang-undang? Terdapatnya kanak-kanak bawah umur yang boleh mengundi, warga negara asing yang boleh mengundi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Temerloh bahawa bersetuju atau tidak bahawa jangan kita jadikan Malaysia yang demokratik pada hari ini menjadi seperti negara-negara di Amerika Latin ....

**Seorang Ahli:** Mana ada? Sudahlah!

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Bila demokrasi dibunuh, tidak ada demokrasi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *when the people take the law into their own hands*, ini sangat bahaya. Kita sayangkan negara Malaysia, oleh itu kita menang atau kalah biar secara demokratik, telus dan boleh dipertanggungjawabkan, bukan mempergunakan SPR yang melakukan terlalu banyak kesalahan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Okeylah Yang Berhormat, ini biasalah Yang Berhormat, ini yang disebutkan tadi, kita tidak boleh, bila kita kalah; kita tutup, kita menang semuanya betul. Kami Barisan Nasional, Yang Berhormat, wakil-wakil daripada Barisan Nasional....

**Tuan Salahuddin bin Ayub :** Saya ....

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Tidak, saya tidak beri laluan, izinkan saya...

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** [Bercakap tanpa pembesar suara] ....

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [Menyampuk]

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Tidak, nanti, nanti dahulu, *this is my floor*, ini floor saya, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** *No, no, no* ini floor saya Yang Berhormat ini, *you have to sit down*. Dengan izin, ini floor saya kecuali saya beri kebenaran Yang Berhormat boleh bangun berucap, ya. Ini floor saya.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** [Duduk]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Kita tidak mahu Yang Berhormat, saya sendiri Yang Berhormat kalau Yang Berhormat kata kerajaan dipilih dalam pilihan raya baru-baru ini tidak adil, macam hendak jadi negara Latin Amerika, Yang Berhormat, saya ingat ini satu tuduhan yang melulu. Itu saya tanya Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor tadi, *conscious* sedikit, hati kecil sedikit begitu. Adakah kita merasakan bahawa memang tidak adil? Kalau tidak adil, Yang Berhormat tidak ada di sini hari ini!

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Hah! Betul!

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Tapi hendak bercakap, sama juga hendak buat persempadanan pilihan raya ....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sebentar Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Baik.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Persempadanan pilihan raya kita buat tambah kerusi ada tuduhan mengatakan kita tambah kerusi kerana hendak disesuaikan dengan kita hendak menang di tempat-tempat itu. Di Johor, kita buat banyak dengan harapan hendak beri peluang kepada Yang Berhormat untuk bertanding sebagai Ketua Pemuda PAS. Tapi Yang Berhormat lari pergi ke Kelantan.

**Datuk Bung Mokhtar bin Radin:** Hah? Apa jadi? *[Tepuk]*

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Jadi ini tidak bolehlah, saya harap kita harus terima hakikat, *conscious* kita, tanya *conscious* kita, itu yang paling penting. Masalah teknikal ada, kita sendiri pun kompelin, di tempat saya pun sendiri banyak senarai yang dikeluarkan. Di Kinabatangan, di Larut, semua ada, tapi ini masalah teknikal yang boleh kita perbaiki. Soal pokoknya Yang Berhormat. Pilihan raya kita daripada dahulu sampai sekarang bertambah baik, ini satu hakikat yang kita fikirkan dan terima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Silakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, sedikit sahaja. Memang benar apa yang Yang Berhormat mengatakan tadi tentang ketelusan, keadilan. Cuma, tadi Yang Berhormat ada dan saya memang ada hendak tanya awal lagi tentang Kubang Kerian ini. Kalau hendak jadi hero sangat bertandinglah di Johor. Kenapa tinggal di Johor tapi bertanding di Kelantan, mungkin dia rasakan tempat itu selamat tidak apalah, sudah menang. Ini Ketua Pembangkang ini pun daripada Melaka berhijrah ke Pulau Pinang selepas itu bertapak pula di Perak, agaknya selepas ini di mana pula? Adakah ini satu apa yang dikatakan 'cakap tidak serupa bikin'?

Jadi kalau begitu janganlah mereka ini 'cakap tidak serupa bikin', kalau tidak tunjuk hero, tunjuk hero itu di tempat sendirilah kampung sendiri. Tidak payahlah cari ihsan belas dari tempat orang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apakah soalan?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Soalan itulah tadi! Pindah berpindah atau berhijrah ini. *[Dewan gamat dengan ketawa]* Daripada satu tempat ke satu tempat, hah! Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya, sikap ahli politik yang suka pindah berpindah ini, daripada Melaka pergi ke Pulau Pinang. Kalah di Pulau Pinang pergi pula ke Perak, esok daripada Perak ke mana pula, pergilah ke Sabah kalau berani.

**Datuk Bung Mokhtar bin Radin:** *[Menyampuk]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Kinabatangan umpamanya ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah, cukuplah, cukuplah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh cerita lagi!

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Yang itu Yang Berhormat, yang saya hormat betul dengan Ketua Pembangkang kita ini. Tidak banyak wakil rakyat dalam dunia yang bertanding berpindah-pindah satu tempat ke satu tempat lain, tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tangga Batu bangun.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Saya pohon izin untuk terlibat sama di dalam perbahasan ini iaitu yang pertama sekali tentang kewibawaan SPR yang dipertikaikan oleh pihak pembangkang. Di Melaka Yang Berhormat, Parlimen Kota Melaka ini pihak pembangkang kata kubu kuat mereka. Tiga kali kira, tetap sahabat saya Ahli Parlimen Kota Melaka menang, setelah 35 tahun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [Tepuk]

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Jadi di sini Yang Berhormat, apa yang saya lihat dari segi makro iaitu setelah 11 kali pihak SPR telah mengendalikan pilihan raya dengan cemerlang, adakah Yang Berhormat setuju kalau kita minta SPR kita ini sediakan perkhidmatan menunjuk ajar negara-negara lain di dunia ini yang tidak pernah ada pilihan raya dengan cemerlang dan berjaya, dengan selamat? Adakah Yang Berhormat bersetuju?

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Insyallah Yang Berhormat, saya akan sampai kepada peringkat itu. Sebenarnya saya ada satu bab khas tentang SPR ini, saya teruskan dahulu ya?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh tentang politik negara. Saya ingin menyatakan sesuatu tentang negara kita yang kita sama-sama cintai ini bahawa sesungguhnya Malaysia adalah sebuah negara yang bertuah, dengan izin, *a bless country*. Saya sedar bahawa ada pihak yang *cynical* dengan kenyataan ini. Saya juga sedar bahawa ada pihak yang menganggap kenyataan ini adalah retorik semata-mata. Tetapi sebenarnya kenyataan ini bukan retorik dan tidak boleh dilihat dengan *cynical*, ini kerana memang merupakan satu hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang bertuah.

Antara tanda bertuahnya Malaysia ialah keamanan dan kemakmuran yang dinikmati oleh rakyatnya. Kalau dibandingkan dengan sejarah negara ini pada masa lalu kita berjaya mengekalkan keamanan. Kalau dibandingkan dengan negara-negara lain, kita juga berjaya mengekalkan keamanan. Saya cuma ingin memetik contoh dari segi politik sahaja kecuali peristiwa 13 Mei 1969, Malaysia penuh dengan keamanan, kecuali peristiwa konfrontasi dengan Indonesia dan sedikit pergeseran dengan Singapura pada tahun 1965, iaitu politik Malaysia dengan negara-negara jiran penuh dengan keamanan.

Dalam pilihan raya yang lepas misalannya, iklim politik kita aman sekali, tidak ada rusuhan, tidak ada pembakaran, tidak ada pembunuhan, yang ada cuma konflik kecil-kecil sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Santubong.

**Dato' Mohd Sarit bin Haji Yusoh:** Nanti saya bagi .... yang ada konflik kecil-kecil sahaja. Di pihak pembangkang, ada pemimpin pembangkang dia tuduh sesama mereka, ada pemimpin pembangkang tuduh pemimpin pembangkang yang lain itu sebagai 'pemimpin kitar semula' atau dengan izin *recycle*. Kemudian pemimpin itu jawab balik. Dia kata, pemimpin yang menuduhnya tadi telah jadi "*fossil*" - jadi tanah. Itu saja yang ada. Tapi dalam Barisan Nasional aman betul bahkan Gerakan dan MCA bekerjasama seolah-olah menjadi satu parti. Dalam MIC walaupun Timbalan Presidennya tidak bertanding tapi tidak ada masalah. Dalam UMNO tidak ada masalah, PPP boleh bertanding di Sarawak dan Sabah semua anggota Barisan Nasional bekerja sebagai satu pasukan.

Sebab itulah Barisan Nasional itu menang dengan bergaya sekali. Kerana apa? Kerana rakyat menghargai keamanan yang dipertahankan oleh Barisan Nasional. Kalau dibandingkan dengan sejarah negara ini pada masa lalu, rakyat hari ini jauh lebih makmur kalau dibandingkan dengan majoriti negara-negara lain di dunia terutamanya negara-negara yang sama tarikh merdekanya dengan kita. Kita hari ini jauh lebih makmur daripada mereka. Saya cuma ingin memetik contoh dari segi peluang pekerjaan sahaja Tuan Yang di-Pertua. Kecuali isu-isu kecil tentang pekerjaan dua perkara telah kita capai.

Pertama, kita berjaya menambahkan jumlah pekerjaan.

Kedua, kita berjaya meningkatkan kelayakan dan kemahiran tenaga kerja kita. Sejak tahun 1995, termasuk semasa kegawatan ekonomi kita berjaya mencapai apa yang disebut dalam istilah ekonomi sebagai pekerjaan penuh ataupun *full employment*. Ini merujuk kepada keadaan di mana sesebuah negara itu mempunyai kadar pengangguran di bawah 5%. Kalau ada masalah, ia cuma berlaku di sesebuah negeri sahaja iaitu Kelantan. Oleh kerana kurang peluang-peluang pekerjaan di sana, separuh daripada penduduknya dan ini adalah jumlah terbesar berbanding dengan negeri-negeri yang lain - bekerja di luar Kelantan.

Begitu juga apabila dibandingkan dengan negara-negara lain, kita menerima begitu ramai pekerja dari Bangladesh dan Indonesia kerana peluang dan upah bekerja di sini jauh lebih baik dibandingkan dengan negara-negara tersebut. Sebab itulah siapa kata menguruskan negara itu mudah. Semua parti boleh mendakwa ia mampu mengurus negara. Tapi, tidak semua parti yang menang boleh mengurus dengan baik. Saya telah tunjuk dari segi pekerjaan tadi. Parti yang menang tidak kira sama ada di Malaysia atau di luar negara, kalau tidak pandai mengurus rakyatnya akan keluar berduyun-duyun pergi mencari pekerjaan di negeri-negeri atau di negara-negara lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ....

**Dato' Mohd Sarit bin Haji Yusoh:** Sila Santubong ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kinabatangan ada bangun....

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya terdengar tadi tuduhan mengatakan bahawa orang di luar bandar itu senang dibeli dan dieksploitasi oleh pihak Barisan Nasional. Saya adalah sebagai contoh bahawa saya dulu di luar bandar, tapi sekarang saya di dalam bandar pun dapat menang yang begitu besar, 85% daripada pengundian – mengundi saya.

Jadi yang kedua soalan saya ialah soalan keselamatan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Temerloh tadi, adakah keselamatan ini datang bergolek ataupun pentadbiran Kerajaan Malaysia itu cemerlang dan telah membawa sokongan yang begitu baik sekali, kalau dibandingkan dengan semua negara yang merdeka selepas 40 tahun. 1948 negara Malaysia boleh dikatakan negara yang cemerlang, mendapat kemerdekaan kerajaan koloni selepas tahun 1948 dan kenapakah ini menjadikan kecemerlangan, ialah oleh kerana pentadbiran Kerajaan Malaysia, kepimpinan Kerajaan Malaysia itu baik, tapi kalaulah kepimpinan ini diserahkan kepada pihak-pihak umpamanya pihak PAS ataupun DAP, saya curiga bahawa kecemerlangan ini mungkin tidak berlaku. Jadi, saya berbeza pendapat, untuk hantar orang ajar ke negara-negara lain Yang Berhormat, ajar pihak PAS dan pembangkang DAP dulu. Kita sepatutnya menerima hakikat, di negara kita ini sendiri baru menjadi manusia yang cemerlang, macam mana Yang Berhormat?

**Dato' Mohd Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Santubong. Saya tidak tahu hendak pilih perkataan apa hendak sebut sebagaimana bersetujunya saya dengan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat. Tidak semestinya semua parti yang dipilih boleh mentadbirkan negara dengan baik, dapat melindungi keselamatan rakyat dan kita buktikan di Malaysia, kita buktikan bahawa kita telah mentadbirkan negara ini dengan begitu baik sekali dan tidak mungkin negara Malaysia akan jadi seperti apa yang ada sekarang kalau kita tidak dapat memberikan khidmat yang terbaik kepada masyarakat. Sila Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ini berhubung dengan kecekapan pengurusan mengurus sebuah negara. Kita lihat



Kerajaan PAS di Kelantan, memang telah gagal mengurus kerajaan negeri. Justeru itu pada pilihan raya baru-baru ini mereka telah tidak disokong sepenuhnya oleh rakyat Kelantan itu sendiri. Tetapi di sebaliknya, mereka menyalahkan pula pihak lain, kononnya tidak adil, ada unsur-unsur perbuatan penipuan dan sebagainya. Percayakah Yang Berhormat bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya membawa negara kita ke martabat setanding dengan negara-negara maju sebab itu rakyat memberi sokongan yang padu, dan apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa PAS telah gagal di Kelantan untuk menentukan hala tuju pembangunan Kelantan itu sendiri.

**Dato' Mohd Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih, Yang Berhormat. Memang betulh kalau rakyat Kelantan masih yakin dengan pimpinan PAS, saya tidak fikir PAS boleh hilang begitu banyak kerusi sehingga mampu menubuhkan kerajaan dengan sedikit majoriti sahaja. Tuan Yang di-Pertua, kita menjadi negara bertuah ....

**Tuan Ronald Kiandee:** [Bangun]

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Beluran.

**Dato' Mohd Sarit bin Haji Yusoh:** Saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi yang *first* ini dulu ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebenarnya Beluran bangun dulu.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Pasir Mas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tapi tidak apalah.

**Dato' Mohd Sarit bin Haji Yusoh:** Sila.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya tertarik tadi di mana Yang Berhormat menyebut bahawa negara kita aman, makmur dan berbagai-bagai pujian, saya bukan tidak bersetuju. Ada perkara-perkara yang setuju dan ada perkara-perkara yang saya tidak bersetuju. Melihat kepada keamanan negara, keamanan negara kita boleh lihat pada keamanan dan dalam negeri sendiri dan negara kita sendiri. Tadi ada soalan yang dibangkitkan tidak silap saya soalan nombor... masalah rogol, masalah pembunuhan berlaku di akhir-akhir ini begitu banyak dan begitu kerap sekali. Dalam negeri sendiri tidak aman sekarang ini. Bagaimana boleh ditonjolkan bahawa negara kita aman. Negara kita tidak aman.

Kalau kita mempunyai anak perempuan misalnya kita tidak merasa aman bila anak perempuan kita keluar ke *supermarket* dan sebagainya. Begitu juga masalah negara kita makmur. Saya tidak dapat melihat bahawa Malaysia ini makmur cuma kalau kita banding dengan Bangladesh atau Myanmar barangkali makmurlah kita. Itu pun kalau kita lihat bagaimana wang negara kita jatuh kalau dibandingkan dengan Singapura, tak usah kita bandingkan dengan jauh, dengan Singapura pun kita rasa bahawa wang kita terlalu rendah USD1 hanya kita boleh menerima RM4.00 atau RM3.80. Tetapi wang Singapura wang itu besar nilainya. Sebab itu orang Kelantan cerdas dia pergi ke Singapura.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bukan membuat ucapan.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Saya suka membuat soalan kepada Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya rasa bahawa pandangan Yang Berhormat itu salah dan tidak betul, kerana kita tidak betul-betul aman dan betul makmur di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasihlah Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat kata Malaysia ini tidak selamat, saya terkejut sungguhlah. Kalau tidak selamat, Yang Berhormat datang ke Parlimen tidak lepas Yang Berhormat. Kita cakap keselamatan Yang Berhormat cara mikro. Tapi dalam itu ada masalah kecil-kecil. Ini tidak dapat dielak. Pada mana zaman pun, pada mana tamadun pun, yang mikro, yang kecil-kecil ini memang ada dan yang ini kita akan atasi dan tangani, sebab itu kita ada kementerian-kementerian, ada undang-undang, ada polis, ada tentera untuk tangani

yang mikro itu. Tapi keseluruhannya Yang Berhormat, Malaysia negara yang paling selamat. Yang paling selamat. Mana kita takut hendak pergi mana, Yang Berhormat nak pergi mana, hendak pergi Golok pun boleh tidak ada hal. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, yang Berhormat Beluran.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Nanti, nanti kejap Yang Berhormat, saya tidak habis.... itu. Tidak takut, makmur. Betullah Yang Berhormat, adalah seorang, dua barang kali yang susah. Sebab itu kita ada macam-macam kementerian nak bantu. Itu sebahagian daripada sistem ekonomi. Tapi yang penting, kita lihat mikro. Kita di sini hendak tengok Yang Berhormat secara menyeluruh, kita bukan hendak menengok satu kampung, dua kampung Yang Berhormat. Itu tanggungjawab tok penghulu, tok empat. Kalau begitu pemikiran kita. Itu pemikiran tok penghulu, tok empat. Kita mesti hendak tengok keseluruhannya Yang Berhormat. Kita mesti ada pertumbuhan, ekonomi kita mesti bertumbuh. Mesti ada *growth*. Kerana kalau tidak bertumbuh, kita hendak cari duit di mana hendak belanja hendak bantu rakyat di luar bandar macam mana? Ini yang kena fikir Yang Berhormat dan saya sebut kita makmur kerana negara kita .... dalam keadaan ....

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** [Tumpat]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Tumpat.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sebentar, sebentar.... sekejap lagi.... dalam keadaan yang susah kita pun ada pertumbuhan. Saya hendak sebut Yang Berhormat ini. Inilah Bank Dunia bagi laporan. Dia mengatakan Yang Berhormat, Malaysia negara yang paling *the most remarkable*. *The most remarkable* - ini Bank Dunia Yang Berhormat, bukan dibuat oleh Pak Lah, Perdana Menteri bukan dibuat oleh saya, oleh rakan-rakan saya. Bank Dunia Yang Berhormat. Kalau buka internet di bawah sektor *over view* Yang Berhormat. Ada internet? Cuba buka. *Remarkable* dari segi mengurangkan kadar kemiskinan antara negara yang terbaik dalam dunia. Ini Bank Dunia Yang Berhormat. Yang Berhormat ini macam mana, yang kita tidak makmur kita tidak tadbir ekonomi, tidak boleh. Ini masalah tuduhan-tuduhan begini Yang Berhormat, kita kena terima .... nanti-nanti, saya bagi selepas Beluran, selepas Beluran - Tumpat.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Sebelum soal keselamatan dikemukakan tadi seperti Yang Berhormat telah menyentuh tentang soal *creation of employment* yang telah dibuat oleh kerajaan. Ini merupakan hakikatnya bahawa semua sektor dalam negara ini telah dapat menawarkan *employment* yang begitu banyak sekali kepada rakyat di negara ini. Begitu juga dalam sektor perladangan umpamanya, tetapi hakikatnya ketika ini sebahagian besar daripada *employment* yang dicreatekan dalam industri perladangan umpamanya, sebahagian besar daripada *employment* ini tidak dapat menempatkan *the local employees*, pekerja-pekerja tempatan itu sendiri kerana soal gaji, soal *treatment*, soal sosial yang berlaku dalam ladang umpamanya, dan sebahagian besar daripada *employment* ini, peluang-peluang pekerjaan ini diambil oleh pihak luar, oleh pekerja-pekerja buruh daripada luar, Indonesia, Filipina, Myanmar dan sebagainya.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa fasa kedua dalam pewujudan pekerjaan ini iaitu *the making sure*, memastikan bahawa *employment* itu dapat dimanfaatkan sepenuhnya pekerja-pekerja tempatan harus diambil berat oleh kerajaan untuk diperuntukkan ianya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pekerja-pekerja kita. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Yang Berhormat, saya ada satu bab tentang pengangguran - *unemployment* dan sebagainya nanti. Yang saya sebut awal tadi, itu untuk menggambarkan bagaimana bertuahnya Malaysia *just* sebagai.... nanti kalau sampai ke peringkat itu, saya minta Yang Berhormat tolong beri pandangan.

**Ir. Shaari bin Hassan:** [Bangun]

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada dua bangun, Tanah Merah dan Tumpat.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kerana diberi kepercayaan untuk membawa usul yang penting ini dan saya harap ini adalah menandakan bahawa akhirnya dengan izin, *the time has arrive for you to perform and show your opportunity to be promoted in the next reshuffle*, dengan izin, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Temerloh, dalam kita melihat kepada pergolakan negara kita ini secara menyeluruh dan bukan sebagaimana yang disindirkan kepada wakil rakyat PAS dengan pemuda kampung, ketua kampung, penghulu, kita kena tengok secara menyeluruh, iaitu mengikut kajian tentang negara kita dari segi jurang antara yang paling kaya dengan yang paling miskin di Malaysia ini, kitalah yang paling dahsyat sekali berbanding dengan semua negara di rantau ini, mana yang paling kaya berbanding dengan yang paling miskin, Malaysialah yang paling teruk sekali *genie co-efficientnya*. Bekas pegawai tinggi Bank Negara pun, Yang Berhormat ada bersama kita. Di kalangan etnik-etnik, kaum-kaum dalam negara kita pula, di kalangan orang-orang Melayulah jurang antara yang kaya dengan miskin paling teruk berbanding dengan kaum-kaum lain dalam negara kita ini.

Jadi, dari segi perspektif Yang Berhormat sebagai orang yang melihat secara menyeluruh dan bagaimana hendak mencapai negara kita sebagai negara yang cemerlang, terbilang bagaimana agaknya cadangan Yang Berhormat untuk memperbaiki masalah-masalah yang diiktiraf oleh seluruh dunia sebagai masalah ekonomi Malaysia yang membimbangkan dari sudut jurang yang kaya dengan yang miskin. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Yang Berhormat bagi Tumpat ini rakan baik saya, Tuan Yang di-Pertua. Dia selalu cerita pasal naik pangkat kalau bertanya saya. Dahulu semasa saya cadangkan supaya Kementerian Pelajaran dipecah dua menjadi Kementerian Pelajaran Tinggi, dia kata senanglah saudara hendak jadi menteri. Hari ini pun dia usik saya juga. Yang Berhormat, saya harapkan Yang Berhormat memberikan satu pandangan yang lebih jelas, lebih bermakna tentang keadaan ekonomi Malaysia ini kerana latar belakang Yang Berhormat dan sebagainya.

Yang Berhormat sebut ini *quality of income* dari segi jurang pendapatan dan sebagainya terlalu besar. Saya *totally*, dengan izin, saya tolak, itu tidak betul. Ini ada satu kajian yang dibuat mengenai *poverty* di Malaysia – *social policy* dengan *governance*. Ia sebut, saya *quote* Tuan Yang di-Pertua, "*In fact, Malaysia was one of the few countries in East Asia where in equality fair over the pass few decades.*" Dari segi jurang pendapatan menurun, baik di antara luar bandar dan bandar. Begitu juga antara kaum dan juga antara kaum-kaum di Malaysia. Dia bagi, ada *figure*nya, kalau boleh saya *pass* kepada Yang Berhormat selepas ini.

Jadi, tidak betullah kalau kata teruk sangat Malaysia ini. Jurang pendapatan orang kampung dengan bandar begitu luas sekali macam berlaku di sesetengah negara jiran kita, kita mungkin tidak percaya – yang kaya terlalu kaya dan yang miskin terlalu miskin sampai hidup rumah atap pun tidak ada. Kita di Malaysia tidak begitu rupa. Dari segi jurang pendapatan, Malaysia antara negara model yang terbaik di Asia. Kalau hendak dibandingkan, saya hendak sebut negara Jepun tak payahlah, tetapi hendak banding dengan Filipina dengan Indonesia dari segi jurang pendapatan, jurang ekonomi jauh lebih baik. Mana Tanah Merah.

**Ir. Shaari bin Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat bagi Temerloh di mana negara kita perlu keamanan dan keharmonian bagi rakyat Malaysia. Saya mewakili negeri Kelantan di mana kestabilan politik di Kelantan agak kucar kacir sebelum ini, dan kita menuju ke arah kestabilan yang sebenar di mana arus perubahan di pada pilihan raya lepas menunjukkan Barisan Nasional diberi mandat oleh rakyat di mana keseluruhan peratusan kemenangan memihak kepada Kerajaan Barisan Nasional. Kita melihat ketidakharmonian rakyat disebabkan oleh kemiskinan dan juga kekurangan peluang pekerjaan di negeri Kelantan.

Oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional memberi pendekatan membantu rakyat Kelantan membanteraskan kemiskinan, maka rakyat Kelantan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah soalan untuk Yang Berhormat bagi Temerloh?

**Ir. Shaari bin Hassan:** Ya, saya akan beri soalan – yang mana rakyat Kelantan telah memberi mandat kepada Kerajaan Barisan Nasional pada pilihan raya yang lepas. Adakah Yang Berhormat bersetuju di mana kemenangan bagi negeri Kelantan bukan kerana kehendak SPR, ini adalah kerana kehendak rakyat Kelantan yang memerlukan pembelaan terutamanya dari Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya setuju Yang Berhormat ya. Kemenangan Barisan Nasional majoriti yang lebih, lebih banyak kerusi yang kita menang di Kelantan kerana rakyat Kelantan hendakkan perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, kita menjadi negara bertuah berkat kepimpinan empat Perdana Menteri yang lalu. Yang terakhir Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad. Banyak tulisan telah ditujukan kepada beliau sama ada oleh penulis yang bersetuju atau yang tidak bersetuju dengan dasar-dasar beliau. Yang menariknya hampir kesemua mereka bersetuju pada satu perkara iaitu bahawa sesungguhnya Dr. Mahathir telah berjaya memimpin Malaysia, mentransformasi Malaysia dan rakyatnya berubah daripada sebuah negara dan bangsa yang tidak dikenali oleh sesiapa sehingga menjadi negara dan bangsa yang terkenal di seluruh dunia.

Cuma saya sedih kerana walaupun ada orang yang tidak bersetuju dengan Dr. Mahathir termasuk yang bukan rakyat Malaysia, tetapi mereka tidak pula sampai hati hendak mengeji dan mencerca Dr. Mahathir. Kritikan mereka dibuat secara profesional, tidak seperti sesetengah pemimpin pembangkang, mereka kritik Dr. Mahathir secara personal, tuduh yang bukan-bukan dan memangguk beliau dengan berbagai-bagai panggilan.

Kini kita dikurnia pula dengan Perdana Menteri kelima iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Walaupun beliau baru menjadi Perdana Menteri, tetapi saya melihat terdapat sekurang-kurangnya tiga perkara utama yang telah dipamerkannya yang menunjukkan beliau pemimpin yang akan berjaya membawa kita meraih pencapaian yang cemerlang, kejayaan yang gemilang dan kedudukan yang terbilang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Yang pertama ialah dari segi keperibadian beliau. Beliau mempunyai latar belakang agama yang kuat. Saya mengenali beliau sejak 20 tahun yang lalu sehingga hari ini saya dapati beliau tidak berubah, tetap seorang yang jujur, ikhlas bekerja dan di sebalik kelembutannya ada ketegasan.

Yang kedua ialah dari segi pendekatan-pendekatannya. Beliau mempunyai kepercayaan kepada konsep musyawarah atau perundingan. Beliau memberikan pengupayaan atau dengan izin, *empowerment*, satu tempat yang istimewa kepada rakan-rakan pembangunan kerajaan iaitu seperti belia, wanita, NGO dan pihak swasta.

Dan yang ketiga ialah dari segi dasar-dasar yang diperkenalkan oleh beliau, yang menunjukkan komitmen untuk memperbaiki sistem perkhidmatan kerajaan atau, dengan izin, *delivery system*. Ini jelas misalnya dengan usaha mengadakan perkhidmatan awam yang lebih cekap, membasmi rasuah, mengurangkan karenah birokrasi, menyediakan perkhidmatan kaunter yang lebih baik, memperkukuhkan institusi-institusi seperti polis, memperbaiki sistem pendidikan, mewujudkan pengurusan ekonomi yang lebih telus, serta mengadakan sumber pendapatan dan pertumbuhan baru di kawasan luar bandar.

Saya menyeru semua Ahli Dewan yang mulia ini supaya memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, sebagai Perdana Menteri Malaysia dan Timbalannya Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak untuk menerajui ke arah kejayaan dan kemajuan yang lebih bermakna lagi.

Tuan Yang di-Pertua, punca semua ini ialah kestabilan politik yang berjaya dibina dan dipertahankan di negara ini melalui sistem demokrasi yang semakin hari semakin matang. Kita mengamalkan demokrasi kerana percaya ia adalah yang terbaik bagi kita tetapi demokrasi mempunyai banyak jenis dan cara amalannya. Sebab itulah

setiap negara yang mengamalkan demokrasi akan mengamalkan jenis dan cara yang paling sesuai dengannya. Kita mengamalkan demokrasi Raja Berperlembagaan. Kita mempunyai Perlembagaan yang bertulis. PAS yang hendak kononnya menegakkan negara Islam, akhirnya terpaksa menerima juga bahawa Perlembagaan kita ini boleh dan kita memilih kerajaan melalui proses pilihan raya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Sepanggar bangun. Sila.

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi Yang Berhormat telah menyentuh cara untuk membasmi rasuah. Ingin saya memohon pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai *cooling period*, dengan izin, sewaktu kita ada pilihan raya yang diisytiharkan oleh SPR. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Yang Berhormat, pucuk pimpinan kita memang bersungguh-sungguh untuk menghapuskan rasuah tetapi Ahli Yang Berhormat merujuk pada masa pilihan raya sahaja, masa kempen yang *cooling period* itu tidak boleh, maksudnya Ahli Yang Berhormat minta pandangan saya dari segi apa itu?

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai *cooling period* ini di mana agak rasuah boleh dan mungkin boleh jadi disebabkan oleh *cooling period* tiga hari ini. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Dalam masa tiga hari itu? Dalam masa.... cuba Ahli Yang Berhormat ulangkan, saya tidak berapa jelas, saya tidak berapa faham.

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Yang Berhormat, sewaktu pilihan raya, SPR telah mengisytiharkan bahawa kita mempunyai *cooling period* tiga hari supaya calon-calon boleh mundur ataupun boleh teruskan sebagai calon dalam pilihan raya itu. Ini saya mohon pandangan.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya tidak menyentuh tentang hal itu Yang Berhormat tetapi saya ingat itu perkara yang baik, okey barang kali, pada pandangan saya, saya tidak tahu apa yang Ahli Yang Berhormat maksudkan hendak saya jelaskan, kerana saya sebut rasuah dari segi rasuah negara keseluruhannya. Tidak mengapalah, nanti kita cari kesempatan yang lain.

Saya sedar bahawa dalam pilihan raya umum yang lepas wujud beberapa kelemahan Suruhanjaya Pilihanraya....

**Tuan Wong Nai Chee:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Wong Nai Chee:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh, saya dari Kota Melaka. Kota Melaka ini selama 35 tahun di mana selama ini kawasan Parlimen Kota Melaka telah pun dipinggirkan, calon Barisan Nasional telah pun dipinggirkan oleh parti pembangkang selama 35 tahun dan pada kali ini Barisan Nasional telah pun menang dan dengan membandingkan keputusan dalam tahun 1999, yang mana Barisan Nasional telah pun kalah dengan undi lebih memihak kepada parti pembangkang DAP 9,600 lebih tetapi pada tahun ini Barisan Nasional menang dengan majoriti 219 undi. Jadi, ini merupakan satu kemenangan yang begitu besar dan manis bagi Barisan Nasional.

Jadi, salah satu daripada sebab mengapa Barisan Nasional menang ialah kerana bukan sahaja Barisan Nasional mendapat sokongan seperti biasa pengundi-pengundi mereka daripada kawasan luar bandar, tetapi juga daripada pengundi-pengundi dalam kawasan bandar juga yang kian meningkat.

Jadi, soalnya Yang Berhormat, adakah corak pengundian ini bukan sahaja wujud dalam negeri Melaka tetapi wujud juga di seluruh negara pada kali ini....

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Yang Berhormat menang dengan majoriti berapa, 219?

**Tuan Wong Nai Chee:** Ya, 219.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ya, 219 ya, tidak mengapa Yang Berhormat. Saya dahulu 214 sahaja, lepas itu 13,000. 219 Yang Berhormat bekerja kuat, buktikan kita hendak bela rakyat, Barisan Nasional membela rakyat. Insya-Allah pilihan raya yang akan datang Ahli Yang Berhormat akan dapat majoriti yang lebih besar.

Saya sedar bahawa dalam pilihan raya umum yang lepas, wujud beberapa kelemahan Suruhanjaya Pilihan Raya tetapi pada keseluruhannya, SPR berjaya menjalankan tugas dengan baik. SPR berjaya mengelak kempen berunsur serangan peribadi, membentuk budaya pemasangan poster pilihan raya yang teratur, pasukan pemantau kempen pilihan raya diwujudkan, tahap rakyat keluar mengundi meningkat, mengadakan pengumuman keputusan pilihan raya menerusi *internet*, mewujudkan suasana *conducive* ketika hari pengundian dan mengumumkan parti yang berjaya membentuk kerajaan dengan cepat.

Sebab itulah saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada SPR kerana bukan sahaja berjaya menguruskan pilihan raya umum yang lalu dengan baik, tetapi telah juga memulakan beberapa perkara baru yang dapat meningkatkan kematangan demokrasi di negara ini.

Kalau hendak dicari kelemahan sistem pilihan raya kita, saya boleh berucap tentangnya sampai semua ahli lain tidak dapat peluang berucap dalam Dewan yang mulia hari ini. Dua daripada prinsip yang diamalkan dalam sistem pilihan raya kita ialah yang pertama, *the first*, dengan izin, *the first across the post*, ertinya majoriti mudah, iaitu sesiapa yang dapat majoriti walaupun kecil dialah yang menang. Kalau hendak dicari kelemahan prinsip ini memang boleh, calon yang mendapat majoriti itu mungkin tidak mewakili majoriti pengundi, katakanlah ada tiga calon yang bertanding. 40% pengundi 'A', 30% pergi kepada pengundi 'B' dan 30% kepada pengundi 'C'. 'A' diisytiharkan menang dengan majoriti 10% tetapi hakikatnya, majoriti pengundi iaitu 60% tidak mengundi 'A' tetapi mana mungkin diisytiharkan 'B' atau 'C' sebagai pemenang.

*Contohnya di kawasan Pasir Mas, calon PAS mendapat 17,526 undi, calon Barisan Nasional mendapat 16,275 undi. Calon Bebas dapat 6,198 undi di Parlimen Pasir Mas.* PAS menang dengan majoriti 1,251 undi. Kalau diikuti hujah tadi, majoriti pengundi iaitu seramai 22,475 orang tidak mengundi PAS tetapi kita mesti terima suatu prinsip iaitu tidak boleh ada prinsip dua dalam satu. Lebih susah lagi kalau kita hanya terima keputusan apabila kita menang sahaja. Kalau kalah maka sistem itu salah. Barisan Nasional berjiwa besar, kita terima apabila kita kalah. Selamat datang Pasir Mas.

Prinsip kedua ialah *territorial representation*, dengan izin, iaitu wakil rakyat yang dipilih kawasan dan tidak mengikut undi popular. Mereka yang menggunakan undi popular pun bukan tidak ada masalahnya. Presiden Bush Junior jadi Presiden Amerika Syarikat bukan dengan undi popular. Undi popular memihak kepada Al-Gore. Bush menang kerana keputusan mahkamah atas isu-isu kiraan semula undi di Florida.

Kita mengamalkan *territorial representation* kerana kita adalah sebuah negara Persekutuan yang di dalamnya ada banyak negeri, yang setiap negerinya ada Raja yang sah kepada Perlembagaan Negeri masing-masing. Menggunakan prinsip undi popular tanpa mengambil kira latar belakang sejarah dan budaya, ini akan mengundang mala petaka tetapi Barisan Nasional bijak menguruskan perkara ini.

Kita seimbangkan *territorial representation*, dengan izin, dengan undi popular dengan cara memastikan kaum minoriti contohnya kaum India masih dapat bertanding di kawasan tertentu. Walaupun tidak ada kawasan yang wujud minoriti kaum India tetapi secara nasionalnya mereka mempunyai jumlah yang signifikan, maka Barisan Nasional pastikan ada calon India yang bertanding dan kita ada wakil India dalam Parlimen dan juga di Dewan Undangan Negeri.

Di samping itu, demokrasi bukan hanya terhad kepada pilihan raya sahaja, kita juga mengamalkan perundangan. Banyak majlis perundangan ditubuhkan. Di beberapa buah kementerian, wujud majlis-majlis perundangan di mana rakyat diberikan peluang terlibat dalam proses membuat keputusan. Kerajaan juga mewujudkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) tetapi dalam MAPEN kedua, PAS dan DAP enggan menghantar wakil walaupun telah di undang melalui surat yang ditandatangani sendiri oleh Tun Dr. Mahathir ketika itu.

Yang terbaru, kerajaan telah menubuhkan semula *Select Committee*, dengan izin, di mana ia akan disertai oleh wakil-wakil rakyat daripada kerajaan dan pembangkang. Yang ini nampaknya ketua pembangkang telah pun menyatakan sokongannya. Terima kasih. Sebenarnya kalau ketua pembangkang berjiwa besar, kita senang buat kerja. Saya harap beliau buat begini kerana jiwa besar dan bukan kerana ahli pembangkang jumlahnya kecil.

**Tuan Razali bin Ismail:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Kuala Terengganu bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sila.

**Tuan Razali Ismail:** Ahli Parlimen bagi Temerloh tadi ada menyebut tentang Suruhanjaya Perkhidmatan Pilihan Raya yang telah menjalankan tugasnya dengan baik dan ini adalah merupakan satu kekuatan dan apakah Yang Berhormat mencadangkan bahawa petisyen yang telah dibuat oleh pihak pembangkang itu tidak mempunyai kekuatan-kekuatan namun kita sebagai sebuah negara yang berdemokrasi dan berperlembagaan ini masih juga memberi peluang kepada mereka untuk merayu. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Petisyen ini, ini hak setiap orang, setiap parti untuk memberi petisyen dan membuat kompelin-kompelin. Jadi yang ini Yang Berhormat, saya ingat kita serah kepada mahkamah untuk memutuskannya.

Punca kestabilan politik ini ialah Barisan Nasional. Barisan Nasional adalah satu-satunya gabungan parti-parti politik di negara ini yang benar-benar memahami aspirasi dan imaginasi rakyat. Barisan Nasional adalah satu-satunya gabungan parti-parti politik di negara ini yang benar-benar memahami kaedah Demokrasi Berparlimen....

**Tuan S. Subramaniam:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat....

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** .... yang diamalkan di negara ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** ....Segamat bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** .... dan kerana itulah Barisan Nasional sentiasa diberikan mandat oleh rakyat negara ini. Sila.

**Tuan S. Subramaniam:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Tadi Yang Berhormat telah sentuh berkenaan dengan peluang yang diberi kepada wakil-wakil Barisan Nasional dari MIC untuk bertanding di dalam pilihan raya. Memang ini adalah satu keistimewaan Barisan Nasional bahawa ada konsep untuk berkongsi kuasa kepada kaum-kaum yang mempunyai minoriti dan itu adalah salah satu daripada ciri yang mendatangkan kestabilan kepada negara kita.

Soalan saya kepada Yang Berhormat, adakah kerusi-kerusi yang dimenangi oleh Barisan Nasional di mana yang mempunyai lebih kurang lima belas atau dua puluh peratus pengundi India yang telah menentukan kemenangan calon Barisan Nasional di kerusi-kerusi itu dan bolehkah ini dikatakan sebagai satu daripada kekuatan dan keistimewaan kepada Barisan Nasional? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ya, Yang Berhormat. Kita ada calon MCA bertanding di kawasan majoriti orang Melayu, penduduk orang Melayu dan masih menang di dalam pilihan raya itu. Kalau hendak cari calon India bertanding di kawasan majoriti orang India, memang kita tidak akan jumpa sebab itu saya sebut tadi kita seimbangkan antara *territorial representation* dengan *popular vote* tadi dan kita bijak menentukan, bijak memilih sehingga kita boleh pastikan orang India calon MIC yang bertanding di kawasan yang bukan majoriti orang India masih menang. Ini adalah kerana Barisan Nasional mengamalkan satu idea yang dipanggil demokrasi permuafakatan atau dengan perkataan lain perkongsian kuasa di kalangan kaum-kaum yang wujud di negara ini. Demokrasi permuafakatan ini dapat mewujudkan kestabilan politik kerana ia dapat memberikan kepuasan kepada semua kaum.

Barisan Nasional menerima hakikat yang rakyat di negara ini terdiri dari pelbagai kaum. Memang wujud sentimen *premodial*, *natural* dengan izin, tabii terhadap kaum sendiri. Ini bukan bermakna membenci kaum lain. Ia sekadar sayang kepada kaum sendiri. Ini bukan asabiyah dan ini juga bukan wataniah. Ini *premodial* yang tidak dapat dielak, tidak dapat disembunyikan. Jadi parti-parti dalam Barisan Nasional terima hakikat ini dan berusaha menyelesaikan apa juga masalah dengan mengambil kira hasrat dan kepentingan semua kaum.

Hatta dalam isu negara Islam, UMNO isytiharkan Malaysia negara Islam di dalam Majlis Parti Gerakan dan Gerakan serta parti-parti BN yang tidak diwakili orang Islam tidak ada masalah untuk menerimanya. Bukan macam PAS dahulu masa pilihan raya ada dua jenis kempen. Depan orang Islam kata hendak bina negara Islam tetapi depan bukan orang Islam dia kata perkara lain. Kerana memahami dan berani berhadapan dengan realitilah, maka parti-parti dalam Barisan Nasional mampu bekerjasama untuk menguruskan negara dengan begitu baik sekali.

Di sebalik isu kaum itu, Barisan Nasional semakin hari semakin merentas batas kaum termasuk dalam perkara-perkara yang amat penting seperti pendidikan. Dasar mewujudkan institusi pendidikan swasta memperlihatkan bahawa Barisan Nasional telah berani melihat isu pendidikan di luar batas kaum dengan membenarkan pendemokrasian pendidikan melalui kebebasan menubuhkan Institut Pengajian Tinggi Swasta.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Cameron Highlands bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sila.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya tertarik dengan perkongsian kuasa antara semua kaum yang dipelopori oleh Barisan Nasional. Sebelum soalan, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua berkata bahawa di Pahang, di kawasan saya Cameron Highlands kita ada hampir 4,000 pengundi Orang Asli. Bila kita kata perkongsian tadi, saya ingin tegaskan di sini bahawa di kawasan itu 96% pengundi telah memberi mandat kepada Barisan Nasional dan di kawasan Timbalan Perdana Menteri kita sendiri ada satu peti undi 194 orang, seratus peratus memberi undi kepada Barisan Nasional.

Soalan saya, tadi pembangkang mengatakan bahawa dengan tipu muslihat Barisan Nasional, kita telah mendapat sokongan, maka di sini orang pinggir, orang hulu juga dapat menegakkan kebenaran bahawa kestabilan adalah Barisan Nasional. Saya hendak tanya Yang Berhormat Datuk, adakah perkongsian kuasa ini juga melibatkan golongan-golongan Orang Asli bersama kita dalam Barisan Nasional?

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Itu sudah semestinya Yang Berhormat. Dalam Senat pun kita ada wakil daripada Orang Asli. Ini satu lagi bukti yang baik macam Yang Berhormat sebut di Cameron Highlands; 4,000 orang itu Orang Asli dan kesemua 4,000 itu mengundi Barisan Nasional. Jadi macam manalah kalau sekiranya pihak-pihak tertentu mengatakan ada upahanlah, ada ugutanlah; 4,000 Orang Asli di Cameron Highlands semuanya mengundi Barisan Nasional. Tahniah Yang Berhormat.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** *[Bangun]*

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ini jelas menguntungkan kaum bukan bumiputera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Dungun bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sila.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada laluan. Tadi Yang Berhormat telah menyatakan tentang pengisytiharan sebuah negara Islam di dalam satu mesyuarat dengan Parti Gerakan.

Saya ingin menarik perhatian kepada Dewan yang mulia ini dan meminta pandangan Yang Berhormat tentang perisytiharan Yang di-Pertuan Agong dalam pembukaan Dewan tahun lepas. Saya lupa tarikh iaitu apabila Yang di-Pertuan Agong telah mengisytiharkan Malaysia ini sebagai sebuah negara Islam, tetapi pada ketika itu



Presiden PAS tidak mengiktirafkan titah Yang di-Pertuan Agong ketika itu dan tidak mengisytiharkan Malaysia ini - bukan sebuah negara Islam.

Dalam hal ini, saya ingin memohon pandangan Yang Berhormat dan juga pandangan kerajaan, apabila seorang ketua negara seperti Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan negara kita sebagai sebuah negara Islam, maka ada seorang Menteri Besar yang mentadbir sebuah negeri ketika itu di Terengganu selaku Presiden PAS menyatakan bahawa ini bukan sebuah negara Islam. PAS tidak mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Saya hendak tahu Yang Berhormat apakah kaedah-kaedah dan apakah kedudukan sebenarnya seorang individu, adakah ia dilihat sebagai penderhaka kepada raja ataupun sebagai orang yang tidak melihat kepada perkara-perkara yang sepatutnya berada dalam aturan dan peraturan dalam negara kita.

Kita rasa sedih kerana apa yang berlaku khususnya kepada perpecahan umat Islam ini banyak berlaku kerana kepercayaan rakyat yang dilihat kebanyakan yang tidak mempunyai ilmu yang secukupnya, terpaksa terikut-ikut sehingga menjadi keyakinan kepada sebahagian daripada rakyat.

Alhamdulillah, pada pilihan raya baru-baru ini, kita dapat mengambil balik negeri Terengganu dan juga rakyat Terengganu berubah dengan memilih kelapang-lapan Ahli Parlimen dalam Terengganu oleh Barisan Nasional. Walau bagaimanapun oleh kerana perkara ini, perkara yang agak lama kita bincangkan di negara kita, saya minta Yang Berhormat memberi pandangan kepada kita, apakah sebenarnya status seorang yang menyatakan perkara-perkara yang bertentangan dengan Titah Diraja terutama sekali titahnya diisytiharkan di dalam Pembukaan Parlimen pada tahun lepas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita bincangkan dengan panjang lebar dalam persidangan yang lepas dalam Titah Ucapan Diraja pada penggal yang lepas dan saya hendak menentukan status seseorang seperti Yang Berhormat sebutkan itu barangkali agak sukar bagi saya dan bukan saya orang yang patut memberikan pandangan itu. Tetapi apa yang saya dapat berikan, saya ingat rakyat telah menghukum mereka ini pada pandangan saya.

Ini jelas menguntungkan kaum bukan bumiputera tetapi kerana Barisan Nasional mempunyai mekanisme dan pengalaman yang tersendiri, ia tahu bahawa kaum bumiputera tidak akan terkilan dan ada kaedah untuk mengatasinya jika mereka terkilan.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Mas bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Begitu juga dengan Wawasan 2020, kita tidak lagi bercakap soal kaum-kaum tetapi bercakap tentang bangsa Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Yang Berhormat, saya sudah bagi Yang Berhormat tadi *round* pertama. Ya, kalau macam kita *boxing* ini Yang Berhormat, bagi saya habis dahulu *round* pertama, lepas itu saya bagi kepada Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Kecuali saya hendak bagi mana yang pertama kali sahaja. Yang baru-baru saya akan bagi, yang *first time* saya akan bagi.

**Tuan Liow Tiong Lai:** *First time* Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Okey, *first time*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bentong.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya amat tertarik dengan ucapan Yang Berhormat yang berbincang berhubung dengan

semangat Barisan Nasional berkongsi kuasa dan dengan adanya semangat Barisan Nasional ini, ahli-ahli parti dalam komponen Barisan Nasional dapat tolong-menolong, bantu-membantu dan menjaga kepentingan semua kaum.

Dalam hubungan ini, boleh atau tidak Yang Berhormat bersetuju supaya kita menggunakan model ini untuk mewujudkan perpaduan yang lebih kukuh di kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia ini kerana toleransi yang kita tunjukkan dalam Barisan Nasional ini begitu baik, tidak seperti pembangkang yang langsung tidak ada toleransi, KeADILan dengan DAP bergaduh, KeADILan dengan PAS bergaduh, PAS dengan DAP berentap hari-hari, tidak ada toleransi.

Tetapi di Barisan Nasional, kita hendak serapkan semangat toleransi ini di kalangan kaum dan dengan adanya semangat kekitaan dan kekeluargaan ini, maka kita dapat mewujudkan satu model yang menjadi kebanggaan Malaysia. Kita cadangkanlah kalau kita boleh terima, kita harapkan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dapat melaksanakan konsep-konsep yang boleh dipakai ini. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya kira itu satu cadangan yang amat baik sekali dan kita sebagai rakyat Malaysia, kita perlu pertahankan formula, politik yang ada pada hari ini kerana ini telah terbukti memberi kemakmuran dan memberi kebahagiaan kepada rakyat Malaysia keseluruhannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Ledang bangun.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Yang Berhormat bagi Temerloh, saya masih ingat suatu ketika dahulu saya baca, selepas wafat Nabi Muhammad s.a.w, kaedah memilih Khalifah atau pemimpin adalah melalui sistem baiah. Di mana baiah itu adalah memilih pemimpin daripada persetujuan beberapa kaum. Jadi soalan saya yang menyentuh ucapan Yang Berhormat tadi adakah Yang Berhormat bagi Temerloh bersetuju bahawa Barisan Nasional telah pun mengamalkan sistem baiah, walaupun namanya bukan baiah tetapi kaedahnya baiah dan sekali gus mengesahkan bahawa Barisan Nasional menganjurkan sebuah negara Islam. Itu sahaja. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ya, kita sentiasa mementingkan musyawarah dalam semangat Barisan Nasional dan kita sentiasa memikirkan dalam misalnya waktu kita hendak melantik Perdana Menteri. Kita pilih wakil daripada parti yang terbanyak menguasai dalam Barisan Nasional dan ini dipersetujui oleh semua anggota dalam Barisan Nasional. Dan saya kira sistem yang ada ini bukan sahaja yang terbaik tetapi semakin segar. Bila saya kata semakin segar ini, tengok misalnya antara MCA dengan GERAKAN, dah macam satu parti. Jadi kita semakin *improve*, kita perbaiki dari masa ke semasa. Untuk apa? Untuk kepentingan....

**Tuan Ismail bin Abd. Mutalib:** [Bangun]

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat. Maran dengan Tuaran, yang mana satu nak beri?

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ha ya, Tuaran, Tuaran.

**Tuan Ismail bin Abd. Mutalib:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tuaran, Tuaran!

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Tadi Yang Berhormat telah menyatakan satu perkara yang menarik. Pertama, pada tahun 2020 kita akan jadi satu bangsa Malaysia dan yang kedua lagi tadi menyentuh tentang penyertaan dalam Barisan Nasional daripada semua kaum.

Persoalan yang pertama adalah untuk mencapai satu bangsa Malaysia yang bersatu-padu ini. Bagaimanakah kita dapat mencapai matlamat ini jika sekiranya masih lagi ada kumpulan-kumpulan atau kaum-kaum di negara kita yang masih lagi jauh ketinggalan. Sebagai contoh misalnya perumahan Orang Asli seperti mana yang dilaporkan dalam akhbar *New Straits Times*, dua hari yang lepas di mana dinyatakan bahawa daripada 869 perkampungan Orang Asli di seluruh negara, baru 424 kampung

yang boleh dihubungi dengan jalan raya dan juga dalam laporan akhbar tersebut menyatakan bahawa hanya lebih kurang 5 peratus daripada para pelajar Orang Asli yang berjaya sampai ke sekolah menengah, sampai ke Tingkatan Lima. Ada lagi beberapa perkara yang telah dinyatakan dalam laporan tersebut yang menunjukkan bahawa mereka ini jauh ketinggalan. Dinyatakan bahawa daripada 29,934 isi rumah Orang Asli, setengah atau 50 peratus masih lagi di bawah paras kemiskinan.

Jadi jika sekiranya golongan ini kita tidak ambil perhatian atau satu tindakan yang bersungguh-sungguh dan menyeluruh, bagaimana kita hendak mencapai status bangsa Malaysia pada tahun 2020.

Yang keduanya dalam soal penyertaan. Tadi Yang Berhormat juga menyatakan bahawa Orang Asli mempunyai perwakilan di Dewan Negara, seorang dan sebentar tadi Yang Berhormat bagi Cameron Highlands menyatakan bahawa Orang Asli ini hampir 100% dalam daerah mengundi menyokong Barisan Nasional.

Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju jika sekiranya pihak kerajaan, kita berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sekurang-kurangnya seorang perwakilan Orang Asli di Dewan Rakyat supaya ada perwakilan mereka di sini. Ramai di antara kita yang cuba bersimpati menyatakan masalah Orang Asli, sebagai contoh, tetapi lebih berat mata memandang tetapi lebih beratlah bahu memikul dari segi kedudukan Orang Asli di negara ini dan begitu juga dengan kumpulan bumiputera minoriti di tempat-tempat di Sabah dan Sarawak bahawa kedudukan mereka juga masih dalam keadaan seperti mana kedudukan Orang Asli yang dilaporkan dalam akhbar *New Straits Times* baru-baru ini. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya lihat juga laporan itu Yang Berhormat kerana di kawasan pilihan raya saya ini pun ada Orang Asli. Tetapi laporan itu menyebut secara keseluruhannya, kita telah perbaiki, telah tingkatkan dari segi pendidikan dan disebut dalam laporan itu boleh dikatakan setiap perkampungan Orang Asli sekarang ini sudah ada sekolah. Kalau dulu tidak ada sekolah. Dan juga dari segi jumlah pelajar-pelajar Orang Asli yang telah masuk ke pusat-pusat pengajian tinggi juga meningkat.

Tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat, ertinya kita tidak boleh melihat setakat itu, kita mesti mencari jalan bagaimana kita boleh perbaiki lagi dan saya kira kerajaan akan mengambil pertimbangan ini tentang memberi peluang kepada Orang Asli untuk diwakili di Dewan Rakyat sama. Begitu juga di bidang-bidang yang lain.

**Tuan Ismail bin Abd. Mutalib:** *[Bangun]*

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ya, Maran.

**Tuan Ismail bin Abd. Mutalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Temerloh. Kalau kita lihat tadi bahawa pelbagai isu telah dibawa oleh wakil dari Temerloh, Yang Berhormat Dato' Mohd. Sarit yang menyentuh tentang masalah sosial, masalah politik, masalah ekonomi dan sebagainya dan kalau kita lihat semuanya menggambarkan kepada kita bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang amat prihatin, amat sayang, *caring* kepada rakyat. Ini boleh kita lihat daripada program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan dari masa ke semasa.

Saya hendak bertanya, saya ingat mungkin Yang Berhormat bagi Temerloh bersetuju dengan saya, sebenarnya kemenangan besar Barisan Nasional dalam pilihan raya baru-baru ini adalah disebabkan rakyat kecewa dengan apa yang dilaksanakan oleh parti pembangkang. Kita ambil contoh di Terengganu dan di Kelantan bahkan di Pahang, daripada lapan kerusi yang dahulunya dipegang oleh pembangkang, Barisan Nasional telah mengambil tujuh daripadanya dan tinggal satu sahaja lagi. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah satu kerajaan yang amat prihatin dan bertanggungjawab kepada rakyat bagi membina masa depan, kehidupan rakyat yang lebih cemerlang dan gemilang. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya setujulah dengan pandangan Yang Berhormat itu kerana tidak ada soalan yang dituju.

Tuan Yang di-Pertua, ini tidaklah bermakna Barisan Nasional tidak ada masalah langsung. Ada masanya, ada juga yang keluar daripada Barisan Nasional tetapi biasanya yang keluar itu akan masuk semula kecuali satu sahaja iaitu PAS....

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** .... yang keluar pada tahun 1978 ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Petra Jaya, Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** .... tidak masuk semula. Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Petra Jaya!

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ha, sila Petra Jaya.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ada ... amat tertarik dengan topik negara Islam yang dibangkitkan tadi. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Temerloh, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa negara kita sama ada secara kita sedar atau tidak, telah mengamalkan dasar Islam walaupun belum 100%. Namun pendekatan yang sebaik mungkin telah diambil oleh kerajaan supaya dapat menjaga sensitiviti kaum dan agama dalam negara kita.

Misalnya Bank Islam, kita telah diiktiraf sebagai yang terbaik di dunia sehinggakan di negara kita sendiri, orang-orang bukan Islam telah menerima baik dan merupakan pelanggan yang terbesar dalam konteks perbankan Islam. Begitu juga dalam penubuhan Mahkamah Syariah dengan bidang kuasa yang makin diperluaskan telah mula diiktiraf dan diterima baik oleh rakyat. Bukan sekadar memperkenalkan undang-undang Islam semata-mata tanpa memikirkan secara terperinci dan melihat implikasinya, misalnya di Kelantan cuba memperkenalkan undang-undang hudud tanpa memikirkan secara menyeluruh apakah implikasi kepada masyarakat dan pentadbiran negeri dan negara.

Saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat bersetuju juga bahawa usaha untuk menaikkan martabat Mahkamah Syariah ini dari segi struktur serta kemahiran para kadinya akan diteruskan. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya bukan sahaja bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa Malaysia ini negara Islam, Malaysia sebenarnya telah menjadi model negara Islam yang dinamik di kalangan negara-negara Islam di dunia, bukan setakat negara Islam sahaja, *a dynamic Islamic country*. Jadi, saya akan sentuh lagi Yang Berhormat.

Pokoknya Barisan Nasional adalah formula politik yang berjaya. Sebab itu ia kekal berkuasa. Ada pihak yang mencuba beberapa formula lain tetapi sehingga hari ini semuanya, saya ulangi semua formula alternatif itu telah ditolak oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, teras Barisan Nasional adalah UMNO. UMNO adalah parti Islam yang tulen, yang sebenarnya dan meminjam kata-kata sebuah iklan ubat gigi "Boleh digunakan tanpa was-was". [*Ketawa*] UMNO tidak perlu menggunakan nama Islam kerana ia memang parti Islam. Rakyat tahu bahawa ia parti Islam. UMNO tidak menyaran Islam yang fanatik, UMNO tidak menganjurkan Islam yang *rigid* dan UMNO tidak melaksanakan Islam yang sempit. Sebab itulah di dalam pilihan raya yang lepas, rakyat menolak fahaman politik yang fanatik, yang rigid dan yang sempit.

Islam adalah agama yang sederhana dan membawa rahmat. Dengan itu, UMNO sentiasa mengambil kira kepentingan rakyat bukan Islam. Islam adalah agama yang mementingkan dunia ada akhirat. Kerana itu UMNO sentiasa berusaha memajukan negara dalam semua bidang. Islam adalah agama yang menjadikan manusia sebagai makhluk yang mulia. Kerana itu UMNO menjalankan konsep Islam Hadhari iaitu Islam yang mementingkan kemajuan, Islam yang mementingkan kemakmuran dan Islam yang mementingkan ketamadunan. Percayalah bahawa UMNO yang menerajui Barisan Nasional akan sentiasa berusaha menegakkan Islam secara demokratik, secara progresif dan secara futuristik dengan sepenuh kekuatannya dan dengan kekuatan yang sama akan sentiasa menjaga kepentingan semua rakyat yang tidak beragama Islam.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sebab itu saya menyeru agar kita pertahankan formula politik yang berjaya ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kubang Kerian bangun Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Kita pertahankan demokrasi permuafakatan ini untuk kita teruskan kestabilan politik kerana dalam banyak keadaan sejarah kita, kestabilan politik inilah sumber kekuatan kita yang membolehkan kita *survive* Peristiwa Konfrontasi, *survive* Peristiwa 13 Mei, *survive* kegawatan ekonomi dan insya-Allah akan *survive* apa sahaja bentuk serangan yang akan datang. Bak kata pepatah, "Membujur lalu melintang patah". Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kubang Kerian ya. Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan memang hebat Yang Berhormat bagi Temerloh berhujah mengenai Islam Hadhari. [Disampuk]

Soalan saya, boleh terangkan apakah *characteristic* sebuah negara Islam ataupun mana-mana parti yang membawa dasar Islam? Ia mesti ada *characteristic*. Kalau kereta Mercedes itu ada *characteristic* atau ciri-ciri sebuah kereta Mercedes. Jangan pakai Proton, letak lambang Mercedes, ini tidak betul. Jadi, tolong terangkan apa dia Islam Hadhari itu.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Yang Berhormat ini hendak uji sayalah. Saya betul-betul Yang Berhormat, saya akui saya bukan latar belakang *Islamic study*, tidak.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** [Menyampuk]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Tetapi... duduk dahulu, jangan ambil *floor* saya. Yang Berhormat berucap, saya duduk. Bila saya berucap, Yang Berhormat kena duduk ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** [Menyampuk]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Tetapi ....

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [Bangun]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sudah seorang lagi, apa lagi dia hendak.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [Menyampuk]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ha? Tunggu, tunggu dahulu, saya jawab dahulu ini.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [Menyampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [Menyampuk]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Duduk, duduk dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas, dia tidak bagi.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [Menyampuk]

**Beberapa Ahli:** Duduk dahulu!

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Duduk dahulu....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** .... bagi saya jawab dahulu.

**Seorang Ahli:** Duduk dahulu!

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Bagi saya jawab dahulu.

**Seorang Ahli:** Sabar, sabar!

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Bagi saya jawab dahulu ya.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [Menyampuk]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Duduk dahulu. Yang Berhormat hendak kata apa? Yang Berhormat hendak cakap apa? Yang Berhormat hendak sebut apa? Okey saya bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat hendak beri atau tidak?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Beri peluang dia, beri peluang.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Okey! Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya tertarik mendengar ada mengatakan bahawa UMNO adalah parti Islam. Itu *point* yang saya hendak hujah. Saya suka sebut di sini bahawa UMNO bukan parti Islam, UMNO adalah parti kebangsaan. UMNO adalah parti *assobiyah* dan UMNO adalah parti nasionalis. Berdasarkan kepada apa yang disebut *assobiyah*, saya rasa bahawa Yang Berhormat tidak mendefinisikan apa *assobiyah* sebenarnya tadi. Apa makna *assobiyah* yang disebut oleh Yang Berhormat?

Yang saya faham bahawa *assobiyah*, iaitu ia menolong membantu saudaranya dalam menegakkan keadilan. Ini dilakukan oleh UMNO. UMNO melakukan keadaan ini. *Assobiyah* ertinya melakukan, mempertahankan saudaranya untuk menegakkan keadilan.

Apa tidak zalim UMNO? *One-off* baru ini yang diberi kepada rakyat, bagaimana penghulu-penghulu UMNO tanya, "PAS atau UMNOkah?" Kalau sudah betul ia parti Islam, dia tidak tanya, "PAS atau UMNO?" - rakyat Malaysia. Kita bayar cukai pendapatan negara, tidak tanya, "PAS atau UMNOkah?" Tetapi UMNO melaksanakan kerja-kerja macam ini.

Itu yang saya katakan bahawa UMNO adalah parti kebangsaan, parti nasionalis dan parti kebangsaan – parti nasionalisme, bukan parti Islam.... [Disampuk] Parti Islam itu ada caranya.... [Disampuk] Bukan ....

**Seorang Ahli:** Duduklah *you*.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Saya sebut sekali lagi bahawa UMNO adalah parti kebangsaan, tidak ada kait mengait dengan Islam, dan ia adalah parti *assobiyah*, dan ia juga parti nasionalisme. Jangan sekali-kali cuba hendak menarikan, hendak kelirukan masyarakat dan generasi muda dengan mengatakan bahawa UMNO parti Islam.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Yang Berhormat, ini masalah interpretasi sahaja, Yang Berhormat bukan ahli UMNO. Memang Yang Berhormat kata, UMNO bukan parti Islam tetapi kita tidak boleh menuduh begitu, Yang Berhormat. Dari kaca mata saya, saya melihat UMNO memperjuangkan Islam. UMNO bekerja untuk memperjuangkan Islam, dan Islam ini bukan ertinya kita hendak bela orang Melayu sahaja, seluruh rakyat dalam negara ini harus kita bela.... [Tepuk] Tetapi Yang Berhormat pakai cakap sedap sahajalah.

Sama juga dengan Yang Berhormat tadi. Hendak minta saya interpretasikan, itu negara Islam. Saya kata, saya bukan ada *background* dari segi itu, malahan Presiden PAS sampai sekarang pun tidak dapat hendak interpretasikan negara Islam tadi.

**Seorang Ahli:** Hah! [Tepuk]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ini Yang Berhormat, kalau ikutlah – saya tertarik ini – apa ini – saya sebut ini, Yang Berhormat tidak tahu pula kot, *Edward den Bono* ini. *Edward de Bono* ini kata Yang Berhormat, *roses is red*. Bunga ros ini merah, *roses are red*. Setiap orang, dia boleh analisis apa cerita *roses* ini

merah. Kalau orang itu tidak berapa tahu, dia kata, *roses* merah, warna merah, merah, merah, itu sahaja tetapi kalau orang yang interpretasinya luas sedikit Yang Berhormat, dia boleh cerita 1500 ke 6000 benda, mengapa bunga ros ini merah. Jadi, ini interpretasi Yang Berhormat. Dari segi kita, kita tidak harap langsung Yang Berhormat kata, UMNO tidak Islam, UMNO tidak perjuangkan Islam, Yang Berhormat ada hak ke atas pandangan Yang Berhormat. *But*, kita mengatakan UMNO parti yang memperjuangkan Islam dan nasib masyarakat Malaysia.... [*Tepuk*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya minta penjelasan Yang Berhormat, PAS ....

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Nanti, nantilah. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat bagi Temerloh. PAS mengatakan parti dia parti Islam tetapi adalah Yang Berhormat sedar bahawa pemimpin-pemimpin PAS menghina Allah S.W.T., menghina Tuhan, mengatakan Tuhan mencarut, Tuhan samseng dan sebagainya. Adakah ini menggambarkan kepimpinan seorang Islam, parti Islam. Kemudian, pilihan raya, bila Kerusi depa menang, depa kata halal, hak yang UMNO, Barisan Nasional menang, haram. Hak masuk kat depa, halal, hak kat orang, haram. Ini jenis apa ini?.... [*Ketawa*] Saya pun tidak faham. Hendak kata, buaya di darat pun hidup, di laut pun hidup. Hah! Ini PASlah ini. Terima kasih. Ada sesiapa yang setuju dengan saya atau tidak?.... [*Ketawa*]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya bukan sahaja bersetuju Yang Berhormat, terima kasihlah atas keterangan itu, untuk membantu saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk kepada prestasi ekonomi negara. Kita semua maklum bahawa tahun 2003 bukanlah tahun yang begitu baik bagi pertumbuhan ekonomi. Keadaan ekonomi dunia adalah tidak menentu....

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Marang bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Hah! Okey. Sila.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mula-mula tidak hendak bercakap tetapi melihat wakil-wakil PAS begitu jahil.... [*Ketawa*] Tentang kezaliman ini. Saya hendak beritahu bahawa di Dewan yang mulia ini, Parti PAS adalah satu parti yang sangat zalim.

Di Terengganu sahaja, dia punya zalim apabila ia berkuasa, ia menutup sebanyak 300 tadika anak-anak Islam.... [*Tepuk*] inilah kezaliman yang paling ketara yang dibuat oleh PAS. Kedua, ia memecat tidak kurang daripada 700 lebih imam dan bilal yang menyokong UMNO di Terengganu. Zalim! .... [*Disampuk*] Bantuan orang miskin di Terengganu, kerana ia bernama UMNO dan juga bersikap atas pagar, tidak menyokong PAS, mereka memberhentikan bantuan. Termasuk yang buta, yang miskin, ibu tunggal yang cacat, sebanyak 1400 orang lebih. Zalim!.... [*Disampuk*]

Yang keempat, memberhentikan serta tidak memberikan lagi bantuan kepada guru-guru kelas KAFA, kelas yang mengajar Quran sebanyak 1400 lebih. Zalim!

**Beberapa Ahli:** Zalim!

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Dan, lebih teruk daripada itu, menukarkan ke kawasan hulu-hulu sesuka hati, sebanyak 21 orang penghulu UMNO ditukarkan ke kawasan hulu-hulu. Zalim atau tidak?

**Beberapa Ahli:** Zalim!

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Dan, lebih dari itu, yang lebih zalim lagi iaitu menutup semua JKK, digantikan dengan JSR di Terengganu lebih daripada 740 orang lebih. Cuba jawab. Silalah.... [*Disampuk*] Kayu balak diberikan sesuka hati mengikut cita rasa orang PAS. Zalim?

**Beberapa Ahli:** Zalim!

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Dan, juga tidak memberikan peluang bantuan orang-orang miskin di Terengganu, khususnya orang yang menyokong UMNO. Zalim atau tidak?

**Beberapa Ahli:** Zalim!

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Hah! Sila jawab. Dan, wang zakat diberikan kepada anak-anak EXCO PAS itu sendiri.... *[Disampuk]* iaitu Abu Bakar Cik pun, ada anak, diberikan, Yang Berhormat Abdullah pun diberikan, sedangkan mereka itu anak EXCO. Zalim atau tidak?

**Beberapa Ahli:** Zalim!

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Banyaklah lagi. Itu sebahagian kecil sahaja. Banyak lagi saya hendak bilang .... *[Disampuk]* Jadi, jangan gunakan Dewan yang mulia ini untuk bercakap sesuka hati, saya tidak suka benda itu. Mesti bercakap yang *fact*, yang fakta, macam saya bercakap.... *[Disampuk]*. Okey ya! Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Marang. Tuan Yang di-Pertua, penggal yang lepas....

**Puan Tan Lian Hoe:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Bukit Gantang, bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sebentar, sebentar, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sebentar.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Penggal yang lepas, kita bangkitkan ini semua ini, Yang Berhormat.... *[Disampuk]* dengan Presiden PAS ini, masa itu Yang Berhormat bagi Marang. Kita bangkit, kita sebut macam tadi, dia tidak mengaku. Oh! kita tadbir negeri dengan baik sekali, jalan raya kita bina dengan baik sekali, masjid kita sudah buat dengan baik, macam-macam gaya. Hah! Hari ini, ini buktinya. Dan, hendak buktikan kuat ini sebab itu PAS tumbang di Terengganu. Sila.

*[Pembesar suara tidak berfungsi]*

**Puan Tan Lian Hoe:** *Hello!* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya tentang PAS yang dikatakan memperjuangkan agama Islam. Sebenarnya calon yang bertanding dengan saya, wanita kuat PAS. Semasa kempen menggunakan taktik-taktik kotor, mencaci antara kaum, sebab bagi saya, agama sebenarnya mengajar kita yang baik, tidak mencaci, dikatakan kita babi.

So, saya hendak bertanya, PAS yang memperjuangkan agama Islam itu, Islam apa? Adakah Islam yang sesat?... *[Disampuk]* Dan saya sebenarnya memang terkilan juga dengan cara PAS menjalankan kempen-kempen yang kotor, sogok dan sebagainya, sebab saya tidak mahu jelaskan satu persatu di sini. Saya ingat PAS pun tahulah apa yang mereka buat. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang. Sebenarnya Yang Berhormat, hendak tengok Islam yang baik, yang betul ini, Islam UMNOlah sebenarnya.... *[Tepuk]* Jadi, Yang Berhormat jangan bimbanglah apa calon PAS buat, memang itu cara PAS, itulah cara dia.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia khasnya kepada Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi selaku Menteri Kewangan Pertama kerana di sebalik keadaan yang tidak menentu itu pertumbuhan ekonomi negara telah berjaya ditingkatkan sebanyak 5.2%. Faktor yang menyebabkan peningkatan pertumbuhan ekonomi ini adalah peningkatan eksport disebabkan oleh wujudnya kenaikan dari segi jumlah pelaburan dan penggunaan dalam negeri yang disokong pula oleh peningkatan keyakinan pengguna dalam negeri.

Saya berharap dan yakin bahawa kerajaan akan terus memastikan agar prestasi ekonomi negara akan terus meningkat. Ini penting supaya rakyat akan dapat terus menikmati taraf hidup yang tinggi di samping itu peningkatan pertumbuhan ekonomi negara juga akan membolehkan kerajaan melaksanakan pelbagai rancangan



untuk meningkatkan kemakmuran dan kualiti hidup rakyat di setiap lapisan dan kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan masa depan prestasi ekonomi Malaysia terus meningkat, kita perlu mewujudkan dasar-dasar dan strategi-strategi ekonomi yang terbaik yang sesuai dengan keperluan kita. Pada hari ini sumber utama pertumbuhan ekonomi kita adalah daripada pendapatan eksport dan pelaburan asing. Pendapatan eksport menyumbangkan lebih kurang 70% daripada pendapatan negara, manakala penggunaan dan permintaan dalam negeri pula menyumbangkan sebanyak lebih kurang 30% sahaja.

Ini bermakna strategi utama yang kita perlu lakukan ialah untuk terus meningkatkan eksport negara. Saya tidak mengatakan bahawa penggunaan dan permintaan dalam negeri harus dikebelakangkan. Ia juga perlu diperkukuhkan tetapi dari segi strategi utama dan ini yang menjadi tumpuan saya di sini, kita perlu meningkatkan eksport negara. Dalam konteks ini, pada satu ketika dahulu Malaysia merupakan salah sebuah negara di Asia yang berjaya mewujudkan suasana yang *conducive* kepada pelabur asing. Antara faktor utamanya ialah kerana kita menyediakan pasaran buruh yang murah, kerana itu banyak pelabur asing datang melabur di sini, banyak kilang pembuatan didirikan. Beberapa kawasan dan zon perindustrian tumbuh seperti cendawan selepas hujan.

Ramai rakyat kita mendapat peluang pekerjaan, kita menjadi negara pengeksport. Hasilnya pertumbuhan ekonomi kita meningkat tetapi itu kisah dahulu, kisah sekarang adalah berbeza, dahulu lain, sekarang lain. Sekarang ini taraf kemahiran buruh kita sudah meningkat kerana itu pasaran buruh kita tidak lagi semurah seperti dahulu, tetapi sebahagian daripada pelabur asing yang dahulu datang melabur di sini masih ingin meneruskan industri pembuatan yang sama dengan menggunakan tenaga buruh yang gajinya masih murah.

Oleh itu mereka memindahkan pelaburannya ke negara-negara lain yang masih dapat menyediakan kadar upah yang rendah seperti China dan Vietnam. Terdapat kilang-kilang pembuatan di negara ini yang ditutup dan berpindah ke negara-negara tersebut. Kawasan dan zon perindustrian yang baru tumbuh pula di negara-negara itu, ramai pula rakyat mereka yang mendapat peluang pekerjaan, mereka pula menjadi negara pengeksport, pertumbuhan ekonomi negara mereka pula yang meningkat, kita bagaimana? Kita mesti berubah, kita mesti menerima hakikat yang kita tidak boleh lagi bergantung kepada industri yang *labour intensive*, dengan izin.

Ini bermakna kita tidak boleh lagi bergantung kepada pengeluaran produk yang dengan izin, *low end*, jika kita ingin meneruskan strategi meningkatkan pendapatan eksport negara dan setakat ini kita tidak mempunyai pilihan yang lebih baik, maka kita mesti mengadakan transformasi dengan berubah kepada pengeluaran produk yang *high end* dan jika pengeluaran produk yang *low end* dahulu itu memadai dengan industri yang *labour intensive*, sekarang ini pengeluaran produk yang *high end* perlu kepada industri yang *knowledge intensive*. Ini memerlukan kita menggariskan satu langkah strategi yang baru. Langkah strategi yang baru ini adalah menjana inovasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan beberapa perkara bagi mengisi langkah strategi menjana inovasi iaitu sebagai transformasi kepada pengeluaran produk yang *high end* bagi meneruskan peningkatan pendapatan eksport negara.

Pertama, kita perlu mewujudkan tenaga k-pekerja iaitu *knowledge worker* atau pekerja yang berasaskan ilmu dan kemahiran. Dalam hal ini, walaupun secara keseluruhannya tahap pencapaian pendidikan kita telah bertambah baik tetapi peratusan guna tenaga yang berkelulusan universiti masih lagi rendah iaitu baru 13.9% sahaja. Di institusi pengajian tinggi bidang bukan sains masih merupakan bidang yang terbanyak jumlah mahasiswanya jika dibandingkan dengan bidang sains. Pada tahun 1999 misalnya, daripada seluruh jumlah mahasiswa yang ada hanya 31% sahaja yang menuntut dalam bidang sains dan teknikal.

Ini bukanlah keadaan yang boleh menggalakkan inovasi, kerana itu saya benar-benar berharap agar kita pastikan betul-betul yang dasar kerajaan yang telah diumumkan sejak beberapa tahun lalu iaitu nisbah 60:40, 60% sains dan 40% bukan sains di sekolah-sekolah dilaksanakan sepenuhnya.

Kedua, kita perlu memperhebatkan inisiatif sains dan teknologi dengan penekanan terhadap penyelidikan dan pembangunan. Kita telah menyebut banyak kali di merata-rata tempat, sains dan teknologi serta R&D adalah dua elemen penentu utama untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi yang berasaskan produk baru yang *high end*. Pelaburan dalam R&D adalah bersifat jangka masa panjang, isunya adalah ia memerlukan perbelanjaan yang tinggi tetapi sekiranya kita ingin menjadi jaguh di bidang pengeluaran produk yang *high end* ini maka kerajaan tidak mempunyai pilihan lain melainkan bersedia untuk berbelanja lebih.

Kalau dilihat perbelanjaan kita bagi R&D dari segi peratusan kepada KDNK kita hanya berbelanja sebanyak 0.4% sahaja. Jumlah ini sangat kecil jika dibandingkan negara-negara lain, ambil China misalnya yang jauh ke belakang dari segi R&D telah berbelanja 0.7% daripada Keluaran Negara Kasar mereka, Singapura 1.8%, Korea Selatan 2.7%, tidak payah sebutlah negara-negara maju yang lain seperti Jepun, Amerika dan juga United Kingdom.

Kita sedia maklum kerajaan tidak mampu menyediakan semua dana bagi tujuan R&D, kerana itu kita memerlukan penglibatan yang *significant* oleh pihak swasta. Oleh itu saya mencadangkan agar kerajaan memberikan insentif-insentif yang menarik kepada syarikat-syarikat swasta tempatan yang sanggup menyediakan dana atau berbelanja dalam R&D. Tetapi R&D bukan hanya memerlukan dana, R&D juga memerlukan sejumlah penyelidik yang mencukupi. Isunya jumlah penyelidik kita juga masih kecil. Dalam setiap 10 ribu orang tenaga kerja, kita hanya mempunyai 16 orang penyelidik, bandingkanlah jumlah itu dengan Jepun misalnya, mempunyai 136 orang bagi setiap 10 ribu penduduk. Singapura 84 orang bagi setiap 10 ribu tenaga kerja, Korea Selatan 60 orang bagi setiap 10 ribu tenaga kerja.

Begitu juga dari segi saintis dan jurutera, dalam setiap 1 juta penduduk kita hanya mempunyai 500 orang saintis dan jurutera sahaja setakat ini. Bandingkanlah persediaan negara-negara lain, Jepun mempunyai 6,300 orang saintis dan juga jurutera bagi setiap 1 juta penduduk, Korea Selatan mempunyai 2,600 orang, Singapura mempunyai 2,700 orang, tidak payah sebutlah negara-negara maju yang lain. Pokoknya kita amat kebelakangan dalam bidang ini.

Soalnya bukan R&D penyelidik serta saintis dan jurutera sekadar untuk bilangan semata-mata, soalnya ialah mereka inilah kumpulan-kumpulan k-pekerja yang diperlukan untuk mencipta, menginovasi yang membolehkan ciptaan dan inovasi mereka itu dipatenkan. Bayangkanlah jumlah paten kita sehingga hari ini baru sebanyak 405 sahaja berbanding dengan negara Jepun misalnya yang telah menghasilkan 125,880 paten, Korea Selatan 34,956 paten, Singapura 5,090 paten. Angka-angka ini dengan jelas menunjukkan betapa kita perlu mempunyai satu budaya baru iaitu budaya inovasi.

Masalahnya bukanlah kita langsung tidak berbuat apa-apa selama ini, sebenarnya kita telah pun membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk tujuan penyelidikan tetapi ia tidak menghasilkan inovasi yang setimpal. Mengapakah ini berlaku? Pertama kerana hasil penyelidikan ini tidak dipatenkan; dan kedua, kalau dipatenkan hasil penyelidikan ini tidak mempunyai nilai tambah atau *value added* yang boleh dikomersialkan, kerana itulah saya amat mengalu-alukan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menubuhkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Bagi saya, ini bukan sekadar sebuah kementerian yang baru tetapi ia adalah sebuah kementerian yang penting, tepat pada masanya dan strategi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Temerloh, Bera bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Di belakang sana bangun.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Yang Berhormat bagi Temerloh, seperti yang kita tahu tenaga buruh murah ini ramai datangnya daripada Kelantan. Jadi, setuju atau tidak Yang Berhormat kalau saya katakan bahawa penghijrahan buruh-buruh daripada Kelantan terhasil daripada kegagalan Kerajaan PAS untuk membangunkan negeri Kelantan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Temerloh, panjang lagi?

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalau panjang sambung di sebelah petang.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Boleh, boleh, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa persidangan sesi pagi telah tamat. Dengan ini saya tangguhkan persidangan sehingga jam 2.30 petang.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Temerloh, sila sambung.

**2.32 ptg.**

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya masih lagi dalam tajuk "Inovasi". Saya akan sambung. Sehubungan dengan itu, saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pada bulan April lalu telah mengumumkan penubuhan Majlis Inovasi Kebangsaan. Bagi merealisasikan objektif Majlis Inovasi Kebangsaan ini, izinkan saya memberikan beberapa cadangan.

Pertama, kita perlu menggunakan pendekatan yang bersepadu dan komprehensif, di mana kerajaan harus melibatkan semua pihak yang berkaitan. Ini termasuk sekolah dan semua institusi pengajian tinggi, institusi penyelidikan, sektor pertanian, pembangunan usahawan, perdagangan domestik, kewangan dan sebagainya.

Yang kedua, syarikat-syarikat swasta perlu memainkan peranan sebagai pelabur untuk tujuan R&D. Insentif-insentif yang menarik perlulah disediakan oleh kerajaan kepada mereka.

Yang ketiga, Majlis ini perlu menyediakan satu unjuran jangka masa panjang dari segi kemajuan teknologi yang bakal berlaku di dunia, apa yang kita perlukan dan bagaimana ia dapat disediakan bagi kepentingan kita.

Yang keempat, meningkatkan nilai ditambah projek-projek R&D supaya dapat dikomersialkan.

Yang kelima, melahirkan lebih ramai usahawan dalam bidang-bidang teknologi atau dengan izin, *technopreneurs*.

Keenam, merancang dan membangunkan sumber manusia yang bersesuaian dengan keperluan inovasi negara.

Ketujuh, memantau dan mengenakan akauntabiliti kepada semua penyelidik dan institusi penyelidikan supaya mengelakkan pembaziran dan sebaliknya mengoptimumkan segala perbelanjaan dalam R&D.

**Dr. James Dawos Mamit:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Ada yang bangun di belakang, ya.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya amat tertarik hati dengan hujah-hujah Yang Berhormat bagi Temerloh tentang R&D dan inovasi di negara kita. Memang benar, jika dibandingkan bilangan *researchers* dengan penduduk di Malaysia, angka 16 *researchers* itu memang sangat rendah kalau dibandingkan misalnya dengan negara Jepun sebanyak 136 *researchers*. Saya berpendapat bahawa angka yang rendah ini adalah dikaitkan kepada *research grant* ataupun sumber-sumber kewangan untuk membuat R&D.

Saya pernah membuat R&D dahulu selama enam tahun. Saya berpendapat bahawa ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila tanya penjelasan, minta penjelasan Yang Berhormat, jangan memberi pendapat. Sila minta penjelasan, ya.

**Dr. James Dawos Mamit:** Yang pertama adalah *research grant* kerana amat susah untuk mendapat *research grant*.

Yang kedua, untuk *private sector*, insentif amat kekurangan ataupun tidak ada, memang tidak ada. Oleh yang demikian setuju atau tidak jika kerajaan memberi insentif yang lebih tinggi lagi untuk pihak swasta bagi menggalakkan mereka menjalankan R&D seperti di negara-negara lain di Eropah, di UK umpamanya. Kerajaan UK memberi 1.25 juta paun jika pihak swasta berbelanja satu juta paun di dalam R&D. Setujukah Yang Berhormat bagi Temerloh jika kerajaan kita membuat perkara yang sama, yang sedemikian? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Saya amat bersetuju supaya disediakan lebih banyak *research grant*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan lazimkan negara-negara yang begitu hebat penyelidikannya apabila universiti-universiti di negara tersebut menjalankan banyak *research*. Di negara kita ini Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan kita kurang sekali menggalakkan universiti-universiti untuk menjalankan *research*. Kita ada 17 buah IPTA – 17 universiti di negara kita, tetapi setakat ini saya belum tengok ada satu pun universiti yang ada di negara kita ini yang dapat mengeluarkan *research findings*, dengan izin, yang boleh kita komersialkan, yang boleh kita ketengahkan. Saya bersetuju sangat supaya kita beri lebih banyak *research grant* kepada universiti-universiti terutamanya. Ada lagi?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun]

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Nanti sekejap, nanti sekejap Yang Berhormat. Bangun untuk minta penjelasankah? Ya, sila, sila.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** [Mencari-cari switch pembesar suara]

**Tuan Yang di-Pertua:** Api tidak ada?

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** [Lampu mikrofon menyala] Yang Berhormat bagi Temerloh, apakah langkah kerajaan menubuhkan satu Kementerian Inovasi sesuai? Ini membuktikan sekali lagi bahawa Kerajaan Malaysia mengikut kehendak Islam seperti mana yang difirman oleh Allah Subhanahu Wataala [Membacakan ayat daripada Al-Quran] yang bermaksud, "Wahai manusia dan jin, kamu terokailah dunia ini dan alam semesta ini untuk mencari sesuatu (untuk menerokai dan mencari benda-benda yang baru). Sesungguhnya kesemuanya ini tidak akan dapat diterokai – "Illa bil-sultan" – tanpa kekuatan", dan "kekuatan" ini boleh diterjemahkan sebagai *research*, boleh diterjemahkan sebagai inovasi, boleh diterjemahkan sebagai ilmu, boleh diterjemahkan sebagai pencarian. Apakah ini jelas membuktikan sekali lagi kerajaan di bawah pimpinan Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah mengikut seperti mana kehendak yang kita katakan 'Malaysia adalah Negara Islam'. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Tepat sekali Yang Berhormat, terima kasih, tepat sekali. [Tepuk] Jadi macam mana orang PAS kata Ahli-ahli Yang Berhormat dari UMNO tidak Islam? Tengok – boleh berhujah, boleh kita *translate*kan apa yang ada dalam Islam dengan kehendak semasa. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Ada banyak. Saya telah mendengar hujah-hujah Yang Berhormat, soalan *research development* dan

sebagainya daripada pagi tadi. Jadi, masalah kita ialah pengeluaran para saintis, *researchers*, *technician* dan sebagainya. Mengikut konvensyen bio-diversity yang pertama diadakan di Malaysia, kita perlukan tidak kurang daripada 20,000 saintis, *researchers*, *technician*, *engineers* dan sebagainya. Dalam keadaan sedemikian, universiti kita belum boleh memenuhi kehendak-kehendak ini untuk menjana sumber manusia di Malaysia ke hala yang lebih maju lagi. Tetapi, kalau kita lihat, Silicon Valley, 65% *techniciannya* ialah daripada India.

Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat, kemasukan *technician*, pakar saintis, *researchers* daripada luar negara supaya menyokong kepada industri dan inovasi kita di negara ini dengan *technician*, saintis dan *engineers* daripada luar negara dan *relaxkan* sedikit *immigration rules* dan undang-undang kita. Daripada pandangan ini, baru kita boleh menarik orang daripada luar negara datang ke negara kita ini, di samping insentif-insentif yang tertentu dibuat oleh kerajaan, menarik orang daripada luar. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Yang Berhormat, pada minggu lepas, dalam Utusan Malaysia, dikeluarkan berita seramai 30,000 Tuan Yang di-Pertua *IT graduates* di negara kita yang menganggur. Saya, berjumpa dengan beberapa orang rakan yang terlibat dengan industri IT. Dia beritahu saya, dia kata bahawa malangnya sekarang, kerajaan beri kontrak untuk *develop* program IT ini banyak. Tetapi, beri kepada *company* di sini dan *company* di sini *out source* hantar ke India Tuan Yang di-Pertua, untuk membuat kerja-kerja pemprosesan data dan sebagainya, sedangkan *IT company* di sini tidak ada kerja. Bila tidak ada kerja, tidak dapat hendak beri kerja kepada orang. Jadi, di Amerika pun sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, Amerika hendak luluskan satu *bill* ini untuk menyekat *out sourcing*. Ini kerana, di Amerika sendiri pun menghadapi masalah pengangguran kerana banyak sangat kerja-kerja IT ini dihantar ke India.

Jadi, berbalik kepada soalan Yang Berhormat, saya kira mana bidang yang kita perlukan pakar daripada luar, tenaga daripada luar, kita tidak ada, kita mesti ambil. Kita tidak ada halangan untuk mengambil. Ini bukan sahaja baik untuk negara, tetapi memberi pendedahan kepada pekerja-pekerja kita sama. Saya setuju dengan cadangan itu Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk kepada....

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada seorang lagi yang bangun di belakang sana.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Globalisasi. Ya, silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya amat tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tentang kreativiti tadi. Pelancaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, satu jawatankuasa ataupun institusi dalam mempertingkatkan lagi kreativiti di kalangan masyarakat kita. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju, bahawa untuk melahirkan lebih ramai masyarakat kita yang kreatif dan berinovasi, kita perlu merubah matlamat pendidikan negara kita atau sistem pendidikan itu sendiri. Setakat ini, matlamat pendidikan negara kita tertumpu kepada enam perkara iaitu percaya dan patuh kepada Tuhan, berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab kepada diri, masyarakat dan juga negara, memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu dan memupuk perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum.

Dalam hal ini, perlu kita lihat matlamat kita dalam melahirkan generasi yang kreatif dan berinovasi. Ini bermakna, setakat ini kita masih lagi tertumpu kepada melahirkan masyarakat kita yang pandai menghafal, pandai berilmu setakat itu tetapi tidak dalam bidang kreativiti. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa jika sekiranya kita ada jawatankuasa ini, kita buat perkara yang baru, sedangkan jentera yang melahirkan masyarakat, generasi akan datang ini tidak diubah, matlamat yang kita ingin capai melahirkan lebih ramai masyarakat berinovasi dan kreativiti tidak akan dicapai. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Itu yang saya sebut tadi Yang Berhormat, cadangan yang pertama tadi. Saya harap Jawatankuasa Majlis Inovasi Kebangsaan ini akan mengambil kira, menggunakan pendekatan yang bersepadu melibatkan sekolah, melibatkan institusi pengajian tinggi. Kalau perlu, kita ubah kurikulum, kita ubah,

kerana in penting sekali. Menjana inovasi ini Tuan Yang di-Pertua, penting sekali, kerana inilah sumber pendapatan kita di masa hadapan ini. Kita hendak harap kepada kelapa sawit, kepada getah semata-mata, sudah tidak boleh sudah. Kita terpaksa mencari satu sumber pertumbuhan yang baru. Jadi, kita perlu kepada inovasi dan kalau perlu, kita ubah kurikulum, kita ubah, sama ada di peringkat sekolah, di peringkat universiti. Ini kerana, kita tahu baik untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada globalisasi. Inovasi yang saya bincangkan tadi adalah dalam konteks peningkatan pertumbuhan ekonomi melalui pengeluaran eksport. Ini bermakna, kita perlu menjadi negara pedagang dunia. Untuk bersaing dalam perdagangan dunia, kita perlu memahami permainan kuasa-kuasa besar dalam perdagangan dunia iaitu globalisasi. Seiring dengan globalisasi ialah liberalisasi. Saya tidak menganjurkan dan negara pun tidak menyatakan yang kita menolak globalisasi dan liberalisasi. Sebenarnya, kita telah lama menjadi negara yang menerima globalisasi. Kita telah lama mengeksport bahan-bahan seperti getah dan biji timah. Ini diikuti dengan mengeksport produk-produk pembuatan. Malahan, Malaysia adalah negara yang ke-12 dari segi pengglobalan atau dengan izin *globalize*. Dari segi liberalisasi pula, Malaysia berada di kedudukan ke-10 dalam senarai negara-negara pedagang dunia. Kita juga mengizinkan pemilikan oleh orang luar, *foreign ownership*. Kita membuktikan, yang kita telah pun meliberalisasikan perdagangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, globalisasi dan liberalisasi adalah baik untuk dunia termasuk untuk kita. Tetapi, yang menjadi persoalannya ialah, globalisasi dan liberalisasi yang berlaku pada hari ini, melibatkan permainan kuasa-kuasa ekonomi dunia yang memberikan layanan yang tidak adil terhadap negara-negara sedang membangun dan negara-negara kecil. Permainan mereka ini muncul dalam beberapa bentuk. Antaranya ialah WTO, *Trade Related Investment Measures* (TRIM), *Trade Related Intellectual Property* (TRIP) dan pelbagai perjanjian baru yang lain. Perkara ini telah banyak berlaku.

Misalnya di beberapa buah negara Afrika dan Amerika Latin, di mana mereka menggunakan liberalisasi perdagangan untuk mengambil alih produk-produk tempatan dan syarikat-syarikat tempatan yang kecil di benua tersebut. Masalahnya, mereka mampu menindas negara-negara lain, bukan sahaja dalam bentuk sebagai sebuah negara atau sebagai komponen negara, malahan wujud individu-individu yang dipanggil *high network individuals* atau individu-individu yang bernilai tinggi bersih yang juga berpotensi menindas negara dan kumpulan yang kecil.

Menurut kajian yang dibuat oleh Merrill Lynch, pada tahun 2001 ke tahun 2002, terdapat seramai 7.2 juta orang yang digelar *high network individuals* iaitu mereka yang memiliki aset atau harta boleh labur atau dengan izin '*investable*' aset sebanyak sekurang-sekurangnya USD1 juta bagi setiap orang. Ini, belum lagi dikira nilai hartanah masing-masing. Modal mereka ini boleh digerakkan ke seluruh dunia dalam sekelip mata sahaja.

Menurut kajian ini lagi, dana pelaburan yang dimiliki oleh 7.2 juta orang itu berkembang sebanyak 18% pada tahun 1989, iaitu tahun-tahun akhir dalam dekad yang digelar oleh ahli-ahli kewangan sebagai *the roaring 90's*. Pada masa keadaan ekonomi biasa atau normal, ia berkembang pada 6% ke 7% setahun. Ini bermakna, pada tahun 1999, jumlah aset boleh labur mereka berkembang empat kali ganda lebih besar daripada keluaran dalam negara kasar bagi negara China. Bayangkanlah, bagaimana 7.2 juta orang boleh mengatasi 1.2 bilion orang rakyat China sebanyak empat kali. Kita harus ingat, bahawa China adalah ekonomi yang paling pesat berkembang atau dengan izin *the fastest emergent economy* pada waktu itu. Jadi, bayangkanlah apa yang akan terjadi kepada sebuah negara kecil di benua Afrika atau negara kecil seperti Malaysia jika pengaliran modal dan wang yang sedemikian rupa tidak diberikan kawalan?

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu, saya mengemukakan beberapa cadangan:

- (i) globalisasi mesti dikawal oleh peraturan-peraturan dan amalan-amalan yang melindungi negara-negara miskin daripada keributan ekonomi yang berulang-ulang;
- (ii) negara yang kurang berupaya, mesti diberikan kelonggaran atau *handicap*;

- (iii) kerajaan mesti dibenarkan untuk menjalankan regulasi, *to regulate*;
- (iv) perdagangan kewangan mesti dibuat secara telus, *transparent* dan dihadkan jumlahnya bagi mengelakkan lebihan atau excess; dan
- (v) para spekulator antarabangsa mesti dikenakan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang isu-isu ekonomi dalam negara. Di samping menangani globalisasi dan liberalisasi, saya juga menyarankan kepada kerajaan supaya memberikan perhatian yang sewajarnya kepada beberapa isu ekonomi dalam negara. Yang pertama, mengurangkan defisit belanjawan. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana berusaha untuk mengurangkan defisit belanjawan, walaupun mengambil masa sekurang-kurangnya lima atau enam tahun, namun usaha ini perlu diberikan sokongan.

Dengan mengurangkan deposit, kita akan dapat mengurangkan pinjaman dan ini akan membolehkan kita mempunyai lebih banyak rizab atau simpanan. Apabila rizab meningkat tahap keyakinan kita juga akan meningkat. Keadaan ini akan membolehkan kerajaan menggunakan lebih banyak sumber bagi merancang dan melaksanakan lebih banyak projek pembangunan yang kesan akhirnya ialah peningkatan manfaat yang akan dinikmati oleh rakyat Malaysia keseluruhannya.

Yang kedua, isu ekonomi dalam negara. Pemilikan harta sebagai kaedah meningkatkan taraf hidup. Tuan Yang di-Pertua, demokrasi bukan hanya berada di dalam dunia politik semata-mata, dalam ekonomi dan dalam strategi meningkatkan taraf hidup mereka yang berpendapatan rendah juga wujud demokrasi. Di sini demokrasi bermakna keadilan sosial.

Di sini saya merujuk soal memberikan peluang yang sewajarnya kepada mereka yang berpendapatan rendah untuk berupaya atau dengan izin, *to empower* untuk iaitu berdiri di atas kakinya sendiri, mencari jalan dan peluang untuk keluar dan membebaskan diri dan keluarganya daripada sama ada belunggu kemiskinan atau untuk meningkatkan pendapatan. Kita telah menggunakan pelbagai strategi untuk membasmi kemiskinan di bandar dan luar bandar. Antaranya ialah dengan menyediakan dana mikro kredit, bagi membolehkan mereka memulakan perniagaan kecil-kecilan iaitu misalnya melalui Amanah Ikhtiar Malaysia atau dengan menyediakan bantuan dana sebagai modal untuk terlibat dalam keusahawanan iaitu misalnya melalui TEKUN.

Di sini prinsip yang digunakan ialah menyediakan dana dengan harapan mereka dapat meningkatkan dana yang dimiliki atau memiliki harta. Di samping strategi tersebut, saya mencadangkan agar dijalankan satu lagi strategi iaitu menggunakan prinsip memberikan peluang atau tidak mengehadkan peluang bagi mereka yang berpendapatan rendah untuk menggunakan apa-apa harta yang sedia dimilikinya untuk meningkatkan kualiti pemilikan hartanya. Strategi yang dimaksudkan ini ialah pendemokrasian pemilikan harta atau dengan izin, *property earning democracy*.

Maksud saya ialah kerajaan perlu mempunyai dasar memberi peluang bagi mereka yang berpendapatan rendah untuk memiliki harta. Dalam hal ini, saya mencadangkan supaya kerajaan melaksanakan segera suatu dasar sebuah rumah untuk setiap orang rakyat atau sebuah keluarga Malaysia. Selanjutnya pemilik rumah tersebut apabila mempunyai peluang dan kemampuan, perlu diberikan kebebasan untuk menjualnya atau sekurang-kurangnya tidak dilarang dengan syarat untuk membeli rumah atau tanah yang lebih baik dan mahal harganya. Peluang ini membolehkannya meningkatkan pemilihan hartanya dengan menggunakan harta yang sedia ada.

Pada masa yang sama semua rumah pangsa perlu dinaiktarafkan supaya rakyat dapat menikmati keselesaan hidup di bandar. Dengan memberikan peluang ini, rakyat yang kurang berkeupayaan dari segi ekonominya akan berpeluang memperbaiki taraf hidup mereka. Pokoknya kita mahu setiap lapisan rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah akan dapat memperbaiki taraf dan kualiti hidup mereka.

Isu ketiga Tuan Yang di-Pertua ialah sains dan teknologi pemangkin tarikan generasi muda di luar bandar.... [*Beberapa Ahli bangun*] Proses urbanisasi khususnya yang melibatkan migrasi belia dari kawasan luar bandar ke bandar....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada yang bangun di sini ya.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Siapa tadi? Huh? Kubang kerian sudah masuk kali keempat saya bagi ....

**Tuan Ling Ban San:** Tebrau!

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Okey, Tebrau.

**Tuan Ling Ban San:** Tuan Yang di-Pertua, tentang dasar kerajaan untuk memberi kemudahan perumahan kepada setiap warga negara supaya khususnya mereka daripada golongan yang berpendapatan rendah mempunyai peluang untuk memiliki rumah. Baru-baru ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengumumkan garis panduan baru untuk memberi kelonggaran khususnya kepada ibu tunggal untuk mendapat rumah kos rendah. Soalan saya ialah adakah perlunya juga kita memberi kelonggaran kepada golongan yang tidak berkemampuan atau pun tidak berhajat untuk berumah tangga. Khasnya mereka yang sudah mencapai umur 40 tahun ke atas. Orang-orang ini hak mereka untuk memiliki rumah bagi golongan rakyat ini perlu diambil berat, adakah Yang Berhormat Temerloh bersetuju dengan cadangan itu?

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ini bukan soal kelonggaran Yang Berhormat, ini soal memastikan rakyat Malaysia setiap orang mempunyai rumah. Dan saya gembira sekali Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan agenda utama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, hendak hapuskan kemiskinan untuk pastikan setiap orang yang tidak berumah dapat rumah kerana apa Yang Berhormat, ikut demokrasi ini tidak bermakna apa-apa. *Democracy is meaningless*, kalau sekiranya dalam negara itu rakyat masih terpaksa tidur di tepi jalan, tidak ada rumah, tempat hendak berteduh, demokrasi tidak mempunyai apa-apa makna Tuan Yang di-Pertua. Jadi bukan soal kelonggaran di sini, ini soal bagaimana kita dapat gemblengnya segala tenaga yang ada, kesungguhan kita untuk pastikan setiap rakyat Malaysia mempunyai rumah....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, secara rasionalnya saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Temerloh dan kalau boleh pembangkang juga mahu membantu kerajaan dalam merealisasikan dan menghapuskan kemiskinan tegar dan pengagihan ekonomi yang lebih adil dan lebih demokratik kepada rakyat keseluruhannya. Satu fakta yang adakah Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan kajian yang dibuat oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau UNDP yang baru-baru ini mengadakan satu seminar di Kuala Lumpur, yang pengarah bagi Malaysia dan Singapura, Dr. Richard Leete, memberikan satu angka bahawa masih terdapat 1 juta rakyat termiskin dalam negara kita.

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dalam kita merealisasikan impian untuk membasmi kemiskinan tegar ini ekonomi negara mesti secara adil dan saksama dimiliki oleh semua rakyat. Tidak ada lagi monopoli, tidak ada lagi isu kronisme, nepotisme dalam negara kita. Sebagai contoh, jangan ada lagi pemberian permit teksi kepada syarikat-syarikat, 500 permit diberikan kepada hanya seorang sahaja ....

**Seorang Ahli:** Berapa? Tidak betul lah....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya Yang Berhormat.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya bahawa kita agihkan ekonomi negara ini secara adil....

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri atas peraturan, Tuan Yang di-Pertua saya berdiri di atas peraturan, saya berdiri di atas peraturan ini!....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ya, ya minta ini .... cukuplah.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri atas peraturan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah, ya Yang Berhormat?



**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** "... *Sesuai pertanyaan tidak boleh mengandungi apa-apa hujah, sangkaan, fikiran, tohmah, puji atau keji atau mengandungi kalimah-kalimah yang mengelirukan....*"

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya saya faham. Sila, sila Yang Berhormat bagi Temerloh, sila teruskan.

**Dato' Mohd. Sarif bin Haji Yusof:** Betul itu tidak boleh ada sangkaan-sangkaan buruk, ya. Saya gembiralah dengar perkataan begitu daripada Yang Berhormat. Ertinya, mesti ada satu ruang di mana kita boleh melihat persamaan. Tidak setiap masa kita melihat perbezaan, untuk menghapuskan kemiskinan, kemiskinan tegar. Ini tugas semua. Sebab itu Perdana Menteri sendiri beritahu, kita hendak hapuskan masa lima, enam tahun ini dan sekarang kita sudah *start*, mula rancangan program-program untuk hendak pastikan kita boleh hapuskan *hardcore poverty* ini tetapi Yang Berhormat balik cerita teks ini, ini *hypothesis* Yang Berhormat saya fikir. Yalah, tugas Yang Berhormat hendak buat macam mana pula, saya tak hendak tolonglah, tugas Yang Berhormat tak bangkang pun tidak boleh. Tetapi pada hakikatnya saya ingat kita membangun, kita bina negara ini dalam keadaan yang sedemikian rupa, kita agihkan kemewahan negara, kekayaan negara kepada setiap orang, Yang Berhormat.

Saya barangkali rakan-rakan saya di sini semuanya begitu, di kawasan kita orang PAS, orang KeADILan, minta *scholarship* kita beri, minta rumah kita beri rumah PPRT. Saya minggu lepas, rumah orang PAS Yang Berhormat, tak undi saya, saya tahu. Saya beri, pergi bina rumah PPRT untuk dia. [*Tepuk*] Saya tak fikir orang PAS buat begitu. Tapi kita buat. Tapi yang Berhormat hendak bangkit soal teks, soal ini, macam tadilah kita mesti lihat makro, Yang Berhormat. Kalau kita boleh melihat secara makro banyak persamaan yang boleh kita cari.... Ada lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila teruskan.

**Dato' Mohd. Sarif bin Haji Yusof:** Teruskan.

**Tuan yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Temerloh, sekejap. Tujukan ucapan itu kepada Speaker, jangan kepada mana-mana ahli. Teruskan.

**Dato' Mohd. Sarif bin Haji Yusof:** Ini kadang-kadang pembesar suara lambat sikit keluar. Canggih dah Dewan kita ini, Tuan Yang di-Pertua, ini yang lambat sikit keluar hendak menyala lampu itu. Tuan Yang di-Pertua, proses urbanisasi khususnya yang melibatkan migrasi belia dari kawasan luar bandar ke bandar tidak lagi semestinya meninggalkan kesan yang baik. Sama ada kepada belia yang terlibat ataupun kepada bandar yang dituju, mahupun kawasan luar bandar yang ditinggalkan.

Oleh yang demikian, usaha-usaha menggalakkan belia supaya bekerja di kawasan luar bandar, perlu dilipatgandakan. Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan:

- (i) mewujudkan kemudahan sains dan teknologi yang dapat menarik belia untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar di kawasan luar bandar;
- (ii) menggalakkan proses inovasi dilakukan di luar bandar; dan
- (iii) memberikan insentif bagi R&D dalam bidang-bidang yang sedia terdapat di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu oleh seorang kawan, ini cerita di Jepun. Nama satu tempat ini ialah Miyazaki Prefecture. Dia bukanlah sebuah *prefecture* yang besar di Kyusu Island, Dia banyak bendang dan sebagainya. Tapi rakan saya ini pergi ke tempat tersebut dan melihat di tengah bendang ada stadium *baseball*. Jadi kawan saya tanya dengan Mayor, pasal apa buat stadium *baseball* di tengah bendang. Mayor jawab ia hendak mengelakkan daripada kawan-kawan belia ini meninggalkan Nigawa pergi ke bandar-bandar besar seperti Fukouka dan sebagainya. Buat stadium ini dan dengan adanya stadium ini tarikan daripada belia tinggal di luar bandar dan daripada situ dimajukan teknologi-teknologi di luar bandar, pertanian terutamanya.

Jadi, inilah yang saya maksudkan tadi mewujudkan kemudahan sains dan teknologi yang dapat menarik belia untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar di kawasan luar bandar, menggalakkan inovasi R&D dan sebagainya.

Saya juga ingin menyentuh tentang syarikat berkaitan kerajaan ataupun GLC. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan mengumumkan pelaksanaan Penunjuk Prestasi Utama atau, dengan izin, *Key Performance Indicator* yang bertujuan untuk mengukuhkan lagi kedudukan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan. Penggunaan KPI ini adalah bertepatan pada masanya bagi meningkatkan urus tadbir baik atau pun *good governance* dalam GLC. Ini kerana GLC yang sebanyak 40 buah itu mewakili 34% daripada modal pasaran di bursa Malaysia iaitu dengan nilai RM232 bilion Malaysia atau separuh daripada Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia. Kita juga mengharapkan pelantikan pengurusan kanan GLC yang baru dari kalangan ahli korporat dan profesional yang berkualiti seperti yang diumumkan baru-baru ini akan menjadikan GLC mampu menjadi pemain global (*global player*) yang selanjutnya menjadi pemimpin global (*global leader*) dan juara global (*global champion*), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan politik antarabangsa terutamanya krisis-krisis yang besar akan mempengaruhi banyak perkara yang melibatkan dasar luar kita. Ia juga akan mempengaruhi penglibatan kita dalam perdagangan antarabangsa. Dasar luar yang baik, yang diuruskan dengan baik, bukan sahaja mendatangkan imej yang baik kepada negara tapi lebih penting lagi ia boleh mendatangkan kesan yang baik terhadap kedudukan dan kekuatan kita dalam banyak bidang misalannya perdagangan antarabangsa.

Pada hari ini Malaysia adalah Pengerusi OIC dan NAM. Saya ingin mengingatkan bahawa dengan peranan tersebut ia boleh mendatangkan kesan secara langsung atau tidak langsung kepada Malaysia sebagai sebuah negara. Apabila dunia menilai dasar dan tindakan OIC dan NAM, Malaysia juga akan dilihatnya. Ini bermakna keberkesanan kita sebagai Pengerusi kedua-dua badan antarabangsa tersebut boleh menjadi saham juga kepada kedudukan kita sebagai sebuah negara di pentas dunia. Oleh yang demikian, saya menyarankan supaya Dewan yang mulia ini memainkan peranan yang lebih aktif dalam menentukan dasar luar negara.

Sehubungan dengan itu, saya mengucapkan tahniah kepada Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi kerana selaku Pengerusi OIC telah mengadakan Mesyuarat Khas OIC mengenai Asia Barat pada 22 April lalu dan sehari kemudiannya selaku Pengerusi NAM pula telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Peringkat Menteri NAM Mengenai Palestin. Seperti yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, dua mesyuarat tersebut bukan sahaja penting dari segi OIC dan NAM tetapi adalah juga penting kepada Malaysia sebagai sebuah negara kerana dunia ingin melihat haluan dasar luar kita selepas zaman Dr. Mahathir.

Oleh itu, saya berharap Wisma Putra akan memainkan dua peranan yang saling berkaitan itu, iaitu mewakili Malaysia sebagai sebuah negara dan mewakili OIC dan NAM dengan bijaksana. Saya sedar bahawa ada pihak yang mengatakan bahawa kita tidak mempunyai apa-apa kuasa melainkan bercakap dan berunding sedangkan kesannya tidak ada. Ini khususnya merujuk kepada isu Iraq dan Palestin. Kepada mereka ingin saya katakan mereka harus berterima kasih kerana sekurang-kurangnya masih ada Malaysia yang mampu bersuara dan mengetuai perundingan. Saya juga ingin katakan kepada mereka keadaan mungkin lebih buruk lagi jika kita tidak ada sesiapa yang mahu bersuara dan berunding.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dunia selain kuasa-kuasa besar atau *the rest of the world* kini ketandusan kepimpinan. Malaysia ditakdirkan berada pada saat yang strategik untuk menyediakan kepimpinan tersebut. Jika kita tidak memberikan yang terbaik, generasi akan datang dari seluruh dunia akan mengutuk kita. Sebaliknya, jika kita memberikan yang terbaik, walaupun masalah-masalah yang ditangani itu tidak dapat diselesaikan sepenuhnya semasa kita menjadi pemimpin, sekurang-kurangnya iaitu sebagai sebuah negara jika pada masa hadapan kita pula berhadapan masalah, ini kita pohon dijauhkan oleh Allah S.W.T. mudah-mudahan ada negara lain yang sudi membantu. Ini adalah adat dunia – buat baik dibalas baik. OIC dan NAM perlu meneruskan tugasnya dengan memainkan peranan utama dalam menyelesaikan isu Iraq dan Palestin. Begitu juga Malaysia, kita perlu meneruskan komitmen kita untuk memperjuangkan hak dan masa depan rakyat Iraq dan Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh membiarkan sahaja Amerika Syarikat dan sekutunya berbuat sesuka hati di Iraq. Saya mencadangkan agar Dewan yang mulia ini mengutuk keras keganasan terhadap rakyat Iraq, tempat ibadat, tempat suci, balai polis, hotel serta institusi awam lain dan juga kekejaman yang dilakukan terhadap

tawanan-tawanan perang Iraq di dalam penjara. Tindakan itu jelas melanggar Konvensyen Geneva yang berkaitan dengan perlindungan orang awam dalam peperangan yang diadaptasi pada tahun 1949.

Saya berharap Wisma Putra akan melipat gandakan usaha menggesa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya memainkan peranan utama mengembalikan keamanan di Iraq. Kita perlu terus mendesak supaya Majlis Keselamatan PBB segera mengeluarkan satu resolusi yang akan membantu mengembalikan kedaulatan dan kemerdekaan penuh kepada rakyat Iraq serta memberikan kuasa kepada PBB dengan mandat yang diperlukan....

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ....

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** .... untuk memastikan matlamat itu dicapai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Boleh saya habiskan sedikit sahaja tentang Iraq? Nanti saya bagi.

Saya juga ingin mengingatkan bahawa usaha untuk mendemokrasikan Iraq perlu dilaksanakan dari dalam dan bukannya dari luar yang bertentangan dengan prinsip undang-undang antarabangsa serta Piagam PBB. Di samping itu, saya juga mencadangkan agar Wisma Putra memikirkan kaedah yang sesuai untuk membantu rakyat Iraq dalam memulihkan dan membina semula negara itu. Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila. Yang Berhormat bagi Tumpat, ya.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya rasa kita boleh bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Temerloh, bahawa kita tidak boleh membiarkan kuasa-kuasa besar antarabangsa khususnya Amerika Syarikat bermaharajalela dalam kes di Iraq dan di tempat-tempat yang lain, tetapi kita pohon penjelasan daripada Temerloh memandangkan bahawa bermaharajalelanya Amerika Syarikat ini adalah kerana ia mempunyai kuasa tentera yang cukup besar di seluruh dunia dan tentera yang berperang di Iraq itu mempunyai rangkaian *intelligent* rahsia dan sebagainya, logistik dengan seluruh bala tenteranya di seluruh dunia. Tiba-tiba kerajaan kita mengizinkan Amerika Syarikat menggunakan kemudahan Lapangan Terbang Kota Kinabalu untuk digunakan oleh Tentera Udara Amerika Syarikat.

Adakah Yang Berhormat bersedia untuk bersama-sama kita mengkritik dasar kita ini dalam memberikan kemudahan ketenteraan kepada Tentera Udara Amerika Syarikat dengan menggunakan Lapangan Terbang Kota Kinabalu di Sabah? Kalau bersedia, saya fikir itu benar-benar menandakan kita bersama untuk menentang keganasan Amerika Syarikat di seluruh dunia. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ini guna kapal terbang dengan mengutuk kekejaman Amerika di Iraq ini dua isu berlainan, Yang Berhormat. Tidak bagi kita benarkan dia hendak *landing* di Kota Kinabalu *at the same time*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh hendak kutuk dia. Cadangan saya tadi, kita mengambil tindakan bersama dengan OIC dan NAM dan sebagainya dan Malaysia sebagai Pengerusi dan juga Wisma Putra mesti menggandakan usaha-usaha untuk mempengaruhi ahli-ahli dalam NAM dan OIC untuk membuat suatu tekanan kepada Amerika Syarikat dan saya kira tidak ada kena-mengena dengan penggunaan Lapangan Terbang Kota Kinabalu dengan usaha kita untuk memberi tekanan kepada Amerika supaya mengubah cara mereka di Iraq atau pun keluar daripada Iraq.

Isu Palestin – saya berharap Dewan yang mulia ini tidak akan jemu membahaskan isu Palestin memandangkan ia telah lebih berlarutan begitu lama. Saya mencadangkan agar Dewan yang mulia ini mengutuk sekeras-kerasnya pembunuhan terancang oleh Israel ke atas pemimpin-pemimpin Palestin dan menuntut supaya

sekatan perjalanan yang dikenakan terhadap Presiden Yasser Arafat ditarik balik serta-merta.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang sana, hendak beri jalankah?

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Bukan soal Palestin tetapi yang tadi itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Yang Berhormat bagi Tumpat tadi menyatakan tentang Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu digunakan oleh Amerika. Tetapi dia tidak menjelaskan bagaimanakah diadakan untuk apakah lapangan terbang itu digunakan, dia tidak jelas. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sepatutnya Yang Berhormat bagi Tumpat ini perlu memberi penjelasan dalam bentuk apa. Sebab ini mencemarkan nama baik negara kita berkenaan lapangan terbang tersebut. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Tak mengapalah kita mintalah Wisma Putra selepas ini menjawab. Tetapi soalnya tidak ada kaitanlah antara saya sebut dari segi Iraq, tidak ada kaitan dari segi apa yang disebut oleh Tumpat tadi itu.

Saya mencadangkan agar Dewan yang mulia ini mengutuk sekeras-kerasnya pembunuhan terancang oleh Israel – mana yang tadi, okey – mendesak Israel menghentikan pembinaan serta merobohkan tembok di wilayah Palestin yang diduduki termasuk di sekitar Baitul Muqadis dan menggesa Majlis Keselamatan PBB menghantar pasukan pengaman atau mewujudkan mekanisme pemantauan antarabangsa untuk mengawasi pelaksanaan pelan damai di rantau itu. Saya berharap Wisma Putra akan meneruskan komitmen untuk menyokong proses damai di Timur Tengah melalui pelaksanaan sepenuhnya pelan damai dan inisiatif keamanan tersebut.

Amerika yang merupakan sebahagian daripada kumpulan empat pihak yang dikenali sebagai Quartet atau Kesatuan Eropah, Rusia dan PBB yang mengusahakan pelan perdamaian yang mencadangkan penyelesaian berdasarkan dua negara itu telah timbul kemarahan rakyat Palestin kerana menyokong pelan Israel untuk keluar dari Semenanjung Gaza, tetapi mengekalkan sebahagian daripada Tebing Barat. Kita perlu menegaskan bahawa Amerika Syarikat telah menafikan hak penduduk Palestin terutamanya mengenai isu penempatan dan menggesa pentadbiran Bush menilai semula pendiriannya kerana ia jelas bertentangan dengan objektif pelan damai.

Yang mulia Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk kepada pembinaan bangsa bertamadun. Saya telah menyentuh perkara-perkara yang berhubung dengan bidang politik dan ekonomi dan juga hubungan luar. Sekarang izinkan saya untuk merangkumkan kedua-dua bidang tersebut dalam satu gagasan yang pada saya paling penting dan paling strategik, yang akan menentukan *survival* kita, yang akan menentukan haluan dan tujuan kita dan yang akan menentukan bentuk dan kedudukan kita pada masa hadapan sebagai satu bangsa dan sebagai satu negara. Gagasan yang saya maksudkan ialah pembinaan bangsa Malaysia yang bertamadun atau dengan kata lain membina tamadun bangsa Malaysia.

Pendidikan – bagi menghadapi cabaran globalisasi kita tidak ada pilihan lain melainkan melengkapkan rakyat dengan asas pendidikan dan latihan yang kukuh. Kita mesti melengkapkan rakyat kita dengan kemahiran berkomunikasi dan menguasai bahasa termasuk bahasa asing seperti bahasa Inggeris. Kita mesti meningkatkan peluang pendidikan dan latihan serta merapatkan jurang prestasi di antara sekolah bandar dengan luar bandar. Untuk memenuhi keperluan k-ekonomi kita perlu kepada satu anjakan paradigma dalam dasar dan strategi pembangunan sumber manusia. Sistem pendidikan dan latihan perlu diorientasikan semula supaya menjadi lebih berkesan dalam menyampaikan kemahiran serta menumpukan kepada bidang yang diperlukan oleh ekonomi. Kerajaan perlu memberikan keutamaan kepada usaha meningkatkan kemudahan dan infrastruktur serta mempergiatkan penggunaan ICT di semua sekolah dan institusi.

Penekanan yang lebih juga perlu diberikan kepada usaha meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Matematik, Sains dan bahasa asing. Kerajaan perlu memotivasi penyertaan sektor swasta untuk melengkapi usaha sektor awam dalam bidang pendidikan tinggi bagi menyediakan lebih banyak tempat untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat dari pelajar yang layak serta dapat memenuhi keperluan sumber manusia terutamanya dalam bidang sains dan

teknologi. Kerajaan juga perlu memastikan agar institusi tersebut menyediakan pendidikan yang berkualiti pada kadar yang berpatutan.

Saya amat bersetuju dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau. Untuk mencapainya, keupayaan Institusi Pendidikan Tinggi Awam perlu dipertingkatkan dan ditumpukan kepada program teknologi dan bidang yang baru. Di samping menggalakkan institusi pendidikan swasta membangunkan bidang yang khusus yang mana mereka mempunyai kelebihan bagi menarik pelajar asing, universiti awam pula perlu membangunkan pusat kecemerlangan dan bertindak sebagai tempat percambahan inovasi dan pembangunan teknologi tempatan. Universiti perlu digalakkan untuk bekerjasama dengan industri bagi menjalankan penyelidikan yang mempunyai potensi komersial.

Untuk memastikan semua institusi pendidikan tinggi diiktiraf di peringkat antarabangsa, satu sistem penanda aras atau dengan izin, *benchmark* berasaskan normal sebanding dengan yang digunakan oleh universiti ternama perlu dilaksanakan dengan sistematik untuk meningkatkan tingkat taraf institusi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pembentukan dua kementerian yang berkaitan dengan pendidikan. Saya berharap langkah ini akan menyebabkan perkara-perkara yang saya sebutkan sebentar tadi dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih fokus. Saya katakan fokus kerana saya belum berpuas hati dengan pencapaian dan sasaran kita hari ini. Dari segi sasaran berjumlahkan kuantiti saya boleh terima. Jumlah misalnya *enrolment* di peringkat sekolah rendah, di peringkat menengah rendah, di peringkat menengah atas dan menengah tinggi meningkat dari tahun ke tahun. Tetapi saya mempersoalkan dari segi kualiti, saya katakan kualiti kerana ia perlu diselarikan dengan matlamat Malaysia ingin menjadi negara maju sepenuhnya pada tahun 2020.

Dalam konteks ini, beberapa data yang dikemukakan dalam Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) atau OPP3 iaitu tentang membangunkan Malaysia menjadi ekonomi berasaskan pengetahuan belum menunjukkan kualiti yang saya maksudkan itu. Antaranya ialah:

- (i) peratus tenaga buruh yang berpendidikan tinggi iaitu kumpulan yang penting untuk menerajui k-ekonomi masih rendah. Saya sebut tadi sebanyak 13.9%;
- (ii) *enrolment* – 25% di peringkat pengajian tinggi bagi kumpulan umur antara 17 ke 23 tahun adalah rendah berbanding misalnya Singapura – 38%, Korea Selatan – 48%;
- (iii) *enrolment* peringkat ijazah pertama di institusi pendidikan awam masih lebih cenderung kepada kursus aliran sastera;
- (iv) Malaysia masih ketinggalan dari segi penyediaan dan penyebaran infrastruktur komunikasi, kadar liputan ICT, pembangunan kandungan tempatan dan keselamatan rangkaian infrastruktur maklumat; dan
- (v) Masalah *brain drain* akibat pekerja ekonomi kita yang lebih berminat bekerja di luar negara.

Oleh yang demikian, di samping langkah-langkah yang disenaraikan dalam Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan Rancangan Malaysia Kelapan saya mencadangkan perakuan-perakuan tambahan seperti berikut:-

- (i) usaha-usaha dan langkah yang jelas, sistematik dan berterusan perlu benar-benar dilaksanakan dan diperlihatkan sebagai dilaksanakan bagi benar-benar mengamalkan falsafah pendidikan kebangsaan. Dari segi perbelanjaan pendidikan awam, perbelanjaan untuk pendidikan *tertiary* adalah lebih kurang sembilan kali lebih besar daripada perbelanjaan pendidikan rendah dan menengah dicampurkan sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat ada yang bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ya, sila.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya amat tertarik dengan pandangan Yang Berhormat untuk menjadikan negara Malaysia ini satu pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini, dan langkah-langkah yang telah diambil adalah dari segi peningkatkan kualiti pendidikan di pengajian tinggi.

Saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat bahawa dari segi pendidikan sekolah menengah dan sekolah rendah, saya rasa pandangan Yang Berhormat tadi bahawa peruntukan yang tidak mencukupi untuk sekolah menengah dan sekolah rendah akan menjejaskan prestasi pendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah.

Salah satu lagi faktor yang amat ketara sekarang kita dapati bahawa dari segi peratus keciciran di sekolah menengah. Kalau kita ada kecemerlangan pendidikan di peringkat tinggi, tetapi dari segi di sekolah menengah kecicirannya begitu tinggi sekali, saya rasa ini juga akan mendatangkan kesan yang buruk kepada usaha kerajaan untuk meningkatkan sumber manusia negara kita.

Dari segi satu siasatan yang dilakukan dan didapati bahawa di kalangan pelajar-pelajar kaum Cina di sekolah menengah lebih kurang 26% keciciran di sekolah menengah, dan apakah cadangan Yang Berhormat bahawa langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan bahawa kalau boleh kita pastikan tidak ada keciciran di peringkat menengah untuk menjadikan sekolah menengah ataupun pendidikan pelajaran di peringkat sekolah rendah dan menengah begitu menarik sekali, jangan membosankan pelajar, jangan membebankan pelajar, menjadikan pelajaran pendidikan rendah dan menengah dapat menarik pelajar-pelajar kita terus menimba ilmu. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju sekali dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa kita perlu atasi masalah ini, kalau boleh di peringkat rendah, di peringkat menengah tidak akan ada keciciran murid-murid yang tidak berpeluang untuk belajar.

Kita bercakap hendak jadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ataupun dipanggil *education hub* dan saya tertarik sekali baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam upacara Hari Guru, beliau menyebut dia kata, "Kita hendak jadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan tetapi we are not even top half yet..." Kita ada 17 IPTA dalam negara, ertinya standard pendidikan kita di peringkat universiti masih lagi rendah dan teguran yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini saya kira memang tepat. Kita mesti berusaha untuk menjadikan pusat-pusat ilmu negara kita ini sebagai pusat-pusat ilmu yang bertaraf tinggi, yang menarik, kalau kita bercita-cita untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu.

Yang ketiga, langkah segera perlu dijalankan untuk meningkatkan skema gaji profesion perguruan dan pensyarah dalam sistem pendidikan awam.

Keempat, langkah-langkah perlu dilaksanakan untuk menangani kes-kes keciciran bermusim, misalnya pelajar-pelajar di kawasan tertentu yang tidak hadir ke sekolah kerana membantu ibu bapanya di ladang dan keciciran antara peringkat, iaitu terdapat pelajar yang tidak mendaftar untuk melanjutkan pelajaran dan ini berlaku bukan kerana gagal peperiksaan, misalnya pelajar berkenaan tidak mendaftar untuk ke Tingkatan Satu dan sebagainya. Jadi, Yang Berhormat ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ya, sila Air Hitam.

**Tuan Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Temerloh. Saya amat tertarik dengan kenyataan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat tadi, tentang dari segi bilangan yang memasuki IPTA kita adalah memuaskan tetapi pilihan khusus itu lebih tertumpu kepada aliran Sastera. Jadi, apakah punca yang menyebabkan keadaan ini berlaku, adakah mereka waswas ataupun mereka bosan dengan aliran Sains ataupun tidak ada inisiatif yang mencukupi untuk menarik mereka.

Jadi, saya rasa dari segi inilah kita harus mencari penyelesaian bagaimana kita menggalakkan lebih ramai untuk memasuki aliran Sains seperti doktor,

kejuruteraan dan sebagainya. Jadi, apakah pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Yang Berhormat Saya bersetuju dan saya sudah sebut pada mula tadi saya berucap berkenaan pendidikan. Saya kata kita perlu mencari jalan bagaimana boleh menggalakkan anak-anak kita pelajar-pelajar kita untuk meminati, bila masuk universiti, dia minat untuk belajar Sains, dia minat untuk belajar. Kalau tidak, kita akan ada terus macam sekarang, 60%, 70% semuanya pergi aliran Sastera, hanya 30% barangkali yang masuk ke bidang Sains.

Dan kalau ini berlaku kita tidak mampu untuk menyediakan pekerja-pekerja *knowledge workers* seperti yang kita sebutkan tadi. Jadi, Kementerian Pendidikan pun saya kira harus melakukan sesuatu untuk menangani masalah ini ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun lagi ya.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Banyak kali sudah Yang Berhormat. Maaf ya, Kemaman dahululah. Kemaman, Kemaman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sebelah sana pula ya. Ya, sila.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu aspek yang paling penting dalam bidang pendidikan kita khusus dalam menghadapi cabaran global ialah pendidikan di peringkat asas iaitu pendidikan di peringkat prasekolah. Sekarang ini terdapat banyak pendekatan yang telah dibuat secara formal ataupun tidak formal mengenai pendidikan prasekolah kita, sehingga ada parti-parti politik yang tertentu juga menganjurkan pendidikan di peringkat prasekolah dengan harapan pemikiran anak-anak di peringkat ini juga telah diasuh ataupun didoktrinkan bagi kepentingan-kepentingan tertentu.

Saya ingin bertanya pendapat Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh, apakah sudah tiba masanya apabila kita telah wujud dua kementerian dan Kementerian Pelajaran kita untuk melihat perkara ini secara yang serius dan untuk memikirkan cara yang paling positif dan yang terbaik dalam menjadikan sistem pendidikan kita yang terbaik dalam menghadapi cabaran global nanti. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang ada satu bab membincangkan soal prasekolah Yang Berhormat, nanti bila saya masuk ke bab itu barangkali saya akan menjawab pandangan Ahli Yang Berhormat tetapi saya bersetuju sekali dengan pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat kita prasekolah ini, kita lazimnya meletakkan prasekolah ini sebagai tingkat yang ....

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti Yang Berhormat-Yang Berhormat biar dia jawab yang itu dahulu ya, daripada Kemaman tadi, jawab yang itu dahulu. Hendak beri jalan atau tidak kepada dia?

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Tuan Yang di-Pertua, ya sekejap, biar saya jawab dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, nanti dahulu ya.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Tuan Yang di-Pertua, kita selalu meletakkan prasekolah ini sebagai satu peringkat yang tidak penting, sedangkan negara-negara maju di Jepun yang mengajar di prasekolah orang yang berkelulusan Ph.D kerana pada mereka asas itu penting, kerana kalau acuan asas itu sudah tidak betul, dia sampai produk itu keluar memang tidak betullah.

Sebab asas Tabika ini, asas prasekolah ini penting sekali. Yang mana saya hendak beri dahulu, ya sila, ini bekas pegawai daerah saya dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan, ataupun kecemerlangan. Bukan sahaja kita perlu banyak mewujudkan banyak universiti swasta dan kerajaan tetapi yang lebih penting ialah untuk mendapat pengiktirafan dari masyarakat dunia bahawa IPTA dan IPTS kita mempunyai standard

pendidikan yang tinggi dan ini bukan boleh kita iktiraf sendiri, maknanya masyarakat dunia mesti mengiktiraf.

Satu daripada pandangan saya, sama ada Yang Berhormat bersetuju ataupun tidak ialah IPTS dan IPTA kita perlu memperhebatkan penyelidikan mereka kerana universiti-universiti yang terkenal di dunia, di peringkat antarabangsa ialah universiti yang pendidikannya begitu tinggi dan diiktiraf oleh semua pihak dan ini akan menguntungkan kita juga kerana apabila pelajar-pelajar daripada luar negara datang, ia juga akan membantu imbalan perdagangan kita dengan negara lain. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat, itu yang saya sebut tadi, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat komen mengatakan, *we are not even top half*, ya, kita ada 17 IPTA, *not even one listed as one of the best in Asia*, dengan izin.

Ertinya kita tidak sampai kepada peringkat *top half* lagi. Bermakna kita kebelakangan sangat. Kalau Ahli Yang Berhormat ingat, dahulu kita kutuk India. *Indian university* punya standard tidak bagus tetapi hari ini beberapa *Indian universities* sudah *dilistedkan sebagai top ten in the world*. Kita masih belum lagi.

Saya kira sebab itu Perdana Menteri melahirkan kebimbangan ini kerana kalau ini berterusan, akhirnya bukan hanya universiti sahaja yang tidak mendapat pengiktirafan yang tinggi, kualiti mahasiswa yang kita keluarkan pun akan turun. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa universiti ini tidak ada benda lain, pada saya universiti *is a research*, itu sahaja. Bayangkan kalau pensyarah-pensyarah ini tidak buat *research*. 20 tahun mengajar benda yang sama, murid-murid, pelajar-pelajar ini akan terus menurun kualitinya.

Universiti mesti *research*, pensyarah, seluruh masyarakat universiti mesti bertumpu kepada *research* barulah taraf ataupun standard universiti itu akan meningkat ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada lagi ya, empat yang bangun. Hem....., ya.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Temerloh. Saya tertarik dengan apa yang telah diperkatakan oleh beliau mengenai kecemerlangan di universiti khususnya pemberian kedudukan ataupun jawatan di universiti kerana apa yang saya perhatikan kebanyakan jawatan-jawatan profesor misalnya tidak diasaskan kepada kemampuan seseorang di dalam bidang penyelidikan, tetapi adalah diberikan kepada mereka yang terlibat di dalam pentadbiran universiti. Jadi adakah usaha kerajaan untuk mengubah dasar ini untuk memastikan bahawa mereka yang diberikan jawatan profesor dan *assistant professor* adalah daripada mereka yang telah membuat penyelidikan dan penerbitan yang banyak, dan telah membuat banyak *research* yang telah diiktiraf di peringkat antarabangsa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya bersetuju Yang Berhormat. Saya kalau boleh beri contoh. Sekarang ini kita ada banyak universiti teknikal Tuan Yang di-Pertua. Kita ada KUSTEM, universiti teknologi macam itulah, yang ada di Air Keroh, Kuantan, Perlis. Kita juga ada UNIKU. Dan semua ini yang ada di Air Keroh, Kuantan, Perlis dan UNIKU ini sepatutnya menjadi *technical base university*, universiti yang memberi pengajian teknikal. Saya berharap sangat kepada Kementerian Pelajaran yang baru ini supaya pastikan jangan universiti-universiti ini menjadi dengan izin, *just like any other 17 IPTAs* tadi. Jadi *academic base* juga. Jadi kalau ini berlaku, tidak tercapailah matlamat kita hendak mengeluarkan lebih ramai ahli teknikal daripada universiti-universiti teknikal ini.

Saya hendak sebut di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya berjumpa dengan seorang kawan, dia kata salah seorang daripada Vice Chancellor universiti tempatan ini, pensyarahnya *dioffer* mengajar di Universiti Teknikal. Saya tidak tahu mana universiti ini, saya boleh selidik nantilah. *Dioffer* sebagai pensyarah di Universiti Teknikal sedangkan dia bukan daripada *technical background*. Ini Yang Berhormat sebut tadi. Kadang-kadang itu kita *overlooked*, kita tidak nampak perkara ini. Orang yang tidak ada *technical background* tetapi disuruh mengajar di universiti yang berasaskan *technical base*. Jadi perkara-perkara seperti ini harus kita elakkan.



Yang kelima, sekarang ini umumnya pelajar memilih bidang vokasional dan teknikal sebagai pilihan kedua iaitu setelah tidak begitu berjaya dalam bidang akademik.

**Tuan Ling Ban San:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ....

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Keadaan ini perlu diubah ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Temerloh, Yang Berhormat bagi Tebrau.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ya, Sila.

**Tuan Ling Ban San:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Temerloh tentang pentingnya pendidikan asas terutamanya sekolah rendah. Akan tetapi, saya dapati sistem pendidikan kita yang sedang dipraktikkan ini merupakan satu sistem yang *exam oriented*. Kita dapat melihat bahawa beratnya beg kanak-kanak sekolah rendah itu sudah bertambah berat setahun demi setahun. Kita banyak membincangkan tentang perlunya melatih kemahiran, inovasi dan kreativiti tetapi nampaknya lebih kepada *rote learning*. Kita hanya menekankan pentingnya pencapaian akademik khususnya dari segi keputusan peperiksaan.

Jadi jika Malaysia hendak menjadi sebuah pusat pendidikan yang terunggul di rantau ini, adakah perlunya kita meninjau semula sistem pendidikan negara supaya ia tidak begitu condong kepada peperiksaan sehingga membunuh peluang untuk mewujudkan kemahiran inovasi dan kreativiti di kalangan kanak-kanak kita?

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita sebenarnya *balance* Yang Berhormat, dengan izin. Barangkali kementerian akan menjawab. Kita *balance*. Walaupun kita pentingkan peperiksaan tetapi kita juga memberi penekanan kepada pentingnya anak-anak kita ini masuk ke sekolah sama ada di peringkat rendah sampai ke peringkat tinggi untuk mendapatkan ilmu, menghayati ilmu. Jadi barangkali perlulah kita melihat dari perspektif itu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya ada satu kemusykilan hendak dikongsi dengan Yang Berhormat iaitu berhubung dengan langkah pentadbiran universiti ataupun kerajaan menukar Universiti Pertanian kepada Universiti Putra. Apakah logiknya nama universiti ditukar sedangkan negara kita dalam usaha untuk membangunkan pertanian moden di seluruh negara sebab memandangkan imbalan import dan eksport bahan-bahan mentah pertanian ini lebih memihak kepada import. Apakah Yang Berhormat berhasrat meminta kerajaan mewujudkan Universiti Pertanian itu ataupun mungkin nama itu dikekalkan seperti sedia kala. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Nama ini Yang Berhormat kita boleh ubah. Besok kita hendak ubah, kita boleh ubah Yang Berhormat. Saya ingat pandangan Yang Berhormat itu betul, ada juga signifikannya pandangan Yang Berhormat itu pasal kita sekarang ini memberi penekanan kepada aspek pertanian. Kita hendak galakkan semula pertanian dan sebagainya. Ya, barangkali kerajaan perlu memberikan pertimbangan atas cadangan Yang Berhormat tadi iaitu Universiti Putra dikembalikan sebagai Universiti Pertanian.

Keenam, pendidikan dan latihan vokasional dan teknikal negara perlu mempunyai pengarah baru iaitu ia dibentuk dengan dua sistem bersama-sama dengan pendidikan akademik.

Tuan Yang di-Pertua, di samping perakuan-perakuan yang saya gariskan tadi, saya juga mempunyai beberapa cadangan yang lebih spesifik.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** [Bangun]

**Tuan Ronald Kiandee:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada dua bangun, Pendang dan Beluran.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sila.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tentang untuk mengindustrikan pendidikan ini hendak jadikan Malaysia sebagai satu pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Saya melihat di Britain umpamanya, ia dapat menjana lebih daripada satu bilion paun setahun dalam *educational fee* dan kita lihat di Malaysia ketika ini laporan yang dibuat, dipapar cuma lebih kurang 280,000 pelajar asing yang menuntut di negara kita. Jadi bererti masih luas, masih besar industri ini untuk diperbesarkan di masa akan datang.

Akan tetapi sebelum tiba kepada kedudukan yang sedemikian sebagai *educational hub* yang berjaya, Kementerian Pelajaran harus melihat pendekatan-pendekatan dari segi aspek pengiktirafan ijazah kita, dari aspek employability dan juga *marketability* graduan kita. Jadi adakah Yang Berhormat setuju bahawa *marketability*, kesesuaian kursus, pengiktirafan ijazah yang dikeluarkan, pengiktirafan LAN yang ada di sini diiktiraf di luar negara.

Pelajar-pelajar kita yang menuntut, mengambil program-program francais daripada universiti-universiti luar diiktiraf oleh universiti yang mengeluarkan francais tersebut di negara yang berkenaan. Aspek-aspek ini perlu diambil kira oleh Kementerian Pelajaran. Apakah Yang Berhormat setuju bahawa Kementerian Pelajaran yang tinggi dan yang menengah itu harus melihat perkara-perkara ini untuk menjadikan Malaysia ini sebagai satu *hub* kecemerlangan pendidikan di rantau ini? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Yang Berhormat, pasaran pendidikan di rantau ini besar sekali. Kalau kita ambil daripada Republik Rakyat China, 1.2 bilion penduduk. Kalau hendak ambil tidak payah - *point one per cent* sahaja sudah berapa juta *student* boleh kita ambil. Saya pernah berjumpa dengan beberapa orang daripada negara ini, mereka memang melihat Malaysia sebagai tempat terutama dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Mereka cukup suka datang ke Malaysia. Akan tetapi macam Yang Berhormat sebut, barangkali kita tidak menyediakan infrastruktur yang cukup dan barangkali *promotion* kita, dengan izin, tidak mencukupi, dan saya berharap kita dapat meneliti perkara-perkara ini. Saya yakin sungguh pasaran untuk pendidikan, cita-cita kita untuk menjadikan Malaysia sebagai *education hub* boleh kita buat tetapi kita harus ikhlas dengan diri kita. Apa yang kita rasa kita belum buat, belum lakukan, kita lakukan. Tidak ada guna kita hendak pertahankan "*Oh, we have done this, we have done that*". Kita sudah siap semua, padahal kita tidak buat apa-apa, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kalau kita ikhlas, kita berani menerima hakikat ....

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ....

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** ....saya yakin kita boleh dapat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, panjangkah ucapan Yang Berhormat?

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab ramai lagi hendak meminta penjelasan....

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Ha, itulah tetapi saya.... Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi juga yang *first time* ini. Saya ingat saya bagi yang *first timelah* lepas ini, Tuan Yang di-Pertua. Yang *new members* kita ini.

**Seorang Ahli:** Pendang.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Yang sudah senior, yang sudah dua kali, saya tidak bagi dah. Yang hujung sekali.

**Tuan Mohd. Hayati bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya amat tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Temerloh berhubung dengan *tertiary enrolment* di Malaysia ini

terlalu rendah. Maknanya sangat kurang orang yang masuk ke *tertiary, university* ataupun kolej misalnya terutama sekali di bidang sains dan juga teknikal.

Saya bagi contoh, satu daripada bidang yang amat kurang terutamanya orang daripada luar bandar adalah di bidang perubatan, sebab saya ada pengalaman untuk masuk ke *Medical College* misalnya (IMC) saya bagi contoh sebanyak RM150,000 setahun dia punya *fees*. Kalau kita kira sampai hendak habis satu kursus RM500,000 untuk satu kursus (5-6 tahun). Maknanya kalau kita berada di luar bandar, walaupun pinjaman disediakan, tetapi ini merupakan suatu kesusahan kepada penuntut itu sendiri untuk hendak membayar pinjaman.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawasanya *fees* yang terlalu tinggi menyebabkan salah satu daripada *tertiary enrolment* ini sangat berkurangan di dalam Malaysia ini. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Mungkin juga dia satu daripada faktor, tetapi keseluruhannya kalau *medical student* semuanya ada disediakan bantuan-bantuan biasiswa yang cukup. Yang saya sebut tadi, secara menyeluruh di bidang sains, kita amat kurang sekali kalau dibandingkan dengan bidang sastera.

Ertinya, mirip pelajar sekarang, mahasiswa sekarang, masih lagi menjurus kepada bidang sastera dan bidang sains masih terlalu kurang dan ini terus berlaku, kita tidak perbaiki, tidak dibetulkan, kita tidak mampu hendak menyediakan pegawai-pegawai, pekerja-pekerja yang kita panggil *k-workers* ini, untuk kita hendak menjana inovasi, hendak eksport *innovation* dan sebagainya. Itu maksud saya tadi.

**Tuan Bernard S. Maraat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya tertarik mengenai dengan hujah-hujah Yang Berhormat mengenai dengan menjana pendidikan asas. Memang tujuan kita atau objektif kita atau visi kita hendak membuat Malaysia ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Tetapi kalau kita tidak melihat dari segi asasnya, umpamanya di daerah Pensiangan sahaja banyak kanak-kanak tercicir dari melanjutkan pelajaran mereka.

Ini disebabkan pendapatan yang apabila kita bercakap tentang membasmi kemiskinan di mana orang-orang tua ataupun ibu bapa mereka tidak mampu untuk memberi pendidikan kepada anak-anak mereka lebih-lebih lagi bila kita lihat di sekolah-sekolah, prasarana dan *facilities* yang ada di daerah Pensiangan yang nun terjauh sekali, yang terpencil sekali.

Saya mintalah daripada Yang Berhormat mungkin ada satu strategi ataupun tindakan-tindakan tertentu sama ada daripada kerajaan kita khusus di Bahagian Pendidikan supaya menyeimbangkan dari segi pembangunan infrastruktur dan fasilitinya. Umpamanya di daerah Pensiangan, kita mempunyai satu guru, lima darjah. Dia lari dari segi 30 minit, 20 minit, 20 minit dan 10 minit. Satu guru sahaja dan prasarana umpamanya tempat guru tinggal itu pun saya rasa reban ayam itu lebih bagus.

Macam mana guru-guru hendak datang di bahagian atau di tempat-tempat yang terpencil ini kalau fasiliti dan prasarana atau infrastruktur itu tidak ada. Ini akan membuntukan ataupun tidak memberi kesenangan kepada ibu bapa, guru-guru dan juga anak-anak sekolah.

Saya mintalah kepada Yang Berhormat supaya dapat kita menangani isu-isu supaya menyeimbangkan pembangunan-pembangunan soal-soal sekolah dan sebagainya. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, soalan saya dalam hala tuju kita untuk memberi penempatan status Malaysia ini sebagai pusat pendidikan, saya rasa yang amat penting sekali adalah asasnya dan apakah persiapan kita.

Kita sekarang cakap mengenai dengan yang teratas sekali tetapi apa yang di bawah ini sebagai *foundation*nya, itu yang amat penting sekali bagi kita. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Yang infrastruktur tadi, saya ingat, kementerian akan ambil ingatan. *Take notes*lah apa Yang Berhormat cakap. Yang asas tadi ini, saya akan sebut. Saya sedang membahaskan soal pendidikan asas.

Di samping perakuan-perakuan yang saya gariskan tadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga mempunyai beberapa cadangan yang lebih spesifik.

Pertama, saya dapati bahawa walaupun kita telah mempunyai kurikulum yang satu sahaja bagi pendidikan prasekolah. Namun kualiti pelaksanaannya masih lemah. Dasar ada, tetapi pelaksanaannya tidak. Masih wujud kelas prasekolah yang menggunakan kurikulum sendiri. Siapa pun tidak tahu apakah kandungan kurikulumnya itu. Masih ramai gurunya yang tidak mempunyai latihan yang secukupnya malahan ada yang langsung yang tidak terlatih.

Prasekolah adalah asas yang paling asas. Biarlah bunyinya sedikit pelik. Asas yang paling asas dalam membina tamadun. Saya mahu kerajaan mengambil perhatian yang berganda-ganda kali lebihnya terhadap perkara yang asas ini. Saya mahu mengingatkan bahawa tidak ada maknanya kita mempunyai begitu banyak IPTA dan IPTS, lengkap dengan bantuan kewangan melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara. Ada dana *Intensification of Research in Priority Areas (IRPA)* untuk R&D.

Malaysia dibanjiri oleh mahasiswa dari negara lain dan Malaysia pun jadilah pusat pendidikan serantau. Semua ini tidak ada makna sama sekali sekiranya pendidikan prasekolah yang paling asas ini hanya diberikan perhatian seperti melepaskan batuk di tangga sahaja. Dengan kerana itu, saya mencadangkan agar dikuatkuasakan sepenuhnya pelaksanaan hanya satu kurikulum sahaja bagi semua kelas prasekolah dan semua guru prasekolah diwajibkan mempunyai kelayakan latihan yang disediakan hanya oleh Kementerian Pelajaran sahaja.

Di Sekolah kebangsaan pula, di sana terdapat dua tahap. Tahap 1 ialah Tahun 1 hingga 3, manakala Tahap 2 ialah Tahun 4 hingga 5. Oleh kerana kita terlalu mementingkan keputusan peperiksaan, maka guru yang terbaik mengajar di Tahap 2 khususnya di Tahun 6. Pakar pendidikan memberi tahu saya bahawa Tahap 1 adalah amat penting kerana ia adalah asas.

Jika murid tidak menguasai asasnya, apabila dia sampai di Tahap 2, tidak ada makna lagi walau seterbek mana pun gurunya kerana asasnya tidak kuat. Bayangkan murid yang tidak menguasai *Three M* – iaitu kemahiran membaca, menulis dan mengira. Berikanlah guru terbaik di dunia mengajarnya di Tahun 6, ia sudah terlambat. Sudah tidak mempunyai maknanya lagi.

Hal yang sama berlaku di Sekolah Menengah, kerana itu saya mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran melihat perkara ini supaya guru yang terbaik diletakkan mengajar di tahap yang paling sesuai yang membolehkan ia menghasilkan keputusan yang terbaik. Terbaik bukan sahaja untuk segelintir murid pilihan, tetapi terbaik bagi keseluruhan murid dan terbaik bukan sahaja dari segi peperiksaan tetapi terbaik dalam semua bidang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyebut universiti tempatan, dua perkara datang pada fikir saya. Kedua-duanya ada kaitan dengan soal kualiti.

Yang pertama, ialah masalah graduan menganggur. Saya sedih setiap kali melihat angka-angka graduan menganggur. Saya sedar universiti akan berkata bahawa bukan tugas mereka memastikan graduannya mendapat kerja dan banyak faktor yang menyebabkan graduan menganggur. Tetapi bukankah graduan menganggur juga mencerminkan kualiti universiti tersebut. Ramaikah graduan daripada Harvard, daripada Yield atau Oxford atau Cambridge yang menganggur?

Perkara yang kedua ialah dari ilmuan di universiti. Satu ketika dahulu kita kenal beberapa nama ilmuan kita. Contohnya Ungku Aziz, Syed Hussein, adiknya Syed Najib, Ahmad Ibrahim, Awang Had Salleh, Ismail Hussein, Khoo Kay Kim, Asmah Haji Omar, Nik Safiah Karim dan beberapa lagi. Mereka benar-benar ilmuan yang pakar dalam bidang masing-masing.

Soalnya kini, sudahkah kita melahirkan barisan kedua ilmuan kita? Jika mereka telah dilahirkan, sejauh mana mereka dan bidang mereka telah membudaya di kalangan mahasiswa, graduan dan rakyat.

Di sini, saya bukan mempersoalkan kualiti pendidikan tinggi secara kuantitatif tetapi secara kualitatif. Saya membicarakan soal universiti sebagai gedung ilmu dan dari segi maknanya yang sebenar. Gedung ilmu yang melahirkan pemuka-pemuka ilmu yang dikenali dan diterima oleh rakyat dan yang dapat menjadi idola rakyat sehingga memotivasikan rakyat memburu ilmu yang daripada ilmu dan hanya melalui ilmu kita akan dapat membina bangsa yang bertamadun. Kerana itu saya

mencadangkan Kementerian Pengajian Tinggi melakukan suatu pemikiran semula atau dengan izin, *rethinking* tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, menangani buli di sekolah. Usaha membina generasi tidak boleh hanya dihadkan kepada soal akademik sahaja. Kerana itu saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Pelajaran, Dato' Hishammuddin yang menyatakan bahawa beliau tidak akan bertolak-ansur....

**Puan Chong Eng:** [Bangun]

**Tuan Razali bin Ismail:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada dua orang bangun, Kuala Terengganu dan Bukit Mertajam.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sekejap, sekejap, Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan *sentence* ini ya, ayat ini ya. Beliau tidak akan bertolak-ansur yang mencerminkan kesungguhan beliau dalam menangani kes-kes yang diklasifikasikan sebagai jenayah di sekolah termasuk buli. Silakan.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Cadangan-cadangan Yang Berhormat bagi Temerloh memang begitu bernas, dari pagi sampai petang ini tetapi ucapan Yang Berhormat selalu di celah-celah, jadi susah hendak tumpu kepada cadangan Yang Berhormat. Tambahan pula, kalau terlalu banyak celahan, nanti sampai pukul 5.00 petang pun tidak habis ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apakah soalnya?

**Puan Chong Eng:** Jadi, cadangan saya, Yang Berhormat bagi Temerloh terus dengan ucapannya. Jangan beri banyak pencelahan supaya kita dapat tumpukan kepada cadangan Yang Berhormat dan juga nanti....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** ...hanya ada empat hari untuk perbincangan. Nanti Yang Berhormat ambil satu hari, nanti ada penyokong lagi, nanti pembangkang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** .... Ketua Pembangkang satu hari, dua hari sahaja untuk 100 lebih *backbenchers*, tidak cukup masa. Jadi, saya harap Yang Berhormat bagi Temerloh akan memberi pertimbangan. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasihlah pandangan Yang Berhormat itu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Peraturan Mesyuarat!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** 37(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** 30....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Seseorang Ahli tidak boleh mengganggu Ahli yang sedang bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia membuang masa itu...  
[Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebenarnya Yang Berhormat bagi Temerloh memberikan laluan untuk beliau.

**Puan Chong Eng:** [Menyampuk]

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Saya ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya memang bersetujulah. Saya yakin ramai Ahli Yang Berhormat juga berharap supaya mereka dapat diberikan peluang untuk berucap. Jadi, kalau bolehlah, kalau boleh Yang

Berhormat tumpukan kepada perbahasan. Yang Berhormat kurangkan memberi peluang untuk penjelasan. Kalau bolehlah, ini terpulang kepada Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Baik. Saya berterima kasih kepada pandangan Tuan Yang di-Pertua dan pandangan Yang Berhormat tetapi saya bawa usul ini. Saya tidak ada had masa. Kalau hendak berucap empat hari pun boleh, tidak ada masalah. Saya hendak beri ini kepada rakan-rakan yang baru termasuk juga pembangkang yang baru-baru yang baru masuk Parlimen, pertama kali dia hendak bercakap, saya bagi.

Saya ingat saya cukup *fair* sekali, cukup adil, saya bagi semua orang. Tidak ada yang tidak boleh. Hanya yang hendak masuk kali kedua atau ketiga, saya sudah tidak bagi, Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, sila sambung ....

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Lagipun sudah tidak banyak, Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila sambung.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Okeylah, saya sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sambung ucapan.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Sebenarnya buli di sekolah adalah satu masalah yang agak signifikan juga tetapi oleh sebab ia jarang dilaporkan kecuali apabila melibatkan kematian, maka belum wujud kefahaman umum yang jelas tentang makna, jumlah dan jenis kes yang berlaku serta kaedah pencegahannya.

Kajian-kajian di Ireland, Belanda, UK, Kanada, Norway dan Australia yang dibuat secara berasingan antara tahun 1993 ke 1997 menganggarkan kejadian buli secara berulang kali melibatkan antara 4% hingga 13% daripada murid sekolah. Manakala anggaran murid yang terlibat membuli secara berulang kali pula ialah antara 1% hingga 17% tetapi apabila dikira kejadian buli yang berlaku sekali sahaja atau sesekali sahaja, maka didapati 35% daripada murid-murid pernah dibuli, manakala 26% pula pernah membuli.

Majoriti daripada kes buli berlaku di padang permainan terutamanya di sekolah rendah. Di sekolah menengah, ia sering berlaku dalam bilik darjah atau beranda. Kejadian buli semasa pergi atau pulang dari sekolah adalah lebih kecil daripada kejadian yang berlaku di sekolah. Saya mencadangkan supaya:

- (i) dilaksanakan program pencegahan yang bersepadu di sekolah;
- (ii) memastikan yang program pencegahan itu berjalan dengan sepenuhnya dan konsisten;
- (iii) guru-guru perlu disediakan dengan latihan dan perundingan dari masa ke semasa;
- (iv) penilaian berterusan dibuat ke atas program-program tersebut; dan
- (v) program-program pencegahan yang khusus perlu diadakan bagi sekolah-sekolah tertentu seperti sekolah menengah berasrama.

Saya juga mencadangkan supaya pendekatan bagi mengatasi masalah buli secara bersepadu ini dilaksanakan juga bagi mengatasi masalah-masalah disiplin yang lain yang berlaku di sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh masa tiga, empat tahun kebelakangan ini, kita dikejutkan dengan kes-kes jenayah seksual yang mengerikan dan tambah malang lagi, ia melibatkan murid-murid sekolah. Kes Syuhada Borak, kes Farahdiba Rustam, Ariwati Saridi, kes Nurul Huda Abdul Ghani, semua ini melibatkan murid perempuan yang dirogol dan dibunuh. Apakah makna semuanya ini? Adakah ini lambang sebuah masyarakat yang bertamadun? Adakah ini lahir daripada sistem masyarakat dan cara bermasyarakat yang bertamadun? Kita sedar bahawa ada waktunya kita terpaksa

menanggung kos sosial dalam kita mengejar kemajuan, tetapi adakah kos sosialnya harus dalam bentuk dan dalam harga yang sedemikian rupa?

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa masalah ini tidak semudah itu untuk diselesaikan. Ia perlu diselesaikan pada tahap yang lebih mendasar. Kerana itu saya mencadangkan agar kerajaan benar-benar melaksanakan Dasar Sosial Negara yang dilancarkan pada tahun lalu itu dengan penuh komited. Walaupun telah ditubuhkan Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Sosial Negara tetapi saya harap dari segi pelaksanaannya, ia tidak akan menjurus kepada sebuah kementerian sahaja tetapi hendaklah dilaksanakan secara komprehensif di kalangan semua kementerian yang berkaitan.

Pada masa yang sama, saya berharap Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi akan menilai semula kurikulum yang terdapat dalam sistem pendidikan kita. Pengajian Agama Islam mesti diberikan sentuhan yang baru. Pengajian Etika dan Moral mesti diterapkan dengan lebih sistematik, manakala pendekatan-pendekatan yang dapat mengadun hati budi murid-murid seperti seni dan muzik mesti diberikan tafsiran baru. Seni dan muzik menyemaikan nilai estetika iaitu nilai yang halus dan lembut. Nilai estetika adalah antara tanda mekarnya sesebuah bangsa yang bertamadun.

Lihatlah sahaja dalam sejarah Tamadun Nil, tidak ada bangsa yang bertamadun yang tidak kaya dengan nilai estetika yang dicerminkan melalui hasil-hasil kreativiti mereka. Justeru itu, elemen-elemen hati budi mesti diberikan penekanan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, Program Khidmat Negara. Hasrat kerajaan untuk mewujudkan Program Khidmat Negara ialah supaya setiap rakyat yang telah berumur 18 tahun melalui Program Khidmat Negara tetapi buat permulaannya, seramai 85 ribu orang yang diambil. Dengan jumlah sekecil itu pun, kerajaan berbelanja lebih daripada RM500 juta.

Kemudian kita didedahkan dengan berita-berita tentang masalah-masalah dalam PLKN. Misalnya, masalah makanan yang kurang bermutu, masalah disiplin peserta, masalah kecederaan dan kematian serta masalah tuduhan rogol. Berita-berita ini mengganggu kita. Saya berharap pihak media akan lebih seimbang dalam pemberitaan. Saya tidak bermaksud supaya tidak disiarkan berita yang mengganggu ini. Siarkanlah semuanya kerana kerajaan tidak bermaksud untuk menyembunyikan sesuatu tetapi saya berharap agar pihak media lebih banyak menyiarkan berita tentang PLKN secara keseluruhan.

Di sini, saya tidak pula bermaksud agar dibesarkan berita-berita yang menggembirakan. Maksud saya ialah agar disiarkan berita-berita PLKN dengan seimbang dan tidak hanya menyiarkan berita yang sensasi sahaja. Saya yakin dan percaya, kerajaan sedang mengkaji serta menilai PLKN. Saya juga yakin dan percaya yang pada tahun akan datang dan tahun-tahun seterusnya, ia akan dapat dijalankan dengan lebih licin lagi.

Untuk menjadi sifar masalah adalah satu masalah. Memandangkan program ini adalah amat besar operasinya. Dalam hal ini, saya berpendapat bahawa PLKN amat penting. Ianya adalah program yang terakhir yang dilalui oleh remaja Malaysia sebelum mereka mencapai usia dewasa. Ia amat penting dari segi pengembangan sosial mereka. Inilah tahap terakhir di mana kita masih mempunyai peluang untuk memperbaiki apa-apa yang kurang dalam proses pengembangan sosial mereka.

Saya sedar bahawa ada pihak yang berhujah, kalau dengan 11 tahun di sekolah pun, mereka masih bermasalah, apakah dengan hanya tiga bulan mengikuti PLKN, maka PLKN akan dapat menyelesaikan semua masalah mereka? Saya tidak mengatakan bahawa tiga bulan atau enam bulan adalah mencukupi. Yang ingin saya katakan ialah adakah kita mempunyai tempoh masa tiga bulan yang lain dalam masa 18 tahun pengembangan sosial mereka itu di mana mereka mengikut satu falsafah, satu sistem, satu pendekatan, satu pakaian, satu jadual dan lain-lain lagi yang semuanya berasaskan satu perancangan sahaja. Cuba renungkan. Jawabnya, tidak ada.

Oleh kerana itu, dengan harapan perancangan dan pelaksanaannya yang akan diperbaiki dan dengan mengambil kira bahawa beberapa masalah kecil mungkin akan berlaku lagi tetapi dengan melihat kepada potensi PLKN yang jauh lebih besar

daripada masalah-masalah tersebut, maka saya ingin menyatakan sokongan saya supaya PLKN diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyentuh lima perkara utama iaitu sistem demokrasi dan kestabilan politik di negara ini, prestasi ekonomi negara ini, isu-isu ekonomi, hubungan antarabangsa, persoalan bangsa Malaysia yang bertamadun, saya yakin jika kita dapat melakukan segala apa yang kita janjikan dalam pilihan raya yang lepas, kita akan menjadi negara dan bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Saya yakin Kerajaan Barisan Nasional mampu melaksanakan apa yang dijanjkannya. Saya yakin Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri berwibawa memimpin kejayaan kita dan saya yakin Dewan yang mulia ini akan menjadi kemudi dan saksi akan kejayaan itu. Atas keyakinan ini, saya mohon mencadangkan. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi kawasan Kelana Jaya. Sila.

**4.00 ptg.**

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera kepada semua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Temerloh, iaitu Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kesebelas di Dewan ini.

Selepas angkat sumpah, ini adalah julung-julung kali saya berdiri di Dewan yang mulia ini, saya mohon Tuan Yang di-Pertua,

*Buah cempedak di luar pagar;*

*Ambil galah tolong jolokkan;*

*Saya anggota baru belajar;*

*Jika salah dan silap, sudilah diperbetulkan.*

Tuan Yang di-Pertua, dalam Pilihan Raya Umum Kesebelas yang telah diadakan pada bulan Mac tahun ini, majoriti yang diperolehi oleh parti Barisan Nasional jelas menunjukkan bahawa rakyat jelata bersetuju dengan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri. Sifat kepimpinan beliau yang sederhana tetapi tegas telah banyak membawa pembaharuan, walaupun hanya memegang jawatan sebagai Perdana Menteri dalam tempoh kurang daripada satu tahun.

Beberapa pendekatan yang beliau ambil, misalnya, mengisytiharkan perang terhadap masalah rasuah menerusi penstrukturan semula operasi kerja dan peningkatan mutu sistem penyampaian perkhidmatan awam, telah mendapat sokongan padu daripada rakyat jelata. Selepas mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kelima, beliau telah mengarahkan Ketua Setiausaha Negara menstruktur semula fungsi pejabat dan pegawai daerah serta pihak berkuasa tempatan (PBT), memastikan setiap kementerian menubuhkan pasukan petugas khas bagi menangani kerenah birokrasi yang dikenal pasti sebagai salah satu punca amalan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran kerajaan perlu memperkenalkan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cekap agar masalah rasuah dapat dibendung. Sasaran Malaysia adalah untuk mencapai rasuah sifar. Walaupun sangat sukar, kita boleh mengurangkan insiden rasuah sebanyak mungkin. Dengan adanya tekad dan keazaman yang konsisten, menjadikan sektor awam bebas daripada kerenah birokrasi, dengan mengamalkan cara kerja yang bersih, cekap serta amanah.

Perhatian lebih serius harus diberikan terhadap meningkatkan mutu perkhidmatan kaunter bagi memastikan rakyat sentiasa mendapat perkhidmatan yang lebih cepat lagi berkualiti. Pejabat-pejabat yang mempunyai kaunter yang berhadapan dengan orang ramai, harus bekerja mengikut prosedur dan mengkaji semula proses kerja bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan kepada masyarakat lebih optimum. Begitu juga budaya masyarakat Malaysia perlu dibaiki, dengan erti kata, masyarakat harus mempunyai sikap benci dan menolak sebarang kelakuan menyuaip dan menerima rasuah.



Sehubungan dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini, menyeru Dewan ini mengalu-alukan pelancaran Pelan Integriti Negara atau Pelan Integriti Nasional (PIN) dan penubuhan Institusi Integriti Malaysia baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sesungguhnya inilah hasrat rakyat yang memang dinanti-nantikan sekian lama. Antara tujuan PIN sebagai dasar payung untuk memantapkan integriti negara ialah menggubal strategi, memelihara hala tuju kepada semua lapisan dan golongan masyarakat supaya mereka dapat bekerjasama dan terlibat secara langsung dalam usaha memantapkan nilai etika dan integriti, demi membentuk sebuah masyarakat yang teguh ciri-ciri moralnya dan etikanya, dengan para warganegaranya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh serta ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.

PIN juga bertujuan menangani masalah rasuah yang berleluasa dalam masyarakat kita terutamanya dalam sektor awam. Tahniah dan syabas kepada Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi kerana berani mengemukakan masalah ini dan berusaha membendunginya. Ini bukan perbuatan membuka pekong di dada sendiri, tetapi merupakan usaha untuk memajukan diri dan negara. Adanya nakhoda sedemikian, barulah kapalnya selamat dinaiki dan pelayarannya wajar diikuti.

Institut Integriti Malaysia akan menjalankan kajian berkala mengenai persepsi umum terhadap rasuah setiap dua tahun. Ini usaha yang baik, tetapi selain kajian pasif sedemikian, IIM boleh memainkan peranan lebih aktif untuk meresap ke dalam jabatan-jabatan dan badan-badan kerajaan sebagai penggerak minda kepada mereka. Dengan berbuat demikian, nescaya hasil kajian selepas dua tahun kemudian yang akan menunjukkan ....

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pulau bangun.

**Tuan Loh Seng Kok:** .... yang akan menunjukkan maklum balas yang lebih positif. Okey.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan ucapan daripada Yang Berhormat bagi Kelana Jaya tadi, mengenai reformasi yang dibuat dalam kerajaan sekarang. Tetapi ada dua perkara yang saya hendak tanya pandangan beliau iaitu mengenai peremajaan semula dalam kerajaan, iaitu dari segi struktur kerajaan, iaitu Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) dan juga bukan Pegawai Tadbir Diplomatik.

Sistem ini ada kelemahan kerana ramai daripada profesional-profesional yang bukan datang daripada Pegawai Tadbir Diplomatik tidak mendapat layanan yang sama ataupun kemudahan yang sama dengan pegawai-pegawai Pegawai Tadbir Diplomatik. Jadi, adakah Yang Berhormat bagi Kelana Jaya boleh bersetuju dengan cadangan saya iaitu kerajaan dapat menubuhkan satu suruhanjaya untuk mengkaji semula struktur pentadbiran kerajaan ini, dari segi Pegawai Tadbir Diplomatik dan Pegawai Tadbir bukan Diplomatik untuk meningkatkan lagi taraf profesionalisme dalam kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Loh Seng Kok:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pulau. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Pulau supaya satu kajian dibuat untuk memastikan adanya keseimbangan, persamaan di antara pemberian manfaat dan ganjaran kepada pegawai-pegawai sedemikian untuk menubuhkan satu suruhanjaya. Saya rasa satu jawatankuasa khas sudah memadai buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya untuk mewujudkan sebuah masyarakat ....

**Tuan Liow Tiong Lai:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bentong.

**Tuan Loh Seng Kok:** Okey. Yang Berhormat bagi Bentong, silakan.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Saya juga amat tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat bahawa sistem penyampaian kerajaan kita boleh lagi dipertingkatkan, boleh lagi diperbaiki agar dasar-

dasar kerajaan yang digariskan oleh Kabinet dan juga kerajaan dan kementerian dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Pulau tadi bahawa banyak lagi kelemahan dalam perkhidmatan awam boleh kita sama-sama tingkatkan.

Saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, kita telah tahu bahawa kerajaan telah bersungguh-sungguh untuk meningkatkan bilangan kakitangan awam daripada kaum bukan bumiputera untuk memastikan bahawa kaum bumiputera dan bukan bumiputera dalam perkhidmatan awam dapat diseimbangkan dan dapat sama-sama kita berkhidmat untuk meningkatkan sistem penyampaian kita ini.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita cadangkan kepada kerajaan supaya langkah-langkah yang drastik perlu diambil untuk meningkatkan bilangan kakitangan awam dari kaum Cina dan kaum India dan kaum-kaum bumiputera yang lain agar bilangan ini dapat kita terus memberi latihan yang secukupnya dan memberi amanat agar mereka dapat menjalankan perkhidmatan awam yang lebih berkesan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Loh Seng Kok:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bentong. Tuan Yang di-Pertua, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Bentong amatlah diterima baik. Sememangnya di dalam sektor perkhidmatan awam, semua kakitangan dan pegawai haruslah mencerminkan komposisi rakyat negara kita, di mana kita mencerminkan kita adalah sebuah kerajaan yang berbilang kaum di mana adanya interaksi bukan hanya di kalangan rakyat sahaja, bukan hanya interaksi orang-orang politik tetapi di dalam sektor perkhidmatan awam juga perlunya ada interaksi di antara kaum, khususnya pegawai-pegawai yang berkhidmat di dalam agensi-agensi kerajaan supaya kita menunjukkan kepada orang luar supaya mereka melawat ke kementerian atau jabatan-jabatan tertentu dan menampakkan bahawa perkhidmatan awam memang mencerminkan masyarakat majmuk di Malaysia ini.

Saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat bagi Bentong, dengan itu bukan hanya daripada sektor perkhidmatan awam sahaja. Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya usaha untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang beretika dan integriti perlu penglibatan daripada semua pihak dan peringkat, daripada yang teratas sampai ke akar umbi. Pembabituan semua peringkat adalah dikehendaki dengan melihat kepada perkara biasa dalam tabiat harian kita, misalnya mematuhi lampu isyarat, tidak melompat giliran, tidak meludah sewenang-wenangnya, tidak merosakkan harta benda dan sebagainya. Kebiasaan atau tabiat yang sedemikian dapat dilakukan oleh sesiapa sahaja jika ada kemahuan.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** *[Memberitahu pembesar suara tidak berfungsi]*

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya agak tinggi sedikit, terima kasih. Kita patut menimba ilmu daripada falsafah *Confucianism* seperti kata-kata seorang tokohnya Mencius bahawa jika tidak melakukan perbuatan murni sedemikian bukan kerana tidak terdaya tetapi adalah tiada kemahuan. Negara kita sedang mengorak langkah menuju ke arah negara maju, tetapi kemajuan yang kita impikan bukannya sekadar mercu tanda seperti menara berkembar. Kita turut inginkan kemajuan rohaniah, kita ada banyak rancangan dan projek fizikal yang boleh mampu membangunkan negara tetapi kurang projek-projek kerohanian dan 'PIN' muncul kena pada masanya. Dengan pelancaran PIN diharapkan keseimbangan pembangunan fizikal dan kerohanian di negara kita akan dilaksanakan mulai sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa kerajaan mesti merapatkan hubungan antara kaum di kalangan belia-belia dan terus mengekalkan semangat muhibah dan saling menghormati antara kaum yang merupakan asas keharmonian dan kemajuan yang dinikmati selama ini. Golongan belia merupakan golongan teristimewa justeru merekalah yang bakal mewarisi segala harta kekayaan dan khazanah yang terdapat di negara ini.

Mereka jugalah golongan yang akan mengambil alih pucuk pimpinan dan kedudukan generasi tua, yang mana mereka akan dipertanggungjawabkan untuk memastikan adanya kesinambungan pembangunan negara dan bangsa, maka teras pembangunan belia masa kini hendaklah melahirkan belia Malaysia yang berdisiplin, bersatu padu, bersikap positif, bersemangat wajar, berkeyakinan diri, setia kepada negara demi mewujudkan satu bangsa Malaysia yang senada, sehati, sejiwa, di

samping mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang perlu bagi membolehkan mereka menghadapi cabaran dan dapat menyesuaikan diri dengan olakan zaman dan arus pembangunan yang pesat.

Menyedari hakikat ini maka usaha pembentukan belia Malaysia yang jitu dan berkualiti ini mestilah dimantapkan, diselaraskan dan diselenggarakan khususnya di antara Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, badan-badan bukan kerajaan - NGO dan juga Kementerian Pertahanan yang telah diberi mandat baru-baru ini untuk melaksanakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Saya hendak menyebut PLKN di sini kerana kita hendak menitikberatkan tentang latihan kerana Program Latihan Khidmat Negara ini adalah untuk latihan, bukan hanya Program Khidmat Negara sahaja. Ini hanya memberikan latihan sahaja kepada pelatih-pelatih.

Menyentuh tentang PLKN Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pelatih-pelatih siri (1) yang telah berjaya menjalani program ini bermula pada 16 Februari 2004.

Untuk melatih pelatih-pelatih siri (2) dan (3) yang masih mengikuti latihan, selamat berjuang, syabas kepada Kementerian Pertahanan, Majlis Latihan Khidmat Negara, Jabatan Latihan Khidmat Negara, IPTA, para tenaga pengajar, jurulatih dan semua pihak yang terlibat di atas kesungguhan dan kerajinan bagi memastikan PLKN dapat berjalan dengan lancar dan menepati matlamatnya.

Seperti yang diketahui umum PLKN mempunyai objektif-objektif....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh dekat dengan *mike*.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Saya minta maaf saya terpaksa mengganggu sebentar kerana kita nampak Dewan baru sahaja diberikan peruntukan untuk membaik pulih, tetapi kita nampak dia punya sistem banyak orang tidak dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat masih belum mendapatkan kebenaran.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Jadi, minta diperbaiki, kerana kita duduk di sini mengantuk kalau tidak diperbaiki.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat belum mendapatkan kebenaran tidak boleh berucap, setelah diberikan kebenaran baru boleh berucap. Jadi, saya faham apa maksud Yang Berhormat. Saya telah minta Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, kalau boleh dekatkan.

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya meneruskan. Seperti yang diketahui umum, PLKN mempunyai objektif-objektif murni yang tidak perlu saya huraikan satu persatu. Walau bagaimanapun, beberapa kejadian yang tidak diingini berlaku dalam pelaksanaan PLKN, seperti kelemahan logistik, insiden-insiden negatif, kes-kes jenayah dan kesalahan yang mana bukan sahaja pelatih tetapi jurulatih, staff dan pegawai juga turut terlibat seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Temerloh tadi.

Sesungguhnya kejadian-kejadian negatif tersebut telah mencemarkan objektif-objektif murni PLKN dan menimbulkan kesulitan serta mengaibkan kerajaan dalam usaha untuk membina sebuah generasi muda yang patriotik.

**Ir Dr. Wee Ka Siong:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Tuan Loh Seng Kok:** Biar saya habiskan dahulu. .... membina sebuah generasi muda yang lebih patriotik, lebih berdisiplin, bersatu padu, mempunyai jati diri dan semangat waja untuk mendukung wawasan negara. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Ir Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Saya memang tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi bahawa generasi muda sekarang seharusnya dipupuk semangat perpaduan dan perpaduan antara kaum itu memang penting. Yang Berhormat juga mengatakan bahawa beberapa kementerian

kena bekerjasama dan Program Latihan Khidmat Negara ini adalah ke arah untuk menyatupadukan generasi muda. Tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa keadaan sekarang pun kita dapati bahawa berlakunya polarisasi kaum, walaupun dalam bilangan yang tidak banyak dan perkara ini harus ditangani khususnya di kampus ataupun di sekolah, bak kata pepatah Melayu “nila setitik rosak susu sebelanga”. Jadi mungkin perkara itu adalah kecil tetapi apabila disiarkan dalam liputan media ia akan menjadi satu perkara yang serius. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

**Tuan Loh Seng Kok:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam adalah kena pada tempatnya. Walau bagaimanapun, kita rasa dan kita telah mendapati bahawa kerajaan memang berusaha untuk mengatasi masalah polarisasi ini dan salah satu caranya ialah dengan terlancarnya Program Latihan Khidmat Negara ini. Saya akan pergi lebih mendalam tentang masalah ini. Saya teruskan. Tuan Yang di-Pertua, kejadian-kejadian negatif itu yang saya bangkitkan tadi telah membuka ruang kepada pihak-pihak tertentu, mengambil kesempatan menanggung di air keruh lantas mengkritik kerajaan agar segera mengambil sikap seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam “sebab nila setitik rosak susu sebelanga” serta mahu PLKN dibatalkan.

**Tuan Ismail bin Abd. Mutalib:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Maran bangun.

**Tuan Loh Seng Kok:** Biar saya habiskan dahulu, ya. Cadangan membatalkan PLKN timbul daripada persepsi yang sempit dan merupakan pendekatan ibarat “mencurahkan air di daun keladi”, yang tidak mendatangkan sebarang kesan dan faedah. Kita sepatutnya mengambil langkah yang lebih praktikal dan pragmatik, mengambil kira dan mempertimbangkan manfaat jangka panjang dan kelebihan-kelebihan PLKN. Ya, silakan.

**Tuan Ismail bin Abd. Mutalib:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, terima kasih. Saya baru-baru ini berjumpa dengan beberapa orang pelatih dan petugas-petugas PLKN ini dan mereka mengatakan bahawa kalau melihat kepada insiden-insiden yang berlaku sekarang di mana adalah disebabkan oleh sebahagian besar pelatih-pelatih kita ialah anak-anak muda yang umurnya sedang panas dan dari segi psikologi seksnya agak tinggi, maka ini menyebabkan kes-kes yang melibatkan lelaki dan wanita mudah berlaku. Jadi, apakah Yang Berhormat bagi Kelana Jaya bersetuju dengan saya, kalau boleh kita cadangkan supaya pelatih-pelatih wanita dan lelaki ini diasingkan ataupun diadakan di satu kawasan yang berasingan pada waktu malam atau sebagainya dan semasa program dijalankan barulah mereka ini bolehlah di sekalikan. Terima kasih.

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya teruskan, saya minta izin supaya saya dapat menukar tempat duduk ke tempat Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh, boleh, cuba, dibenarkan Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** Terima kasih.... *[Yang Berhormat bagi Kelana Jaya beralih ke tempat duduk Yang Berhormat bagi Petra Jaya]*. Tuan Yang di-Pertua, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Maran saya ambil perhatian, dan saya masuk ke tajuk langkah-langkah dan cadangan untuk memperbetulkan Program Latihan Khidmat Negara ini kerana Tuan Yang di-Pertua ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, minta maaf ya. Masih tidak dapat dengar lagi. Boleh cuba yang di belakang itu, boleh cuba ya?

**Tuan Loh Seng Kok:** *[Berpindah ke tempat duduk di belakang]* Tuan Yang di-Pertua, boleh dengar?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** *[Menganggukkan kepala]*

**Tuan Loh Seng Kok:** Boleh? *Better?* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya.

**Tuan Loh Seng Kok:** Inilah Dewan yang canggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat tinggi sangatlah.... [Ketawa]

**Tuan Loh Seng Kok:** Rendah sedikit, okey. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Naziran PLKN, saya telah pun turun padang dan telah menerima aduan-aduan serta cadangan-cadangan daripada pelbagai pihak termasuklah badan-badan NGO. Maka saya mengambil kesempatan ini mengemukakan cadangan berikut untuk dipertimbangkan, termasuklah apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Maran, iaitu;

- (i) mengasingkan pelatih mengikut jantina;
- (ii) mengadakan kem latihan dengan pengubahsuaian modul untuk pelatih yang tercicir dari sistem persekolahan menengah;
- (iii) tenaga pengajar berkualiti dan berkecukupan dipilih melalui sistem saringan yang lebih terperinci;
- (iv) menentukan kuantiti tenaga pengajar mencukupi sebelum pelaksanaan program;
- (v) mengadakan rujukan bidang tugas, dengan izin, *terms of reference*, yang jelas untuk setiap lapisan pegawai dan petugas, termasuklah komandan kem di IPTA....

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** [Bangun]

**Tuan Loh Seng Kok:** Yang Berhormat bagi Tuaran, biar saya habiskan cadangan dahulu, ya.

- (vi) memperkenalkan rujukan kelakuan, dengan izin, *code of conduct*, yang tegas untuk pelatih, tenaga pengajar dan lain-lain pegawai;
- (vii) mempelbagaikan kaedah latihan bagi Modul Kenegaraan dan Modul Pembinaan Karakter di IPTA;
- (viii) pengambilan jumlah pelatih mestilah berasaskan premis yang sedia ada, mampu menampung semua pelatih bahawa pelatih akan memulakan latihan dengan Modul Latihan Fizikal di kem-kem latihan bukannya modul-modul lain di IPTA;
- (ix) mengkaji semula modus-operandi keseluruhannya yang melibatkan pengurusan logistik, pengangkutan, pembekalan barangan dan makanan, penyediaan kem dan prasarana kemudahan keselamatan dan kawalan; dan
- (x) sebagai strategi penerangan, PLKN yang pertama dijalankan ini didokumentasikan dalam bentuk VCD dan cetakan berbagai-bagai bahasa dan diedarkan kepada orang ramai, organisasi-organisasi, semua institusi pendidikan, baik awam atau swasta dan sebagainya.

Cadangan-cadangan ini diharap mendapat pertimbangan sewajarnya supaya pelaksanaan PLKN akan datang lebih teratur dan licin. Sila Yang Berhormat bagi Tuaran.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Sebentar tadi Yang Berhormat mencadangkan untuk mengasingkan yang tercicir sebagai satu langkah dalam penyertaan Program Latihan Khidmat Negara ini. Persoalan di sini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, bagaimanakah kita mengenal pasti siapa yang tercicir ini dalam konteks di mana sekarang keputusan peperiksaan SPM adalah terbuka – tidak ada lagi Gred Satu, Gred Dua, Gred Tiga dan sebagainya.

Di negeri Sabah, kita sebenarnya menghadapi masalah mengenal pasti siapa sebenarnya yang tercicir. Adakah tercicir dari segi memasuki institusi pengajian tinggi ataupun tercicir dari melanjutkan pelajaran? Dan kalau kita mengambil dua kriteria ini, bagaimanakah kita hendak mengenal pasti yang tercicir ini? Mohon penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, mengasingkan, saya tidak mengatakan “mengasingkan yang tercicir”. Cuma mengadakan kem latihan dengan pengurusan modul kepada pelatih yang tercicir dari sistem persekolahan menengah kerana di dalam kem latihan ataupun Program Latihan Khidmat Negara ini, kita dapati bahawa ada di antaranya tercicir dari sekolah menengah mulai Tingkatan Satu. Kebanyakannya habis sekolah rendah sahaja dan untuk membezakan mereka yang tercicir dari persekolahan menengah, saya rasa Jabatan Latihan Khidmat Negara ataupun Majlis Latihan Khidmat Negara perlu bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara bersama-sama dengan Kementerian Pelajaran supaya golongan-golongan ini dikenal pasti. Cuma saya cadangkan bahawa kita tidak mahu meminggirkan mereka yang tercicir dari sistem persekolahan menengah dari menerima latihan Program Latihan Khidmat Negara ini....

**Dato' Abdul Halim bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang berkaitan dengan PLKN ialah, dan ini pernah disebut oleh Yang Berhormat bagi Temerloh, saya rasa kita harus berterima kasih ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa bangun.

**Tuan Loh Seng Kok:** Ya, ya.

**Dato' Abdul Halim bin Abdul Rahman:** Hujah-hujah yang dibuat, yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya itu sangat bernas. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa saranan-saranan daripada nombor satu sampai sepuluh itu dalam membuat persiapan Program Latihan Khidmat Negara ini tidak diambil kira oleh kerajaan, dan apakah persiapan-persiapan itu tidak *matured*? Adakah Yang Berhormat bersetuju begitu?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Ikhsan:** *[Bangun] [Menyampuk]*

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua ...., sekejap ya. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa, saya rasa inilah cadangan-cadangan yang kita terima untuk pertimbangan dan kajian pihak Jabatan Latihan Khidmat Negara dan Majlis Latihan Khidmat Negara supaya pada Program Latihan Khidmat Negara yang akan datang akan lebih teratur dan licin.

Sila Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Ikhsan:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, terima kasih. Saya rasa kita sewajarnya menyokong Program Latihan Khidmat Negara ini sebab beberapa kajian telah dibuat sejak beberapa tahun bahawa perkara negatif yang berlaku kepada belia-belia kita khususnya selepas SPM itu adalah kerana pada ketika mereka menunggu keputusan peperiksaan, berbagai-bagai perkara negatif sebenarnya telah berlaku dan dilakukan di mana mereka ini telah terdedah kepada perkara itu. Walaupun PLKN ini didapati ada perkara-perkara negatif yang berlaku tetapi sebenarnya dari segi peratusannya, Tuan Yang di-Pertua, ia adalah amat spesifik. Jadi, saya rasa dalam konteks PLKN ini, kalau ada cadangan-cadangan yang baik, ia boleh dikemukakan kepada pihak kerajaan dan insya-Allah, ia akan dilaksanakan kerana kebajikannya. Tetapi, saya sebenarnya ingin mengambil perhatian ialah lebih kepada belia-belia yang ada berdekatan dengan kita, di mana mereka itu untuk beberapa tahun, kalau belia di kampung, mereka ini hampir tidak terlibat dalam apa juga aktiviti.

Jadi, oleh kerana itulah, dalam konteks ini, mungkin dari segi PLKN ini pada masa-masa akan datang, belia-belia yang ada di kawasan kita, di kampung-kampung kita yang kita kenal pasti, boleh dicadangkan untuk masuk dalam program yang baik ini. Selain daripada itu, kita juga menyeru pihak kerajaan, khususnya melalui Kementerian Belia dan Sukan, kita dapati sebenarnya belia-belia kita ini yang ada di kampung sebenarnya, dia dahagakan tiga perkara saya lihat di situ. Ini sangat penting Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, yang boleh disampaikan, yang

boleh dikaitkan. Yang pertama ialah, biasanya di sekolah, mereka ini terlibat dalam pelbagai aktiviti kokurikulum, iaitu permainannya dengan pementasan keseniannya dan juga unit beruniform.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Yusof bin Yacob)  
**mempengerusikan Mesyuarat]**

Tetapi, apabila mereka keluar dari sekolah, aktiviti ini hampir tidak ada ataupun sangat berkurangan. Malah, pihak Jabatan Belia dan Sukan sendiri sebenarnya tidak mengadakan program-program ini secara konsisten.

Yang keduanya, kalau kita lihat dari segi kursus-kursus yang diadakan, sangat sedikit kursus dalam konteks peningkatan ilmu dan kemahiran. Oleh kerana itu, ini harus diperbanyakkan.

Yang ketiganya, ini saya rasa adalah sangat-sangat penting. Belia kita sebenarnya hilang identiti apabila dia tidak ada kerja ataupun kerjayanya. Oleh kerana itu, peluang untuk generasi muda kita ini seharusnya diberikan perhatian dalam konteks ini. Terima kasih.

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas cadangan dan pandangan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Seperti mana yang telah saya sebut tadi, tentang belia-belia kampung ini, salah satu cadangan kita kepada PLKN ialah untuk memastikan premis yang sedia ada mampu menampung semua pelatih yang dipilih. Bagi mereka yang tidak terpilih, kerana premis yang sedia ada itu tidak cukup, saya rasa inilah tugas pihak kerajaan dan jabatan yang melaksanakan program ini supaya memastikan premis-premis yang sedia ada itu cukup untuk menampung semua pelatih, termasuk mereka yang tidak terpilih kerana yang dipilih hanya lebih kurang 85,000 sahaja di kalangan 400,000 belia yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Saya rasa, kita harus berterima kasih kepada kebebasan akhbar yang sedia ada. Memang benar, PLKN yang julung kali ini mempunyai nilai berita atau *news worthiness*, dengan izin, yang sungguh tinggi. Namun, seolah-olah kita terbaca lebih banyak berita buruk sungguhpun berita positif yang disiarkan juga tidak kurang daripadanya. Walau bagaimanapun, saya percaya pihak media massa berniat baik dan ingin turut memainkan peranan yang aktif supaya program ini lebih mantap dan disegani pada masa hadapan. Segala kritikan yang konstruktif harus diteliti. Apa yang baik biarlah dikekalkan dan apa yang kurang, eloklah diperbetulkan. Liputan akhbar mengenai penyalahgunaan dadah, gangsterisme, pergaduhan, gangguan seksual dan sebagainya memang mengimbangkan situasi sebenar pemuda-pemudi zaman ini. Dengan ini, PLKN sememangnya harus diteruskan untuk membetulkan akhlak dan sahsiah golongan muda-mudi kita.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** [Bangun]

**Tuan Loh Seng Kok:** Ya, saya bagi.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Okey, Yang Berhormat Cameron Highlands, silakan.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Isu Program Khidmat Negara. Soalan saya ialah, sejauh manakah tahap integrasi belia yang sebenarnya berlaku melalui program tiga bulan itu. Soalan lagi satu ialah, apakah ukuran dan kepakaran mengkaji mutu dan tahap integrasi yang berlaku kepada peserta. Selepas itu, saya bagi asas soalan saya ....

**Beberapa Ahli:** [Mengganggu]

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Sekejap, ya. Kepakaran mengkaji mutu dan integrasi, program-program yang dilakukan antara pelbagai kaum. Asas soalan atau permintaan pandangan. Di Amerika....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat minta penjelasan.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Penjelasan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Di Amerika Syarikat, sistem ini telah

dilakukan pada tahun 60-an dan 70-an melalui *basing system* untuk menyatupadukan golongan kulit hitam dan kulit putih. Mereka menggunakan kaedah seperti mana yang telah diamalkan dalam PLKN. Tetapi, mereka dapati program itu telah gagal dan menamatkan lagi keadaan. Ini kerana mereka mendapati berlaku *physical cohesion* tetapi tidak berlaku *emotional cohesion*, dengan izin, kerana mereka datang daripada *setting*, dengan izin, dan budaya yang tadi berbeza.

Oleh kerana itu, setujukah pandangan saya ini, bahawa kajian mendalam dan melalui pendekatan sokongan moral di PLKN perlu diadakan? Perlukah dicadangkan kepada kerajaan supaya PLKN itu dibahagikan kepada tiga tahap, di mana pelajar itu dapat disatukan selepas cuti semester satu, cuti semester dua dan kemudian dikemuncakkan pada tiga bulan itu dan untuk menghubungkaitkan golongan ini, diadakan satu portal ICT yang dimayakan, supaya hubungan silaturahim boleh dilakukan, walaupun geografinya jauh dan jurulatih itu menjadi penaungan proses integrasi tadi. Terima kasih.

**Tuan Loh Seng Kok:** Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Dasar itu ditujukan kepada Menteri Pertahanan.

**Beberapa Ahli:** Ya! [*Dewan gamat seketika*]

**Tuan Loh Seng Kok:** Terima kasih. Memang benar ada sedikit gopoh, Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan PLKN seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berbahagia Datin Sri Endon sendiri dalam masa yang agak singkat. Namun, setelah menerima iktibar dari tiga siri pengambilan yang terkandung dalam kelompok pertama, saya percaya Majlis Latihan Khidmat Negara dan Jabatan Latihan Khidmat Negara, sudah bersedia untuk menjalankan tugas dengan lebih baik pada masa hadapan.

Kita juga harus ingat, agar jangan mudah patah semangat, berputus asa disebabkan beberapa insiden yang tidak dijangkakan. Janganlah "*kerana marahkan nyamuk seekor, kelambu dibakar*". Selepas langkah-langkah diambil untuk memperbetulkan dan memperbaiki kurikulum, metodologi dan *modus operandi* program, PLKN boleh diteruskan dengan prinsip-prinsip murninya yang asal, demi masa hadapan negara kita yang tercinta.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Labuan bangun.

**Tuan Loh Seng Kok:** Labuan. Okey, beri laluan sedikit.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Terlebih dahulu, tahniahlah kawan saya. [*Ketawa*] Bercakap soal Pusat Latihan Khidmat Negara, saya rasa kita bersetuju objektif dia ialah untuk melahirkan remaja yang berwawasan. Saya ada beberapa pertanyaan. Yang pertama, tentang tempoh tiga bulan latihan tersebut. Sejauh manakah kerajaan yakin tempoh selama tiga bulan itu benar-benar boleh membentuk remaja yang memenuhi objektif seperti yang diingini oleh Majlis Khidmat Negara?

Yang kedua, seperti mana Yang Berhormat katakan tadi, kita harus sabar dan menerima hakikat tentang insiden-insiden yang berlaku. Tetapi, bagaimanakah Yang Berhormat meletakkan diri Yang Berhormat, jika sekiranya anak Yang Berhormat, yang berumur 29 tahun, dirogol oleh salah seorang jurulatih? Jadi, saya berpendapat, apakah Yang Berhormat bersetuju untuk mengelakkan kejadian-kejadian di masa hadapan, kerana kerajaan membelanjakan RM500 juta untuk tiga bulan melatih remaja, bukan jumlah yang sedikit kalau dibandingkan kepada PPRT, 25 tahun Barisan Nasional memerintah.

Jadi, saya meminta pandangan, apakah Yang Berhormat bersetuju, jika sekiranya kerajaan memisahkan kem latihan remaja ini, yang lelaki, lelakinya; yang perempuan, perempuannya. Saya yakin, dengan berbuat demikian, kes rogol, *sexual harassment* tidak akan berlaku. Terima kasih.

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Labuan, seperti mana yang telah pun saya terangkan tadi dalam cadangan yang pertama iaitu mengasingkan pelatih mengikut jantina. Inilah salah satu sebab, supaya mengelakkan lebih banyak gangguan seksual berlaku.



Tuan Yang di-Pertua, saya tahu bahawa Program Latihan Khidmat Negara ini tidak lengkap sangat. Dengan itu selain Program Latihan Khidmat Negara bagi remaja untuk memantapkan lagi usaha kerajaan ke arah menyatupadukan masyarakat terutama di kalangan generasi muda, maka Program Integrasi Pelajar yang melibatkan murid-murid dari berbilang kaum yang datang dari ketiga-tiga jenis sekolah rendah iaitu sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, khusus hendaklah diubahsuai dan dilaksanakan semula sebagai pelengkap dengan izin, *complementary* ataupun *supplementary* sebagai pelengkap kepada PLKN. Program ini diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada tahun 1986, sewaktu beliau menjadi Menteri Pelajaran. Ibarat kata pepatah '*Melentur buluh biarlah dari rebungnya*'.

Sekolah memang tempat yang paling sesuai untuk menyemaikan benih-benih perpaduan, di bawah Program Integrasi Pelajar murid-murid berbagai keturunan dari sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil terutamanya sekolah-sekolah yang berhampiran boleh bergaul rapat, bermesra dan berinteraksi melalui kegiatan-kegiatan khas ko-kurikulum yang terancang. Demikianlah jika peluang bergaul dapat disediakan dengan baik dan dilaksanakan secara sedar serta bertanggungjawab, proses integrasi murid-murid pelbagai kaum dari ketiga-tiga jenis sekolah itu dapat dipupuk dan dibina lebih awal sebelum mereka menjejakkan kaki ke sekolah-sekolah menengah dan seterusnya ke kolej dan universiti.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membangkitkan isu kemiskinan di bandar. Selama ini kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar yang efektif bagi membasmi masalah kemiskinan di Malaysia. Dasar Ekonomi Baru (DEB) ini yang dilaksanakan adalah pada tahun 1970 hingga 1990.

**Tuan Razali bin Ismail:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Kuala Terengganu bangun.

**Tuan Loh Seng Kok:** Mengimbas kembali....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kuala Terengganu Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** Sekejap lagi, saya habiskan yang ini dahulu. Mengimbas kembali keberkesanan Dasar Ekonomi Baru pada hari ini memang tidak dipertikaikan bahawa DEB telah memberi sumbangan yang besar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi lagi Yang Berhormat, duduk.

**Tuan Loh Seng Kok:** Dalam merapatkan jurang pendapatan antara kaum dan mengurangkan kadar kemiskinan negara. Menurut perangkaan, kadar kemiskinan nasional telah menurun dengan drastik daripada 49% pada tahun 1970 kepada hanya 5.1% sahaja pada tahun 2002. Walau bagaimanapun, dalam era pempandaran dengan izin, *urbanization* dan globalisasi yang pesat ini kemiskinan bukan lagi wujud di kawasan luar bandar dan pedalaman sahaja, kemiskinan penduduk bandar adalah fenomena baru yang berkembang. Menurut perangkaan, kadar kemiskinan negara semakin berkurangan tetapi kadar kemiskinan di bandar pula meningkat.

Menurut di negara kita dan sumber laman *web* pada 17 Mei 2004 baru-baru ini oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang kini dikenali sebagai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menunjukkan bahawa bilangan isi rumah miskin keseluruhannya telah menurun daripada 365,600 pada tahun 1995 kepada 351,100 pada tahun 1999. Ini bermaksud bilangan isi rumah miskin keseluruhannya telah menurun sebanyak 3.97%. Demikian juga bilangan isi rumah miskin di luar bandar juga telah menurun daripada 281,800 pada tahun 1995 kepada 264,300 pada tahun 1999. Bermaksud kadar penurunan adalah 6.21%, akan tetapi bilangan isi rumah miskin telah meningkat di kawasan bandar. Daripada 83,800 pada tahun 1995 telah meningkat kepada 86,800 pada tahun 1999 iaitu peningkatan sebanyak 3.58%.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

**Tuan Loh Seng Kok:** Ya, saya izinkan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat berhasrat untuk mencadangkan kepada kerajaan bahawa kita lihat fenomena masyarakat miskin dalam bandar ini begitu berleluasa, jadi tidakkah Yang Berhormat berhasrat mencadangkan kepada kerajaan supaya mengenal pasti masyarakat yang hidup dalam bandar tapi miskin mungkin dipulangkan mereka ini semula ke kampung halaman sebab mungkin di kampung halaman ini banyak tanah terbiar, biar kerajaan memfokuskan kemiskinan ini hanya di kawasan luar bandar, sebab masalah yang kita hadapi apabila ada ramai dalam bandar, maka ekonomi tidak membangun. Majoriti masyarakat dalam bandar ini dikira sebagai masyarakat yang berada, tapi kebimbangan kita pula banyak yang tidak berada tapi ingin tinggal di dalam bandar. Kenal pastilah daripada mana latar belakang mereka dan mungkin disusun semula kehidupan mereka melalui agensi-agensi kerajaan, barulah mungkin penghapusan kemiskinan ini dapat kita laksanakan secara berkesan, apa pendapat Yang Berhormat?

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan bahawa penduduk-penduduk luar bandar turut diberi insentif ataupun tarikan yang lebih elok daripada kerajaan dan dengan itu saya rasa elok juga kerajaan telah membuat rombakan Kabinet oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, di mana program kemiskinan telah dialihkan untuk dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan manakala Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah harus menitikberatkan program-program yang lebih menarik supaya penduduk-penduduk kampung suka dan rela berada di kawasan kampung halaman mereka.

Dengan itu saya ada cadangan-cadangan di bawah yang saya akan bangkitkan sebentar lagi. Tuan Yang di-Pertua, perangkaan di atas menunjukkan bahawa dasar pembasmian kemiskinan kerajaan ada kelemahan dan mengabaikan keadaan kemiskinan di bandar. Jika tanpa campur tangan yang aktif daripada kerajaan pembangunan bandar secara tidak terancang boleh menimbulkan bencana manusia yang dahsyat. Lebih membimbangkan apabila kehidupan terdesak sering dikaitkan dengan pencemaran alam sekitar, gejala sosial, jenayah, keganasan, keciciran dalam kehidupan dan keciciran dalam pendidikan akibat peningkatan kadar kemiskinan di bandar. Untuk membasmi kemiskinan di bandar, langkah pertama ialah menentukan takrif miskin dari masa ke semasa.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tuaran bangun Yang Berhormat ..

**Tuan Loh Seng Kok:** Saya habiskan rangkap pertama dahulu ya. Unit Perancang Ekonomi (EPU) perlu mengkaji semula takrif yang betul-betul sesuai ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bagi dia habiskan dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** .... dengan keadaan sebenar mengikut keadaan di setiap kawasan. Ini kerana taraf kehidupan di bandar besar amat tinggi manakala di luar bandar lebih rendah, maka sudah tentu tahap kemiskinan di kedua-dua kawasan begitu berbeza. Berdasarkan garis panduan EPU pada tahun 2002 golongan miskin merujuk kepada keluarga berpendapatan bulanan di bawah paras RM529 di Semenanjung, RM600 di Sarawak dan RM690 di Sabah. Bagaimana pun pendapatan isi rumah RM529 mungkin hanya boleh dikategorikan sebagai golongan miskin di luar bandar tetapi bukannya di bandar. Di kawasan bandar, jumlah itu mungkin boleh dianggap sebagai kategori kemiskinan tegar. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan oleh EPU perlu membezakan dengan jelas pendapatan isi rumah kawasan bandar dan luar bandar dan mengambil kira bilangan ahli keluarga yang perlu dibiayai. Yang Berhormat Tuaran, sila..

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa masalah kemiskinan di bandar dan di luar bandar ini secara *simplistic* perlu diatasi dengan dua strategi yang dibuat sekarang, pertama, kementerian yang menjaga di bandar iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan satu lagi Kementerian Pembangunan Luar bandar. Seolah-olah masalah ini begitu *simplistic*.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa perkara ini bukan semudah itu dan adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa untuk menangani masalah ini di mana yang dari kampung itu kalau boleh seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan kalau kita boleh hantar dia balik begitu sahaja, *as simple as that* dengan izin, boleh selesai tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita harus dari segi perancangan bandar, mengambil kira bahawa dalam keadaan apa pun, akan adanya orang kampung ini datang ke bandar dan apabila dirancang bandar ini hendaklah ada tempat-tempat untuk mengambil, menampung orang yang dari kampung, dari luar bandar ini.

Macam mana pun apabila bandar itu maju, semakin menarik dan sebagainya, tentu sekali manusia-manusia ini akan datang, tetapi apakah perancang-perancang kita ini mengambil kira keadaan sedemikian rupa dalam merancang bandar kita, dalam merancang apa juga pembangunan-pembangunan di bandar. Boleh jelaskan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Terima kasih.

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Apa yang saya jelaskan tadi ialah bahawa fokus di antara kementerian perlu ada keutamaannya kerana apabila Kementerian Pembangunan Luar Bandar diberi tugas untuk membasmi kemiskinan, fokus hanya kepada kawasan luar bandar tetapi telah mengabaikan kawasan bandar.

Walaupun adanya program di bawah Bahagian Pembasmian Kemiskinan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, tetapi oleh kerana program-program yang telah dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar termasuk program-program yang dijalankan, menunjukkan bahawa mereka hanya fokus kepada kawasan luar bandar. Kita tidak mahu menyingkirkan penduduk-penduduk miskin di kawasan bandar juga. Apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran tadi ialah bahawa kerajaan telah pun mengasingkan tugasnya....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Larut bangun Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** .... di antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah di mana Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah boleh menumpukan perhatian untuk membasmi kemiskinan di luar bandar dan mengadakan program-program yang lebih menarik di bawah Bahagian Pemodenan Desa. Ya, sila.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tadi mengatakan sebagaimana yang diberi pandangan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Untuk kita menyelesaikan masalah kemiskinan di bandar, kita galakkan pulang ke kampung-kampung...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pandang sini, Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tengok sini.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, Yang Berhormat. Tahniah Yang Berhormat. Tahniah.

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tahniah Yang Berhormat. Jadi, kalau kita menggalakkan pulang ke kampung.... [Dewan riuh] sebab Tuan Yang di-Pertua, dia baru jadi saya kena pandang sediki t...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia dengar, dia dengar itu Yang Berhormat. Dia dengar, tengok sini pun dia dengar juga.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Okey. Perasaan.... Tuan Yang di-Pertua.

Kalau digalakkan pulang ke kampung untuk kita kurangkan kemiskinan macam kata, pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi sedangkan di

kampung-kampung pun mendesak supaya dijadikan bandar. Contohnya di Putrajaya, Perang Besar dahulu, untuk dijadikan bandar begitu juga di Kelana Jaya, Sea Port. Sekarang Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga mendesak supaya diperbanyakkan peruntukan untuk dijadikan bandar. Jadi, saya bingung bagaimana ini Yang Berhormat. Sila bagi sedikit penjelasan. Terima kasih.

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Apa yang saya katakan tadi ialah supaya adanya prioriti diberikan tetapi tanpa melupakan kemiskinan di kawasan luar bandar. Dengan itu apa yang saya katakan di sini ialah bahawa adanya kementerian-kementerian tertentu untuk menjaga bidang-bidangnya di mana kemiskinan di luar bandar tidak diabaikan dan pada masa yang sama kemiskinan di bandar tidak diabaikan juga.

Pada hari ini saya hanya hendak menyentuh tentang kemiskinan di bandar. Maklumlah kerana saya datang dari Kelana Jaya, dari kawasan yang maju. Itulah sebab saya hendak tekankan di sini Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak teruskan dengan cadangan.

Tuan Yang di-Pertua, kedua – penekanan dan fokus membasmi kemiskinan di bandar oleh kerajaan harus ditonjolkan agar semua pihak dan setiap lapisan masyarakat sedar serta membantu usaha atau dengan izin, *as an integrated effort* dalam menangani masalah ini.

Lantaran itu, satu agensi pelaksana yang ditugaskan secara khas perlu diwujudkan seperti yang telah diwujudkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah untuk membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar....

**Tuan Chong Chieng Jen:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Bandar Kuching bangun Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** Untuk mengendalikan isu kemiskinan di bandar dan melaksanakan polisi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang diberi mandat untuk menyelia usaha ini.

Ketiga – selama ini ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching bangun, kalau tidak Yang Berhormat minta peraturan, bagi jalan atau tidak?

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya habiskan semua cadangan dahululah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi jalankah tidak? Saya tanya ini.

**Tuan Loh Seng Kok:** Tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalau tidak bagi jalan, katakan tidak bagi jalan.

**Tuan Loh Seng Kok:** Ketiga – selama ini terdapat banyak badan suka rela turut bergiat secara aktif dalam memberi bantuan kepada golongan miskin di bandar. Badan-badan ini selalunya berunsur keagamaan dan kebajikan. Usaha membasmi kemiskinan di bandar adalah satu rangka kerja jangka panjang.

Kerajaan harus mendapatkan kerjasama dan bantuan dari badan suka rela sedemikian. Lantaran itu, kerajaan juga harus memberikan sokongan kewangan dan pengiktirafan supaya badan-badan ini boleh meneruskan usaha baik mereka ini dengan lebih lancar.

Keempat – untuk menyelesaikan masalah kemiskinan di bandar secara berkesan, bantuan di peringkat akar umbi adalah mustahak. Malangnya didapati pekerja komuniti atau pekerja sosial dengan izin, *social or community workers* yang bekerja secara sepenuh masa adalah jauh tidak mencukupi baik dari Jabatan Kebajikan, Jabatan Pendidikan, Jabatan Belia dan Sukan ataupun badan-badan NGO.

Oleh itu, untuk memenuhi kekurangan ini, kerajaan harus menggaji lebih ramai pekerja komuniti untuk memberi fokus dalam aspek kerohanian, kebajikan, kaunseling

dan bimbingan kerjaya kepada penduduk miskin di bandar. Selain itu, kempen-kempen merekrut pekerja komuniti yang sudi bekerja secara sukarela mesti berterusan diadakan supaya sebuah masyarakat penyayang dapat diwujudkan.

Kelima – mendirikan *flat* di tapak asal kawasan rumah setinggan ataupun di kawasan yang berdekatan yang merupakan kawasan tumpuan penduduk miskin di bandar. Hampir semua penduduk rumah setinggan enggan berpindah ke kawasan perumahan kos rendah yang jauh daripada bandar atau kediaman asal mereka kerana kawasan baru itu jauh, tidak ada *social amenity* yang berhampiran, kurang peluang kerja, pengangkutan awam yang serba kekurangan dan sebagainya.

Keenam – pendidikan merupakan antara aspek paling penting untuk meningkatkan kedudukan atau mobiliti sosial penduduk miskin di bandar. Namun oleh kerana anak-anak keluarga miskin ini tidak mendapat perhatian yang mencukupi, maka kadar keciciran mereka dari sekolah adalah tinggi sehingga mereka hanya layak dan mampu menjalankan kerja buruh atau industri yang tidak membawa ganjaran upah yang tinggi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** Saya hendak habiskan cadangan-cadangan dahululah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** Belum bagi lagi. Sekejap ya? Untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam pasaran tenaga kerja, maka pihak kerajaan perlu menyediakan beberapa kemudahan ....

**Dato' Haji Suhaili bin Abdul Rahman:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Labuan, dia belum bagi lagi.

**Tuan Loh Seng Kok:** .... termasuk mendirikan dewan aktiviti, pusat sumber dan makmal komputer, mengadakan kelas tuisyen secara percuma kepada murid-murid miskin atau kadang-kadang mengadakan latihan, kursus tambahan kepada penduduk di kawasan berkenaan...

**Dato' Haji Suhaili bin Abdul Rahman:** [*Bangun*]

**Tuan Loh Seng Kok:** Ketujuh – kemudahan asas di rumah setinggan, rumah panjang atau dengan izin, *transit home* adalah buruk dan perlu dipertingkatkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Labuan bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan cadangan dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi Yang Berhormat. Sila duduk.

**Tuan Loh Seng Kok:** Sekejap lagi. Kawasan berkenaan juga selalu mengalami banjir kerana masalah perparitan. Tempat rekreasi juga harus disediakan untuk memupuk cara hidup sihat di kalangan keluarga masing-masing ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi Yang Berhormat. Sila duduk dahulu.

**Tuan Loh Seng Kok:** Okey, saya bagi Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Sri Gading.

**Datuk Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Segak Tuan Yang di-Pertua hari ini. Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju apa yang disarankan oleh Yang Berhormat dalam mengatasi kemiskinan di bandar.

Sebenarnya kemiskinan ada di mana-mana. Tetapi apabila Yang Berhormat menceritakan tentang kemiskinan di bandar seperti yang dilaporkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, di bandar ini kawasan kemiskinan yang ketara ialah di kawasan-kawasan setinggan. Setinggan selalunya menjadi mangsa kepada dua keadaan. Selalu apabila hendak mengatasi masalah setinggan berlaku dua perkara. Antaranya, pertama apabila ada kebakaran barulah masalah setinggan itu akan diambil perhatian oleh pihak yang berkuasa hendak menempatkan semula, selepas melalui azab seksa kebakaran, baru pihak berkuasa mengambil tindakan. Atau kerana kawasan setinggan hendak dipergunakan untuk sesuatu pembangunan, barulah masalah setinggan itu diberikan perhatian.

Di sinilah longgokan kemiskinan yang berasal sebenarnya kerana himpitan kehidupan. Hendak menyewa rumah yang lebih baik, kemampuan tidak mencukupi kerana sewa rumah ataupun kos menyewa rumah itu kadangkala memakan separuh daripada pendapatan mereka. Jadi, saya rasa sudah sampai masanya dan saya minta Yang Berhormat untuk memberikan sedikit ulasan. Pendekatan pihak berkuasa tempatan dalam menangani masalah kemiskinan di dalam bandar mestilah menjadi sesuatu yang diberikan keutamaan dan cara-cara yang tertentu harus diambil supaya nasib penduduk-penduduk setinggan ini diberikan perhatian yang lebih. Jangan menunggu ada masalah baru hendak diselesaikan. Di setinggan inilah longgokan masalah sosial – dadahnya, jenayahnya, kecicirannya, penganggurannya dan berbagai-bagai.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, sedap namanya Kelana Jaya, tidak tahu apa maknanya. Kelana ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Mohamad bin Haji Aziz:** Okey. *[Ketawa]*

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih atas cadangan dan pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya bersetuju bahawa pihak berkuasa tempatan harus lebih prihatin dan mantap di dalam menangani masalah kemiskinan di bandar, khususnya apabila sampai peringkat membuat perancangan dan pembangunan bandar (*town planning*) mestilah lebih tersusun dan teratur supaya kelompok miskin itu juga diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Cadangan kelapan ialah kemudahan penjagaan anak juga perlu disediakan di kawasan kediaman penduduk miskin agar memudahkan ibu bapa mereka keluar bekerja. Di kawasan luar bandar dalam bidang perladangan dan estet kemudahan ini sebenarnya disediakan oleh pihak majikan. Namun, bagi kawasan penduduk miskin di bandar kerajaan tempatan seharusnya bertanggungjawab menyediakan kemudahan ini.

Kesembilan, membantu menubuhkan jawatankuasa penduduk di kawasan penduduk miskin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mambong bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** Suara penduduk miskin ini lemah kerana mereka terdiri daripada golongan tiada berpelajaran yang tidak menyedari hak asasi diri. Maka banyak pihak seperti majikan yang tidak bertimbang rasa cuba mengambil peluang menindas dan mengeksploitasi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, dia belum bagi.

**Tuan Loh Seng Kok:** Sekejap lagi, habis. Di kawasan kampung terdapat Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) untuk menjaga kepentingan penduduk setempat.

**Tuan James Dawos Mamit:** *[Bangun]*

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Bangun]*

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada tiga yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** Namun, penduduk miskin di bandar pula mereka kekurangan satu barisan perwakilan ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** ....perwakilan bagi menjaga kebajikan dan menyuarkan masalah mereka secara berkesan.

Kesepuluh, saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan. Kalau tidak saya akan ambil *floor* lebih panjang sampai besok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk Yang Berhormat, dia belum bagi.

**Tuan Loh Seng Kok:** Kesepuluh, salah satu punca utama yang mewujudkan banyak golongan miskin di bandar adalah kerana polisi kerajaan yang membenarkan kemasukan dan penglibatan pekerja asing ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** ....dalam bidang kerja.... seperti pembinaan, perkilangan, perladangan, perkhidmatan dan lain-lain. Peluang kerja dalam bidang ini sudah dimonopoli oleh pekerja asing yang diberi gaji rendah menyebabkan warga negara sendiri yang hidup miskin di bandar tidak dapat mencari kerja yang diinginkan atau menyebabkan kadar gaji dalam bidang kerja ini semakin jatuh. Di samping itu, banyak juga rumah setinggan telah didiami oleh pendatang asing haram lantas mengganggu keamanan setempat.

Untuk mengatasi masalah ini, pendatang haram harus dihantar balik. Bilangan pendatang asing yang sah juga harus dikurangkan. Bagi pendatang asing yang sah, kerajaan mesti menetapkan polisi ketat, mewajibkan pihak majikan menyediakan kediaman untuk mereka. Mereka tidak dibenarkan mendiami kawasan rumah panjang atau rumah setinggan penduduk tempatan.

Kesebelas, dalam menangani masalah kemiskinan di bandar, saya berpendapat kadar inflasi dan taraf hidup di bandar juga perlu diberi kawalan yang baik. Kadar inflasi dan taraf hidup ini hendaklah menurut tahap pembangunan sesebuah negara serta bersepadan dengan kemampuan rakyat. Jika tidak, penduduk bandar akan terus menghadapi masalah kesempitan kewangan walaupun mereka menerima amaun pendapatan yang lebih tinggi. Ini adalah salah satu cara mengawal kos hidup turut meningkat ialah tidak membenarkan, bagi kawasan saya, syarikat konsesi lebuhraya mengenakan bayaran tol yang tinggi. Dalam hal ini, saya minta kerajaan dapat bertimbang rasa dan memastikan kadar bayaran tol Lebuhraya Pantai Baru (NPE) sebanyak RM1.60 dikurangkan agar meringankan beban tanggungan penduduk bandar. Okey, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mambong.

**Tuan James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kerana dilantik sebagai Timbalan Speaker.

Tadi Yang Berhormat bagi Kelana Jaya sebut beberapa masalah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tetapi tidak boleh panjang-panjang.

**Tuan James Dawos Mamit:** .... kemiskinan di bandar termasuklah pencemaran alam sekitar, dan Yang Berhormat juga ada sebut tadi masalah berlaku kerana tidak ada kemudahan awam. Bersetujukah Yang Berhormat jika pihak PBT mewujudkan fasiliti-fasiliti yang tertentu seperti *garbage collection* dan juga *sanitary facility* bagi mereka lebih-lebih lagi di kawasan setinggan, kerana saya nampak inilah masalah pencemaran alam sekitar di kawasan setinggan, tidak ada *garbage collection* dan juga tidak ada *sanitary facility*.

Yang kedua, Yang Berhormat juga menyebut kadar inflasi. Kadar inflasi adalah satu fenomena global, dan juga di negara kita memang susah kerajaan hendak mengawal inflasi. Macam mana jika kerajaan memberi subsidi kepada mereka yang miskin di luar bandar ini supaya barang yang *basic* yang diperlukan oleh mereka ini diberi subsidi supaya mereka mampu hendak membelinya.

**Tuan Loh Seng Kok:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa pencemaran alam sekitar ini perlu ditangani di kawasan pedalaman. Untuk adakan kutipan sampah oleh pihak berkuasa tempatan, saya rasa bagi kawasan rumah setinggan perlu didaftarkan atau dikelompokkan ataupun dipindahkan ke rumah panjang supaya pendaftaran angka yang sebenarnya tentang rumah panjang ini dapat dikira, supaya pihak berkuasa tempatan dapat mengambil kira dan merancang bagaimanakah kutipan sampah ini dapat dilakukan di kawasan-kawasan sedemikian.

Tentang kadar inflasi, saya percaya bahawa kerajaan seharusnya menetapkan adanya indeks kepada barang-barang yang perlu supaya kadar inflasi ini dapat dikawal untuk kepentingan semua peringkat, semua lapisan masyarakat termasuklah penduduk-penduduk miskin di bandar dan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Bera bangun.

**Tuan Loh Seng Kok:** Bera, okey.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kelana Jaya, saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa setinggan-setinggan tidak berminat untuk berpindah ke kawasan penempatan semula kerana tempatnya jauh dan pelbagai masalah lagi. Masalah itu timbul kebanyakannya di kawasan penempatan semula yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta. Tentunya pemaju swasta ingin memperolehi keuntungan yang maksimum.

Perkara ini telah pun lama berlarutan dan sehingga kini masih belum diselesaikan. Adakah Ahli Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya mengambil alih semua pembinaan rumah-rumah murah untuk dibahagikan kepada para setinggan kerana tentu sahaja pihak kerajaan tidak akan mencari keuntungan hasil daripada pembinaan rumah murah tersebut.

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bagi Bera, kalau kerajaan mampu untuk membina rumah kos rendah kepada golongan miskin bolehlah dilakukan, tetapi apa yang penting sekarang adalah bagi projek-projek terbengkalai saya rasa perlu diberi perhatian khususnya saya ambil contoh, di kawasan Kelana Jaya ada sebuah kampung Kampung Penaga di mana penduduk telah pun dijamin untuk diberi, ini adalah kawasan rumah panjang, penduduk telah diberi jaminan akan dipindah ke rumah pangsa kos rumah rendah dalam masa dua tahun, tetapi sehingga sekarang 17 tahun belum dipindahkan lagi, saya rasa bukan sahaja kerajaan perlu membina rumah kos rendah, tetapi projek-projek terbengkalai yang melibatkan pembeli-pembeli dari golongan miskin harus diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah sebagai suatu alat pembukaan identiti rakyat negara perlulah berwawasan, pendekatan yang digunakan mestinya mudah diterima serta sesuai dengan tuntutan masa, lantaran itu sistem pendidikan sekarang yang terlalu menekankan pencapaian akademik dan penguasaan kemahiran di negara kita, perlulah diteliti dan difikir masak-masak perkembangan dan implikasinya.

Jika kita ada sekolah-sekolah yang terlalu mementingkan keputusan peperiksaan sahaja, sehingga mengabaikan perkembangan mental pelajar-pelajar dan perkembangan seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani, siapa yang harus dipersalahkan?

Jika anak-anak kita terpaksa bertungkus lumus sehingga pukul 11.00 dan ada kalanya 12.00 tengah malam untuk menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru-guru dan ada-ada sahaja peperiksaan yang menunggu mereka, siapa yang akan terasa tertekan dan kecewa? Pendek kata kita perlu menilai semula metodologi sistem pendidikan negara kita.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada Dewan ini supaya satu jawatankuasa penilaian semula, dengan izin, *review committee*, yang diketuai bersama



oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi segera dibentuk untuk mengkaji perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sektor pendidikan nampak lebih signifikan apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat rombakan Kabinet dengan mewujudkan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. Langkah ini menunjukkan bahawa kerajaan terus memberi penekanan yang khusus dalam sektor pendidikan, ini adalah kerana dasar-dasar pendidikan yang dilaksanakan haruslah relevan dengan kehendak semasa dan memberi peluang pendidikan dengan skop yang seluas dan ke tahap yang setinggi mungkin untuk generasi muda kita demi kepentingan jangka masa panjang negara.

Dalam konteks ini, pendidikan dijadikan sebagai suatu alat untuk memenuhi keperluan sumber manusia yang berkualiti dalam membangunkan negara serta melahirkan masyarakat yang berintegriti, dengan itu kita perlu menubuhkan lebih banyak institusi pendidikan yang *conducive* dan selesa untuk pengajaran dan pembelajaran.

Strategi yang harus diguna pakai ialah mempelbagai dan memperbanyakkan kemudahan pelajaran di semua peringkat dari prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah hinggalah ke kolej dan universiti.

Kita semua sedia maklum bahawa saiz optimum sebuah sekolah ialah dengan keluasan tanah enam ekar, bilangan pelajar tidak melebihi 805 orang, tidak melebihi 23 buah bilik darjah dengan bilangan pelajar tidak melebihi 35 orang satu kelas, namun begitu terdapat sekolah-sekolah dengan keluasan tanah yang kecil tetapi terpaksa menampung beribu-ribu orang pelajar.

Keadaan ini sangat ketara di kawasan bandar dan bandar raya termasuklah Kuala Lumpur, Johor Bharu, Petaling Jaya.

Saya mengambil SJK(C) Lick Hung di dalam kawasan Kelana Jaya sebagai contoh, dengan keluasan tanah 2.5 ekar, sekolah ini terpaksa menampung seramai 3,987 orang murid, 80 kelas dibuka, dengan 50 orang satu kelas, banyak lagi sekolah menghadapi keadaan yang sama di daerah Petaling dan bandar-bandar lain. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan ada berusaha membina sekolah-sekolah baru, tetapi bagi kawasan-kawasan kritikal yang tersebut di atas, misalnya di daerah Petaling, Selangor, kadar pertambahan bilangan murid bagi SJK setiap tahun di antara tahun 1998 hingga 2004, adalah dalam lingkungan 7.5% hingga 8.5%, maka untuk menampung keperluan penempatan murid mempelbagaikan dan memperbanyakkan kemudahan pelajaran yang *conducive*, tapak-tapak rizab sekolah di kawasan perumahan baru mestilah diperuntukkan bagi pembinaan SJK.

Saya percaya kerajaan yang jujur, prihatin dan mengutamakan rakyat di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi akan memastikan anak-anak kita dididik dan dibesarkan dalam persekitaran yang *conducive* membolehkan mereka menjadi warga negara yang berpengetahuan, beretika, bertanggungjawab dan berkebolehan bagi mencapai taraf hidup yang lebih baik serta memenuhi kehendak-kehendak dan aspirasi negara selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.

**Tuan Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Beluran bangun Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** Hendak habis sudah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Tuan Loh Seng Kok:** Saya hendak habiskan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan ini.

**Tuan Ronald Kiandee:** Sedikit sahaja.

**Tuan Loh Seng Kok:** Okey, satu minit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Okey, Beluran.

**Tuan Ronald Kiandee:** Tuan Yang di-Pertua, okey terima kasih. Saya tertarik dengan ucapan Kelana Jaya, kesungguhan untuk membina banyak sekolah di bandar, saya yakin Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membina banyak sekolah di bandar, dalam Rancangan Malaysia Kelapan pun sebahagian besar penubuhan sekolah-sekolah menengah, sekolah rendah dilakukan di bandar. Saya beri contoh satu Tuan Yang di-Pertua, tiga sekolah menengah yang sepatutnya dibina dalam Rancangan Malaysia Kelapan di kawasan saya, terpaksa dicarryforwardkan kepada Rancangan Malaysia Kesembilan disebabkan pembinaan sekolah-sekolah menengah yang telah dilaksanakan di bandar.

Saya ingin minta pendapat Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, sama ada melihat keperluan pendidikan ini semata-mata di kawasan bandar dan menidakkan kawasan luar bandar dan minta pendapat Ahli Yang Berhormat sama ada kerajaan dan kementerian yang terlibat dalam konteks ini untuk melihat keperluan itu disamaratakan, keperluan di bandar mana yang termasuk dalam rancangan-rancangan Malaysia yang sepatutnya dilaksanakan juga dilaksanakan di kawasan luar bandar kerana melihat keperluan pendidikan itu bukan sahaja ditumpu kepada bandar tetapi murid-murid, masyarakat luar bandar juga harus menikmati pendidikan yang sebaik-baiknya untuk sama-sama dapat bersaing dalam negara yang besar ini. Terima kasih.

**Tuan Loh Seng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya menekankan kawasan bandar kerana kawasan bandar kemudahan pelajaran adalah kritikal, di kawasan luar bandar memang ada sekolah-sekolah disediakan, dan tambahan pula pelajar-pelajar di kawasan luar bandar semakin turun, ada pula sekolah-sekolah di kawasan luar bandar perlu dipindah ke kawasan bandar, itulah saya hendak tekankan bahawa kawasan-kawasan yang lebih kritikal haruslah dibina lebih banyak sekolah dan kemudahan-kemudahan pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini dan sekali lagi ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

*Berterbangan sekawan rama-rama,*

*Hinggap seekor di atas lalang,*

*Marilah kita berusaha sama-sama,*

*Jadikan negara tercinta cemerlang, gemilang dan terbilang. [Tepuk]*

Dengan pantun ini saya mohon menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Temerloh. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat dari Temerloh, sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ipoh Timor.

**5.20 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Diraja yang mewakili ucapan dasar pertama kerajaan baru yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Yang Kelima pada Perasmian Parlimen Yang Kesebelas semalam.

Saya percaya Yang Amat Berhormat telah menjangkakan timbulnya reaksi apabila perenggan kedua ucapan Titah Diraja telah merujuk kepada Pilihan Raya Umum Yang Kesebelas yang telah berlangsung pada 21 Mac 2004 sebagai telah berjalan dengan baik tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini dan melafazkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat terutama sekali Suruhanjaya Pilihanraya bahawa pilihan raya umum lepas adalah jauh daripada dijalankan secara baik tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini dapat dibuktikan pertamanya oleh bilangan petisyen pilihan raya yang tertinggi, yang difailkan dalam mana-mana di antara sebelas pilihan raya yang diadakan dalam sejarah 46 tahun negara.

Yang kedua, buat kali pertama satu usul pendakwaan atau *impeachment* di Parlimen terhadap Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya dan ahli-ahli suruhanjaya tersebut. Usul tidak percaya tersebut terhadap Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat di atas nama saya yang berbunyi: "*Bahawa Dewan ini*

*memutuskan untuk mendakwa Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya, Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman serta ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya dengan meluluskan satu usul tidak percaya terhadap mereka kerana mengendalikan pilihan raya umum yang paling memalukan dan kejam serta kelam-kabut dalam 46 tahun sejarah negara ini menjadikan pilihan raya umum Mac 2004 baru-baru ini suatu pilihan raya umum yang paling tidak adil, tidak bebas dan tidak bersih berbanding dengan kesemua sebelas pilihan raya umum yang diadakan di dalam negara ini sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.*

Memandangkan kerajaan telah menunjukkan rela bersetuju untuk memperuntukkan masa untuk perbincangan mengenai usul pendakwaan terhadap Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya serta ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya kerana mengendalikan pilihan raya umum yang paling memalukan dan kelam-kabut dalam 46 tahun seperti negara ini, saya akan menanggungkan banyak perkara yang saya ingin perkatakan mengenai Pilihan Raya Umum 2004 sehingga keputusan muktamad mengenai perbincangan usul tersebut dibuat esok....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Esok boleh. Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Esok ya? Esok. Perdana Menteri telah mengambil langkah yang serius....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia kata besok.

**Tuan Lim Kit Siang:** ....dan melakukan usaha yang bersepadu untuk menyusun semua syarikat yang berkaitan kerajaan atau GLC. Penyusunan semua signifikan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat, esok.

**Tuan Lim Kit Siang:** .... telah lewat. Namun usaha ini membuktikan apa yang telah diabaikan oleh rejim kerajaan terdahulu. Saya mengalu-alukan bahawa seorang ahli pengurusan bank ....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** ....pelaburan yang profesional – Azman Mokhtar telah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor, ada dua....

**Tuan Lim Kit Siang:** ....telah diamanahkan tugas....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Esok ya. Esok tengok takut atau tidak takut... *[Disampuk]* Diamanahkan tugas dan tanggungjawab yang penting untuk mengetuai Khazanah dengan harapan seperti yang beliau nyatakan, bukan untuk mengurus secara mikro syarikat-syarikat terbabit dengan dikuasai oleh Khazanah.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Integriti Negara yang sepatutnya bertujuan untuk meningkatkan tahap integriti di dalam pentadbiran dan pengurusan negara. Integriti sedemikian kekurangan semasa pemerintah awal rejim kerajaan ini. Namun pasaran kewangan meskipun Bursa Saham Kuala Lumpur, bursa Malaysia tidak menampakkan tanda mengalu-alukan langkah yang diketengahkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, Indeks Komposit Kuala Lumpur

iaitu KLCI telah jatuh 15.6 mata kerana Ramalan Penyusunan Semula (GLC) dan jatuh lagi sebanyak 9.1 mata selepas pengumuman tersebut, menyebabkan jumlah kerugian sebanyak 1.5 bilion ringgit kepada semua pelabur termasuk Khazanah.

Marilah kita mengingatkan kembali ramalan yang dibuat oleh Barisan Nasional semasa kempen pilihan raya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu dengan beraninya meramalkan bahawa selepas Barisan Nasional mencapai kemenangan yang muktamad dengan majoriti yang amat besar sekali, dana asing yang bernilai 30 bilion ringgit akan mengalir masuk ke bursa Malaysia atau dalam unjuran yang mudah, komposit indeks Kuala Lumpur akan menjangkau 1,000 mata selepas pilihan raya umum. Ini telah dijangkakan oleh fakta oleh sebab KLCI telah jatuh daripada kedudukan tertinggi sebanyak 918 mata pada 22 Mac kepada 994 pada 15 Mei, iaitu 124 mata atau kerugian yang besar sebanyak 7.5 bilion ringgit. Semalam ia telah jatuh lagi kepada 781.5 mata sungguhpun hari ini ada naik sedikit ....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Esok ya. Di manakah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** *Point of Order* Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jadi Speaker di Kedah tidak cukup?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak boleh baca. Baik, menteri semua tidak baca. Mana ada bajet, mana ada Rancangan Malaysia Kelima. Nantilah esok ya. Okey, teruskan.

Di manakah.... *[Disampuk]* 30 bilion ringgit tersebut? Di manakah komposit indeks 1000 mata? Di manakah pengaliran masuk dana asing yang telah bertukar menjadi pengaliran keluar ataupun mereka kurang yakin dan melarikan diri daripada kemenangan Barisan Nasional? Adakah pasaran kewangan kedua-dua pelabur tempatan dan asing memberitahu kita bahawa Kerajaan Barisan Nasional sedang melakukan perkara-perkara yang salah?

Kebanyakan kerugian yang dicatatkan di atas menilai sejurus selepas dialog prabelanjawan tahunan di antara sektor swasta dan Kerajaan Barisan Nasional. Siri dialog tersebut mempunyai tema utama "*Public-Private Participation*" (PPP) untuk mempertingkatkan daya saingan dan keberkesanan. Adakah para pelabur ingin memberitahu kita bahawa tema PPP tersebut tersalah tumpuannya. Barangkali Kerajaan Barisan Nasional melihat pokok sebagai rimba atau secara singkatnya semua langkah penyusunan semula pengurusan integriti dan sebagainya tidak secara langsung menangani cabaran yang dihadapi oleh ekonomi dari segi pertumbuhan masa depan dan secara berterusan.

Penstrukturan semula dan risiko-risiko yang perlu dihadapi telah diujjarkan bahawa kerajaan sedang berusaha untuk menguruskan secara mikro sambil mengikut jejak langkah yang telah ditinggalkan oleh warisan kerajaan yang lama. Berikut adalah satu pandangan yang telah saya terima. Syarikat-syarikat multinasional atau MNC dan lebih 8,000 lesen untuk sektor pembuatan yang sedang beroperasi di Malaysia sudah mencapai tahap produktiviti dan daya saingan antarabangsa.

Cubalah kita menyeru syarikat-syarikat seperti Intel, Motorola, Matsushita, IOI, YTL dan sebagainya untuk memperkukuhkan daya saingan mereka sedangkan mereka adalah syarikat-syarikat yang terunggul di pasaran. Cubalah kita memberitahu perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana SME yang selama ini membekalkan produk dan perkhidmatan kepada MNC tersebut, apa yang sepatutnya dilakukan atau cubalah kita memberitahu *public bank* dan yang lain, apa yang perlu dilakukan dan bagaimana untuk beroperasi.

Sebenarnya, apa yang kerajaan cuba perbaiki hanyalah GLC menyediakan kerajaan yang tidak diuruskan dengan baik melalui Khazanah, kerajaan negeri, badan-badan berkanun seperti KWSP dan pentadbiran kerajaan dan juga kerajaan tempatan lain. Bagaimanakah kerajaan boleh begitu senang melupakan isu-isu dan cabaran-cabaran yang sedang dihadapi negara kita pada ketika ini dan pada masa depan.

Bagaimana kita dapat menganggap pokok sebagai rimba. Mungkin pasaran kewangan tidak mencerminkan dengan sepenuhnya sektor-sektor sebenar, tetapi dalam penentuan ekonomi mikro, negara menghadapi beberapa cabaran nyata yang mana Kerajaan Barisan Nasional gagal menyentuh setakat ini.

Satu daripadanya ialah kemerosotan FDI. Kita telah dimaklumkan berkali-kali oleh pelbagai pihak termasuk menteri yang terlibat bahawa terdapat peningkatan FDI yang berterusan, tetapi apakah keadaan sebenarnya yang berlaku. Apa yang dapat diperhatikan ia bercanggah. Buat, buat kilang tidak digunakan di Shah Alam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, boleh sambung besok?

**Tuan Lim Kit Siang:** Esokkah? Boleh, baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa persidangan telah tamat. Saya tangguhkan persidangan dan disambung jam 10.00 pagi esok. Dewan ditangguhkan.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***



LAMPIRAN

**TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG XII  
TUANKU SYED SIRAJUDDIN IBNI AL-MARHUM TUANKU  
SYED PUTRA JAMALULLAIL**

*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*

*Assalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh,*

*Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian.*

*Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama di Istiadat Pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Kesebelas pada hari ini.*

*Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala dan berasa amat gembira kerana Pilihan Raya Umum Yang Kesebelas telah berjalan dengan baik tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini. Beta melafazkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat terutama sekali Suruhanjaya Pilihan Raya, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia. Beta mengucapkan tahniah kepada rakyat yang telah menunaikan kewajipan dan menggunakan hak mereka untuk memilih sebuah kerajaan. Beta juga mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Dewan yang telah dipilih dan berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh ikhlas dan jujur. Selaras dengan peranan dan tanggungjawab wakil yang dipilih rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah menunjukkan sifat dan tingkah laku yang setimpal semasa di Dewan yang mulia ini agar nama baik negara tidak terjejas.*

*Penghormatan dan keyakinan rakyat kepada Parlimen sebagai sebuah badan perundangan bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Perbahasan yang berkualiti, kehadiran dan penyertaan aktif Ahli-ahli Yang Berhormat akan mempengaruhi imej Parlimen dan amalan demokrasi di negara ini. Laksanakan tanggungjawab tersebut dengan semangat untuk meningkatkan taraf dan kemuliaan Dewan ini dengan menjunjung semangat demokrasi dan dengan sifat penuh kematangan.*

*Beta merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada bekas Memanda Beta Tun Dr. Mahathir bin Mohamad atas segala jasa dan pengorbanan beliau kepada rakyat dan negara selama 22 tahun menerajui kepimpinan kerajaan. Sebagai seorang pemimpin yang gigih, tegas dan berwawasan, beliau telah berjaya membawa negara ini ke persada kecemerlangan dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang dihormati dan disegani bukan sahaja di kalangan negara-negara Islam dan negara-negara membangun, tetapi juga di kalangan negara-negara maju.*

*Beta juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada Memanda Beta Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi di atas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima yang telah dapat sambutan amat baik oleh semua lapisan rakyat dan juga pemimpin-pemimpin dunia. Beta bersyukur pertukaran pucuk pimpinan telah terlaksana secara aman dan teratur. Inilah amalan tradisi negara kita yang amat membanggakan dan seharusnya diteruskan oleh generasi akan datang. Beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan di bawah kepimpinan Memanda Beta di atas kemenangan besar dalam Pilihan Raya Umum yang lalu. Beta penuh yakin kerajaan Beta akan menunaikan dengan sebaik-baiknya amanah yang diberi oleh rakyat itu. Beta juga penuh yakin Memanda Perdana Menteri akan meneruskan perjuangan untuk mempertahankan kedaulatan, kemerdekaan dan kesejahteraan Malaysia dengan kerjasama serta sokongan penuh semua lapisan rakyat untuk membawa negara ini ke mercu kejayaan yang lebih cemerlang, lebih gemilang dan lebih terbilang.*

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana terus melindungi negara daripada pelbagai ancaman, penyakit, krisis dan bencana seperti yang melanda beberapa negara di dunia. Dalam keadaan dunia tidak menentu yang penuh dengan pelbagai rintangan dan cabaran, rakyat Malaysia masih dapat menikmati kehidupan yang berkualiti dalam keadaan aman, stabil dan makmur. Kadar inflasi dan pengangguran yang rendah diiringi dengan lebihan akaun semasa imbalan pembayaran yang kukuh meletakkan Malaysia atas landasan yang mapan. Pencapaian yang amat membanggakan ini adalah hasil daripada kecekapan dan kebijaksanaan kerajaan Beta menggubal dasar-dasar dan strategi-strategi yang sesuai dan berkesan.

Beta amat bimbang terhadap beberapa perkembangan dalam dan luar negara pada masa kebelakangan ini yang boleh menggugat keselamatan negara serta menjejaskan kemakmuran dan kesejahteraan yang dinikmati selama ini. Di antara perkembangan itu adalah persaingan perdagangan antarabangsa yang kian meningkat, pemulihan ekonomi dunia yang masih lembap, keganasan kumpulan-kumpulan pelampau antarabangsa yang bertambah berleluasa, kecenderungan kuasa-kuasa besar mengambil tindakan yang tidak mematuhi norma antarabangsa, penyakit-penyakit berjangkit yang merebak secara meluas dengan tiba-tiba, isu perpaduan ummah serta masalah penyelewengan dan salah guna kuasa oleh mereka yang diamanahkan untuk menjaga kepentingan rakyat.

Berdasarkan perkembangan itu, kerajaan Beta telah mengambil tindakan tegas dan segera untuk meningkatkan keupayaan, kecekapan dan ketahanan negara supaya dapat menghadapi cabaran-cabaran dan arus perubahan dengan lebih berkesan. Di antara tindakan-tindakan yang telah diambil termasuklah merapatkan jurang hubungan kaum antara belia-belia Malaysia, meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam, membanteras gejala rasuah, mengurangkan karenah birokrasi, mewujudkan perkhidmatan barisan hadapan yang lebih cekap dan lebih mesra rakyat, memperkukuhkan keupayaan institusi-institusi awam, meningkatkan sistem pendidikan, mengamalkan ketelusan dan penjimatan dalam pengurusan ekonomi negara, mengenal pasti dan menerokai sumber pertumbuhan baru, memajukan kawasan luar bandar, merapatkan jurang pembangunan antara wilayah, pembaharuan sektor pertanian dan membasmi kemiskinan mutlak.

Beta berpendapat usaha-usaha ini tidak akan berjaya tanpa penerimaan dan sokongan semua pihak serta kesediaan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan amanah, cekap dan adil. Beta menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan, pemimpin-pemimpin korporat dan peneraju-peneraju badan sukarela serta masyarakat umum bekerjasama dengan Memanda Perdana Menteri untuk bersama-sama mengharungi cabaran-cabaran yang boleh menggugat kemakmuran dan kesejahteraan hidup rakyat Malaysia. Sejarah dunia dipenuhi dengan contoh empayar, tamadun dan kuasa besar yang telah hancur dan hilang dari muka bumi ini kerana rakyat mereka tidak bekerjasama antara satu sama lain dan hanya mementingkan diri sendiri.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Beta sedar kestabilan politik dan hubungan baik antara kaum merupakan faktor terpenting untuk membawa negara ke tahap yang lebih terbilang. Tanpa keharmonian kaum, ketenteraman awam dan kestabilan politik, kita tidak dapat memberi fokus kepada usaha-usaha pembangunan negara. Tanpa ketenteraman awam, pelabur-pelabur asing tidak melabur di negara ini. Tanpa ketenteraman awam, kita tidak akan dapat menjalankan aktiviti ekonomi dan sosial masing-masing. Keadaan sedemikian akan merugikan negara dan akhirnya rakyat yang akan menderita. Rakyat sewajarnya menghargai nikmat lahir di bumi Malaysia yang bebas dan merdeka.

Beta menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya terus mengekalkan semangat muhibah dan hormat-menghormati antara kaum yang merupakan asas keamanan dan kemajuan yang dinikmati selama ini. Rakyat Malaysia hendaklah memberi perhatian dan penekanan terhadap isu perpaduan kaum dalam segala usaha dan tindakan yang dilakukan. Sensitiviti kaum hendaklah



*dijaga dan kepelbagaian hendaklah dilihat sebagai suatu kekuatan kerana ia membolehkan kita melihat sesuatu masalah atau isu daripada pelbagai perspektif. Perpaduan kaum adalah tanggungjawab semua pihak dan bukan terletak kepada kerajaan sahaja. Justeru, kerajaan Beta akan meneruskan usaha-usaha membina satu kesatuan yang unik dari pelbagai perbezaan kaum serta meneruskan semangat toleransi dan saling menghormati antara kaum. Usaha-usaha ini telah pun diterjemahkan dalam pewujudan sekolah wawasan, majlis-majlis rumah terbuka sempena hari perayaan pelbagai kaum, mengekalkan sistem perkongsian kuasa antara pelbagai kaum, mengimbangi tumpuan dan pembabitan ekonomi antara kaum dan yang terbaru menerusi Program Khidmat Negara. Aktiviti-aktiviti belia dan sukan turut diadakan sebagai satu strategi ke arah perpaduan kaum.*

*Usaha akan diteruskan ke arah memantapkan keutuhan perpaduan rakyat untuk terus hidup dalam suasana harmoni, aman dan damai serta patriotik kepada negara. Pada masa yang sama, kerajaan Beta akan mengukuhkan integrasi pelajar bagi menyuburkan lagi perpaduan negara.*

*Dalam semangat tersebut, hasrat dan usaha kerajaan Beta menjadikan Sekolah Kebangsaan sebagai Sekolah Perdana amatlah bertepatan. Sekolah Kebangsaan perlulah mencapai tahap kemajuan yang memberikan keyakinan menjadi sekolah pilihan pertama setiap warga di negara ini. Beta menyeru setiap warga Malaysia secara bersama membantu usaha penting kerajaan memastikan perpaduan kaum di kalangan warga dapat dipupuk sejak dari usia remaja lagi dan sebaik-baik tempat adalah dalam alam persekolahan.*

*Memandangkan Program Khidmat Negara dilaksanakan julung kali di negara ini dengan tujuan meningkatkan semangat cintakan negara, perpaduan kaum dan integrasi nasional, maka Beta amat berharap semua lapisan rakyat memberi sokongan padu terhadap program ini. Kejayaan program ini amat penting demi membina sebuah generasi muda yang lebih patriotik, lebih berdisiplin dan bersatu padu serta mempunyai jati diri dan semangat waja untuk mendukung Wawasan 2020. Kerajaan Beta akan memperbaiki dan memantapkan lagi pelaksanaan Program Khidmat Negara ini supaya matlamatnya tercapai sepenuhnya.*

*Ahli-ahli Yang Berhormat,*

*Beta sedar kestabilan negara dan perpaduan masyarakat sukar dikekalkan sekiranya pertumbuhan ekonomi negara sentiasa lembap atau di paras negatif secara berpanjangan. Dalam keadaan ketiadaan peluang-peluang pekerjaan, kuasa beli yang rendah, mereka yang lapar tidak dapat membeli makanan dan sebagainya, manusia tidak dapat berfikir secara rasional. Mereka akan dikuasai oleh perasaan emosi dan mula bertindak secara tidak rasional. Mereka akan mudah dipengaruhi oleh khabar-khabar angin yang tidak berasas. Akhirnya mereka akan melakukan perbuatan yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Oleh itu, Beta menyeru semua lapisan rakyat memastikan keadaan sedemikian tidak berlaku di negara ini.*

*Beta amat berbangga dengan pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 5.2 peratus pada tahun 2003. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan jumlah pelaburan dan penggunaan dalam negeri. Peningkatan jumlah penggunaan dalam negeri telah disokong oleh peningkatan keyakinan pengguna serta kesan positif kekayaan berikutan harga komoditi yang kukuh dan kecergasan pasaran saham. Kerajaan Beta akan memastikan prestasi baik ekonomi negara masa kini diteruskan dengan mewujudkan strategi-strategi dan dasar-dasar yang baik yang boleh terus menyumbang kepada prestasi yang lebih baik di masa yang akan datang. Walau bagaimanapun, pihak-pihak yang berkenaan hendaklah berusaha mewujudkan nilai ditambah pada produk-produk mereka, meningkatkan dan memperluaskan perniagaan mereka, menerokai peluang-peluang perniagaan dan pasaran baru dan sebagainya. Di samping itu semua pihak hendaklah mengekalkan sentimen dan prestasi positif yang terserlah pada masa ini dengan menghindar melakukan sesuatu yang boleh menggugat sentimen positif itu.*

*Kerajaan Beta akan terus mengamalkan dasar fiskal yang berhemah. Sebelum ini, pelaburan dan perbelanjaan awam telah dipertingkatkan sebagai langkah kitaran balas untuk membendung kesan daripada kelembapan ekonomi dunia serta prestasi sektor swasta yang kurang cergas. Namun, dasar rangsangan fiskal seperti ini tidak boleh berterusan kerana ia akan menjejaskan kedudukan kewangan negara. Oleh itu, langkah-langkah akan diambil bagi memperkukuhkan kedudukan fiskal dalam tempoh akhir Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan untuk memastikan perbelanjaan awam yang lebih berkesan.*

*Sektor swasta perlu kembali memainkan peranan sebagai peneraju pertumbuhan dengan meningkatkan pelaburan sedia ada dan merintis pelaburan baru. Oleh itu tumpuan lebih akan diberi kepada pelaburan dalam negara. Di samping itu, pelaburan asing akan terus digalakkan terutamanya dalam bidang-bidang pertumbuhan baru dan strategik yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi.*

*Syarikat-syarikat milik kerajaan wajarlah menjadi sebaik contoh dari segi amalan pengurusan yang cekap, mementingkan produktiviti, berbelanja secara berhemah dan melaksanakan pelaburan secara bijak dengan memberi pulangan pelaburan yang baik. Amalan pengurusan yang telus yang diasaskan kepada penilaian yang objektif hendaklah dijadikan budaya dalam syarikat-syarikat milik kerajaan dan tanggung jawab mengendalikannya hendaklah diserahkan kepada kalangan profesional yang mahir dan ahli dalam sesuatu urusan niaga.*

*Dalam usaha mempertingkatkan daya saing ekonomi dan ketahanan negara terhadap arus perubahan, negara tidak lagi boleh bertanding atas kos yang rendah atau insentif-insentif khas dan di peringkat rangkaian nilai yang rendah untuk menarik pelabur asing. Negara perlu bertanding atas asas mutu perkhidmatan atau barangan dan di peringkat rangkaian nilai yang lebih tinggi. Usahawan tempatan hendaklah bertindak dengan lebih keyakinan diri dan gigih untuk menerokai sumber-sumber pertumbuhan baru seperti dalam bidang pertanian, pelancongan, kesihatan, perkhidmatan kewangan berdasarkan prinsip Islam, perkhidmatan francais dan sebagainya. Bidang bioteknologi merupakan salah satu bidang yang diberi keutamaan memandangkan bidang tersebut berpotensi sebagai satu sumber kekayaan negara yang besar di masa akan datang.*

*Peningkatan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam merupakan tindakan bijaksana yang sedang diambil oleh kerajaan Beta ke arah mempertingkatkan daya saing dan daya tahan negara. Sistem penyampaian yang kurang cekap dan kurang telus akan memudahkan kegiatan penyelewengan dan rasuah berlaku. Keadaan ini akan menyebabkan kos pengeluaran dan sara hidup meningkat. Di samping itu, mutu perkhidmatan, barangan serta prasarana akan terjejas. Akhirnya, pengusaha tempatan dan pelabur asing tidak akan berminat untuk melabur di negara ini dan pertumbuhan ekonomi akan terancam. Di samping mengurangkan kos menjalankan perniagaan, peningkatan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam mencerminkan keprihatinan kerajaan Beta terhadap harapan rakyat yang inginkan kepuasan apabila berurusan dengan kerajaan melalui perkhidmatan yang cekap, adil dan sempurna.*

*Dalam usaha meningkatkan perkhidmatan dan prestasi Perkhidmatan Awam, kerajaan Beta telah menyusun semula kementerian-kementerian secara besar-besaran. Penyusunan semula ini bertujuan memperkemas organisasi dan fungsi kementerian-kementerian supaya lebih fokus kepada bidang tugas masing-masing. Ini akan memudahkan tindakan yang perlu di ambil untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. Di samping itu, tindakan-tindakan yang lain adalah termasuk mewujudkan pasukan petugas untuk mengurangkan karenah birokrasi di setiap kementerian dan kerajaan negeri, menyusun semula struktur dan peranan pejabat daerah, pejabat tanah serta pihak berkuasa tempatan, mewujudkan perkhidmatan barisan hadapan yang lebih cekap dan lebih mesra rakyat dan meningkatkan mutu maklumat ekonomi yang diperlukan oleh sektor swasta.*

Walaupun masalah rasuah tidak berleluasa di negara ini, Beta memandang berat terhadap beberapa insiden di mana mereka yang diberi tanggungjawab untuk melindungi dan memelihara kepentingan rakyat telah gagal berbuat demikian, di sektor awam, sektor swasta dan lain-lain. Masalah ini perlu ditangani segera dan Beta berbangga kerajaan Beta telah membuktikan tidak memilih kasih dalam kesungguhan usaha membanteras rasuah dan berpegang kepada prinsip tiada pihak yang terlepas daripada undang-undang. Namun kerajaan Beta akan memastikan segala penyiasatan oleh pihak-pihak berkuasa dijalankan secara telus, bersopan santun serta mengikut peraturan dan undang-undang.

Komitmen kerajaan Beta membanteras rasuah dapat dilihat dalam penglibatan Malaysia yang aktif di forum-forum serantau dan antarabangsa serta menandatangani Konvensyen Membanteras Rasuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Merida, Mexico pada 9 Disember 2003. Untuk membudayakan integriti kerajaan Beta telah melancarkan Pelan Integriti Nasional. Pelan ini merupakan pelan induk yang bertujuan menetapkan hala tuju dan kerjasama semua lapisan masyarakat bagi membina sebuah masyarakat yang bermoral, beretika dan berintegriti tinggi bagi mencapai salah satu matlamat Wawasan 2020. Ia membuktikan komitmen kerajaan Beta untuk bersikap telus, 'accountable' dan mewujudkan semak dan imbang. Institut Integriti Malaysia telah ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan Pelan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Beta menyambut baik saranan kerajaan bahawa petani, pesawah dan nelayan tidak lagi dikaitkan dengan golongan miskin. Kerajaan Beta telah menyusun pelbagai strategi untuk memodenkan sektor pertanian supaya ia menjadi penjana sumber pendapatan dan pertumbuhan ekonomi yang baru. Prestasi cemerlang yang kita capai melalui penanaman kelapa sawit membuktikan bahawa bidang pertanian yang lain seperti buah-buahan tropika, akuakultur dan tanaman herba juga mempunyai potensi untuk mencapai kejayaan yang sama.

Beta berasa sukacita ketibaan pelancong ke negara ini telah meningkat, malah melebihi bilangan pelancong yang melawat Malaysia sebelum peperangan di Iraq dan krisis wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk atau SARS. Ini membuktikan kejayaan usaha-usaha kerajaan Beta menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang unggul dan selamat dikunjungi. Fokus akan diberikan untuk meningkatkan lagi promosi di pasaran-pasaran baru seperti di negara-negara Timur Tengah, Republik Rakyat China, India dan Jepun di samping menggalakkan pelancongan domestik.

Kerajaan Beta memberi tumpuan kepada perkembangan pembangunan dan penyelidikan dengan menyediakan pembiayaan penyelidikan yang menjurus kepada keperluan pasaran. Perkembangan penyelidikan dan pembangunan ini akan terus dipertingkatkan terutamanya komitmen dalam membangunkan industri angkasa. Program Angkasawan Negara akan memberi rangsangan kepada para saintis untuk meningkatkan pencapaian negara dalam bidang sains dan teknologi serta membolehkan penemuan-penemuan baru diperolehi untuk dimanfaatkan dalam sektor industri terpilih seperti perubatan dan seterusnya untuk mencapai matlamat mewujudkan masyarakat saintifik.

Beta berbangga kerana industri komunikasi dan multimedia terus berkembang dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Bilangan syarikat-syarikat antarabangsa dan tempatan yang memperoleh status Koridor Raya Multimedia bukan sahaja telah bertambah malahan melebihi sasaran. Projek Koridor Raya Multimedia kini telah bersedia untuk diperluaskan ke seluruh negara dengan penglibatan kerajaan-kerajaan negeri.

Beta berasa amat sedih dengan kadar kemalangan jalan raya yang masih tinggi dan mengorbankan banyak nyawa, terutamanya pada musim-musim perayaan. Kerajaan Beta telah berusaha untuk mengurangkan kemalangan jalan raya melalui pendidikan, tindakan tegas dalam

*penguatkuasaan serta penyediaan prasarana fizikal yang baik. Namun demikian, masih terdapat ramai pengguna jalan raya yang tidak mengutamakan keselamatan jalan raya dan keselamatan orang lain. Beta percaya bahawa usaha-usaha tersebut tidak akan mencapai matlamatnya sekiranya pengguna jalan raya sendiri tidak mengubah minda dan sikap mengutamakan keselamatan jalan raya. Beta amat berharap agar semua pengguna jalan raya lebih berhati-hati, lebih bertimbang rasa, lebih berdisiplin serta mematuhi peraturan semasa di jalan raya.*

*Beta berbangga kerana negara kita dihormati dan disegani oleh dunia luar dan kerap kali dijadikan model sebuah negara Islam yang sederhana, progresif dan berwawasan. Di zaman Islam dikecam hebat oleh Barat di mana Islam disamakan dengan keganasan, nama Malaysia terus harum dan kita berjaya membuktikan bahawa demokrasi dan kemajuan pesat tidak semestinya bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Tambahan pula negara kita diberi penghormatan oleh masyarakat antarabangsa dengan pelantikan sebagai Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan Pertubuhan Persidangan Islam. Penghormatan ini membolehkan Malaysia terus memainkan peranan yang lebih aktif dan lebih berkesan di bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa ketika dunia sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti isu pembebasan rakyat Palestin, pemulihan semula Afghanistan, pencerobohan Iraq serta ancaman kumpulan pelampau dan pengganas antarabangsa.*

*Kerajaan Beta mempromosikan Islam Hadhari yang progresif dan mengutamakan aspek-aspek pembangunan serta penambahbaikan tertentu seperti bidang pendidikan Islam, pelaksanaan undang-undang syariah dan sebagainya.*

*Beta amat prihatin terhadap akidah umat Islam di negara ini. Penghayatan dan amalan ajaran Islam yang sebenar adalah merupakan kunci kejayaan kesejahteraan, keamanan dan kemajuan negara. Islam adalah agama yang cintakan kedamaian dan kerajaan Beta telah membuktikan bahawa orang Islam dan bukan Islam dapat hidup bersama secara aman dan damai. Walau bagaimanapun, penafsiran yang sempit, amalan yang melampau serta tindakan-tindakan yang negatif adalah merupakan punca utama yang mengakibatkan umat Islam menjadi lemah dan terpinggir dari arus pembangunan. Keadaan negatif ini merupakan penyumbang utama kepada perpecahan dan kelemahan umat Islam. Kerajaan Beta akan meneruskan dengan lebih agresif usaha-usaha memberi penjelasan mengenai ajaran Islam sebenarnya bagi menghapuskan salah faham dan salah tafsir terhadap punca-punca yang boleh menimbulkan kegiatan keganasan dan melampau yang mengakibatkan perpecahan umat Islam dan menggugat perpaduan negara.*

*Keruntuhan akhlak dan penyakit sosial merupakan unsur yang boleh meruntuhkan keharmonian masyarakat, bangsa, negara dan tamadun manusia yang kita bina selama ini. Kita telah dikejutkan dengan pelbagai masalah sosial yang membimbangkan dengan perbuatan ganas merogol kanak-kanak, sumbang mahram, penyalahgunaan dadah dan lain-lain kegiatan yang tidak bermoral. Di samping kerajaan, masyarakat dan ibu bapa, ulama, guru agama, pendakwah dan cerdik pandai Islam hendaklah sama-sama memikul tanggungjawab untuk membasmi penyakit masyarakat ini. Pendekatan menghukum, menyalahkan orang lain dan mengadakan syarahan berbentuk umum hendaklah ditukar. Para ulamak dan pendakwah seharusnya sama-sama turun padang dan mendekati mereka yang berpenyakit ini dengan memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar. Pendekatan kasih sayang kemanusiaan dan perasaan ingin menolong secara ikhlas kepada mereka yang berpenyakit ini merupakan dakwah yang dikehendaki oleh Islam. Dengan kesungguhan dan perhatian berterusan maka dengan keizinan Allah, penyakit sosial ini akan dapat kita hapuskan.*

*Sistem pendidikan Islam yang maju dan selaras dengan keperluan negara adalah menjadi perhatian utama kerajaan Beta. Beta mengalu-alukan langkah memperkasakan pendidikan Islam melalui projek pengajaran Jawi, khatam Al-Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain (j-QAF) dalam sistem pendidikan kebangsaan seperti yang diumumkan oleh Memanda Perdana*

*Menteri. Beta yakin usaha-usaha murni ini akan melahirkan ummah berkualiti yang dapat membina pembangunan negara Malaysia supaya lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Beta berpuas hati dengan pencapaian pelaksanaan Program Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris pada tahun 2003. Pencapaian murid dalam mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris pada keseluruhannya adalah baik dan kejayaan ini telah dapat menangkis keraguan sesetengah pihak terhadap niat murni kerajaan semasa program ini diperkenalkan. Beta juga mengalu-alukan pelaksanaan Rangkaian Schoolnet yang akan menyediakan rangkaian jalur lebar internet kepada sepuluh ribu buah sekolah di seluruh negara demi memastikan penyediaan sumber manusia yang berasaskan pengetahuan di masa hadapan.*

*Pembangunan pesat di kawasan bandar tidak bermakna bahawa kerajaan Beta melupakan kepentingan dan keperluan masyarakat di luar bandar. Sebenarnya taraf hidup masyarakat luar bandar terus bertambah baik dengan peningkatan pendapatan, pengurangan kadar kemiskinan dan peningkatan kemudahan serta liputan prasarana asas. Kerajaan Beta berazam menghapuskan kemiskinan tegar dalam tempoh lima tahun. Bagi tujuan ini, tumpuan akan terus diberikan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan masyarakat luar bandar. Gerakan Daya Wawasan yang memberi penekanan kepada daya manusia, daya ekonomi dan daya pasaran telah dilancarkan dan akan diperkukuhkan. Menyedari potensi tanah rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) sebagai sumber ekonomi yang besar, kerajaan Beta akan menggembelng generasi kedua dan ketiga peneroka FELDA untuk memajukan tanah rancangan FELDA sebagai kawasan pembangunan ekonomi yang besar.*

*Kaum wanita dan keluarga memainkan peranan amat penting dalam agenda pembangunan negara dan sumbangan mereka amat dihargai. Langkah-langkah untuk memajukan kaum wanita akan diteruskan bagi meningkatkan sumbangan mereka kepada bangsa dan negara. Institusi keluarga akan terus diperkukuhkan bagi melahirkan generasi yang berkualiti, berakhlak, berilmu dan berdaya tahan. Jasa dan sumbangan warga emas juga perlu dihargai dan mereka dihormati. Pengalaman, kepakaran serta nilai-nilai murni sejagat yang ada pada warga emas perlu dipelajari dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh generasi muda.*

*Kesejahteraan pengguna amat penting bagi pembangunan negara. Penekanan akan terus diberikan kepada penstabilan bekalan dan harga barangan. Usaha berterusan adalah penting bagi menggalakkan pertumbuhan perniagaan yang sihat dan beretika. Perhatian serius akan terus diberikan untuk membanteras pengedaran bahan cetak rompak yang bukan sahaja mewujudkan masalah sosial dan menjejaskan imej negara, tetapi juga menyekat perkembangan kreativiti harta intelek dan menjejaskan hasil negara.*

*Beta memandang berat terhadap ancaman yang wujud daripada pengedaran dan penagihan dadah. Masalah ini telah wujud sejak kian lama dan menimbulkan keadaan yang amat tidak sihat kepada kesejahteraan sosial dan keselamatan awam. Kerajaan Beta akan memerangi dadah secara habis-habisan. Penglibatan semua lapisan masyarakat amat penting untuk mencapai matlamat "Malaysia Bebas Dadah" pada tahun 2015.*

*Kerajaan Beta telah menubuhkan Suruhanjaya Khas Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia. Tujuan penubuhan Suruhanjaya tersebut antara lain adalah untuk meningkatkan lagi kecekapan Polis Diraja Malaysia dalam menguatkuasakan undang-undang negara. Menjurus kepada ini, Suruhanjaya tersebut akan mengkaji struktur organisasi dan pengagihan sumber manusia Polis Diraja Malaysia serta kebajikan anggotanya. Kerajaan Beta akan melaksanakan perakuan-perakuan Suruhanjaya tersebut. Berhubung dengan bidang pertahanan, kerajaan Beta akan meneruskan langkah-langkah bagi meningkatkan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia demi menjamin pertahanan negara. Selaras dengan ini, usaha-usaha untuk melengkapkan Angkatan Tentera Malaysia dengan peralatan yang moden dan canggih akan diteruskan di samping memperkukuhkan infrastruktur pertahanan dan mempertingkatkan profesionalisme anggotanya. Selain itu, bagi menjamin anggota-anggota*

*Angkatan Tentera Malaysia dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sempurna, kebajikan mereka akan sentiasa diberi pertimbangan yang sewajarnya.*

*Beta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Anggota Perkhidmatan Awam, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia, dalam dan luar negara di atas perkhidmatan cemerlang untuk memelihara keselamatan dan kedaulatan negara. Segala komitmen, pengorbanan serta taat setia yang diberikan bagi memacu negara terus ke arah yang lebih gemilang dan selamat amat dihargai.*

*Ahli-ahli Yang Berhormat,*

*Pilihan Raya Umum telah pun berlalu dan kini adalah masanya semua lapisan masyarakat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pembangunan negara. Rakyat jelata hendaklah mengeratkan hubungan dalam masyarakat dan berbaik-baik di antara satu sama lain walaupun berlainan fahaman politik. Perihal ini hendaklah dicerminkan melalui kelakuan sahsiah yang baik, termasuk tindak tanduk di Dewan yang mulia ini.*

*Akhirnya Beta menyeru Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian supaya menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh hemah dan amanah demi kepentingan rakyat dan negara.*

*Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*